

**ANALISIS PERBEZAAN FATWA MENGENAI UNIT
AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)
DI MALAYSIA**

ABDUL HADI BIN MD ROFIEE

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**ANALISIS PERBEZAAN FATWA MENGENAI UNIT
AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)
DI MALAYSIA**

ABDUL HADI BIN MD ROFIEE

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Disertasi ini adalah kajian yang menganalisis perbezaan fatwa mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) di Malaysia. Kajian dibuat berasaskan kenyataan bahawa perbezaan fatwa ASB di Malaysia telah mencetuskan polemik yang luas. Polemik yang timbul bukan hanya berlegar dalam kalangan masyarakat awam, bahkan turut melibatkan golongan ilmuwan, pemain industri dan ahli politik. Situasi yang berlaku jika tidak diurus dengan baik akan memberi kesan yang tidak sihat kepada Islam dan ummah. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi meneliti hujah-hujah yang diguna pakai oleh pihak yang membolehkan ASB iaitu Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan yang tidak membolehkannya iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Kajian juga akan menyimpulkan pendekatan atau metodologi berfatwa yang diambil oleh kedua-dua pihak tersebut. Sepanjang kajian dijalankan, data dikumpul melalui buku, makalah yang autentik, jurnal dan dokumen yang banyak tertumpu di perpustakaan. Data juga dikumpul melalui laman sesawang dan perisian kitab. Selain itu, kaedah temu bual turut dijalankan bagi mendapatkan data yang lebih seimbang. Data yang terkumpul seterusnya dianalisis menggunakan empat kaedah terpilih iaitu pertama: induktif, kedua: membuat perbandingan, ketiga: mencari hubungan dan keempat: membuat rumusan. Hasil analisis yang dijalankan mendapati bahawa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mempunyai sandaran hukum, pendekatan dan metodologi berfatwa yang tersendiri ketika menentukan fatwa mengenai ASB. Kajian menyimpulkan bahawa fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI mengenai ASB dibuat berasaskan fiqah *maqāṣid* (*al-fiqh al-maqāṣidī*). Sementara fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mengenai ASB pula dibuat berasaskan fiqah *shakli* (*al-fiqh al-shaklī*). Pendekatan berfatwa berasaskan fiqah *maqāṣid* ialah pendekatan yang melihat kepada objektif syariah di sebalik sesuatu hukum. Sementara pendekatan berfatwa berasaskan fiqah *shakli* pula ialah pendekatan yang

bersifat formal, yang melihat kepada format dan bentuk sesuatu hukum. Kajian juga merumuskan bahawa perbezaan fatwa yang berlaku mesti diurus dengan baik supaya ia memberi kebaikan kepada umat Islam secara keseluruhan.

ABSTRACT

This dissertation is a study that explores the differences of fatwa with regard to the Amanah Saham Bumiputera (ASB) investment schemes in Malaysia. The topic of the study was chosen due to concerns that arose owing to the fatwa that resulted in arguments criticising the fatwa amongst the scholars, industry players, politicians and laymen. The study feels that such situation should be dealt with cautiously as it can bring a negative impact to Islam and Muslims. Hence this study conducted with the purpose of examining arguments from two parties who had delivered two differing fatwa with respect to the ASB, namely the Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) and the Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI concluded that the ASB investment scheme is permissible. However, the Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor resolved that the ASB investment scheme is not permissible, hence rendering it haram for Muslims to partake in the investment. The study will also analyse the way or method of deriving the fatwa from both sides. During the study, data is collected from authentic books, academic papers, journals and online resources. In addition to the methods above, interviews are also conducted with respective respondents relevant to the topic in hand in order to get first-hand information and opinions. Accumulated data are then analysed based on four types of methods namely; first the inductive method; second comparing the data; third to relate the information obtained; and fourth summarization of the findings. The study revealed that the Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI has its own arguments and approach in deriving the fatwa and so did the Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. The method of deriving the fatwa by Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI was grounded by *al-fiqh al-maqāṣidī*. Meanwhile the method of deriving the fatwa by Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor was founded by *al-fiqh al-shaklī*. The method *al-fiqh al-maqāṣidī* is based on the understanding of the Islamic jurisprudence which essentially looks at the objective of

shariah, while the *al-fiqh al-shaklī* is a formal methodology which basically looks at the form of a ruling. Following the study, it is concluded that the difference of views need to be controlled appropriately for the benefit of Islam and Muslims.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur bagi Allah SWT yang telah mengurniakan kehendak dan kekuatan kepada penulis sehingga mampu menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan seluruh para sahabat baginda yang telah berkorban jiwa dan raga demi Islam.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih penulis rakamkan kepada penyelia kajian iaitu Prof. Madya Datin Dr. Noor Naemah Binti Abd. Rahman. Sebagai penyelia, beliau tidak pernah jemu memberi teguran, tunjuk ajar, bimbingan, cadangan dan sebagainya sehingga penulis berjaya melaksanakan kajian ini. Mudah-mudahan Allah SWT membalas budi baik beliau dengan ganjaran yang lebih baik.

Penghargaan yang teristimewa penulis hadiahkan kepada ayahanda dan ibunda tercinta, Md Rofiee Bin Yahaya dan Hasniah Binti Khatib Shorbaini yang menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada penulis. Pengorbanan, ketabahan dan ketegasan mereka dalam mendidik dan memberi sokongan membuatkan penulis terus konsisten untuk menyiapkan kajian ini. Mudah-mudahan Allah SWT merahmati mereka sebagaimana mereka menyayangi penulis sejak dari kecil sehingga kini.

Ucapan terima kasih juga penulis tujukan kepada semua individu dan pihak yang memberi sumbangan sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan kajian ini. Mereka terdiri daripada Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Hj. Husin, pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan ke-5, Y. Bhg. Prof. Madya Dato' Haji Mohd Mokhtar Bin Haji Shafii, ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sesi 2009-2011, Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Bin Ab. Majid dan YBhg. Tan Sri Dato' Seri (DR) Hj. Harussani Bin Zakaria, panel penasihat syariah Permodalan Nasional Berhad (PNB), Dr. Aznan Hasan, ahli Majlis Penasihat Syariah (MPS)

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (2012/2014), saudara Suzardi Bin Maulan, pakar kewangan semasa dan beberapa individu lain yang tidak tersebut nama mereka di sini. Tidak dilupakan juga kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Mufti Negeri Selangor dan beberapa pihak lain yang tidak tersebut nama mereka di sini kerana sudi memberi bantuan dan kerjasama dalam menyiapkan kajian ini. Penulis mendoakan mudah-mudahan Allah merahmati mereka semua.

Akhir sekali, penulis juga mendoakan mudah-mudahan kajian yang kecil ini mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada perkembangan ilmu pengajian Islam. Amin.

Abdul Hadi Bin Md Rofiee
Lot 1991, Jalan Alor Setar,
Kampung Tualang, Bukit Besar,
06810, Kota Sarang Semut,
Kedah Darul Aman.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	xi
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Kajian Lepas	8
1.7 Metodologi Kajian	15

BAB 2: METODOLOGI HUKUM DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Pendahuluan	23
2.1 Konsep Fatwa	24
2.2 Sejarah Perkembangan Metodologi Hukum dalam Perundangan Islam	28
2.3 Metodologi Fatwa pada Zaman Mutakhir	34
2.4 Perbezaan Fatwa dan Faktornya	38
Penutup	54

BAB 3: UNIT AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) DAN FATWA MENGENAINYA

Pendahuluan	57
3.1 Unit Amanah	58
3.2 Perkembangan Unit Amanah dan Kepentingannya	
3.2.1 Sejarah Perkembangan Unit Amanah	61
3.2.2 Kepentingan Unit Amanah	65
3.3 Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB)	66

3.4 Fatwa Mengenai ASB di Malaysia

3.4.1 Pengenalan tentang Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)	76
3.4.2 Pengenalan tentang Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor	79
3.4.3 Fatwa Mengenai ASB oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Beserta Justifikasi	80
3.4.4 Fatwa Mengenai ASB oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Beserta Justifikasi	82
Penutup	86

BAB 4: ANALISIS METODOLOGI FATWA MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA (MKI) DAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR MENGENAI HUKUM PELABURAN ASB

Pendahuluan	88
4.1 Analisis Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Mengenai Hukum Pelaburan ASB	89
4.2 Analisis Fatwa Jawatankuasa Negeri Selangor Mengenai Hukum Pelaburan ASB	96

4.3	Rumusan	109
4.4	Pendapat Yang Terpilih	118
	Penutup	126
 BAB 5: PENUTUP		
	Pendahuluan	128
5.1	Kesimpulan	129
5.2	Cadangan	139
	Penutup	142
 BIBLIOGRAFI		143

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

Panduan Transliterasi

Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ا , ء	a , ’	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	ه	h
خ	kh	ظ	ẓ	و	w
د	d	ع	‘	ي	y
ذ	dh	غ	gh	ة	h , t
ر	r	ف	f		

Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi
َ	a	ا , ي	ā
ِ	i	ي	ī
ُ	u	و	ū

Diftong

Diftong	Transliterasi
اَ وْ	aw
اَ يْ	ay
اُ وْ	uww
اَ يْ	iy , ī

Senarai Kependekan

ASAS	: Amanah Saham Selangor
ASB	: Amanah Saham Bumiputera
ASD	: Amanah Saham Didik
ASG	: Amanah Saham Gemilang
ASM	: Amanah Saham Malaysia
ASN	: Amanah Saham Nasional
ASN2	: Amanah Saham Nasional 2
ASN3 Imbang	: Amanah Saham Nasional 3 Imbang
ASNB	: Amanah Saham Nasional Berhad
ASW 2020	: Amanah Saham Wawasan 2020
AS 1Malaysia	: Amanah Saham 1Malaysia
BSKL	: Bursa Saham Kuala Lumpur
DEB	: Dasar Ekonomi Baru
FIMM	: Federation of Investment Managers Malaysia
ISO	: International Organization for Standardization
JAKIM	: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JMS	: Jabatan Mufti Negeri Selangor
JPMI	: Jabatan Pasaran Modal Islam
KPII	: Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam
MIDF	: Malaysian Industrial Development Finance Berhad
MKI	: Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
MPS	: Majlis Penasihat Syariah
OIC	: Organization of the Islamic Conference
PNB	: Permodalan Nasional Berhad
SAC	: Shariah Advisory Council
SAW	: Sallallahu ‘alaihi Wasallam
SC	: Suruhanjaya Sekuriti
SWT	: Subhanahu Wa Ta‘ala
YPB	: Yayasan Pelaburan Bumiputra

BAB 1

PENDAHULUAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Fatwa merupakan satu elemen penting undang-undang Islam di zaman mutakhir ini. Ia membimbing dan menerangkan kepada masyarakat awam tentang hukum-hukum Islam yang menyentuh kehidupan, amalan, kepercayaan malah masa depan dan *survival* umat. Dalam konteks biasa, ia merupakan satu autoriti atau rujukan di dalam soal-soal agama yang dipatuhi baik secara kesedaran terhadap agama itu atau kadang-kadang secara kuatkuasa pemerintah yang mewajibkan fatwa itu diikuti.¹

Sungguhpun sesuatu fatwa itu adalah berautoriti dan sah dari aspek teori perundangan Islam dan diyakini oleh masyarakat akan kesahihan dan ketepatannya mengikut hukum Islam, namun banyak pihak terutamanya masyarakat mempersoalkan tentang keberkesanan sistem dan pentadbiran institusi fatwa.² Fokus perhatian mereka tertumpu kepada pihak yang mengeluarkan fatwa berbanding kandungan fatwa itu sendiri. Lebih daripada itu, masyarakat juga sering mempersoalkan status atau autoriti fatwa itu sendiri, khususnya apabila berlaku perbezaan antara satu fatwa dengan fatwa yang lain dalam permasalahan yang sama terutama sekali apabila melibatkan isu yang penting.³

¹ Ahmad Hidayat Buang, "Penulisan dan Kajian Fatwa", dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), 1.

² 1) *Ibid.* 3; 2) Siti Maisarah, "Fatwa – The Extent of the Ruling, Need for Uniformity in Rulings", dalam *Malaysian Law News* (Selangor: Central Law Book Corporation Sdn Bhd, Februari 1996), 5 – 6.

³ Contohnya seperti fatwa mengenai unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang menjadi fokus kajian ini (akan dijelaskan kelak). Di Malaysia, telah berlaku perbezaan fatwa mengenai ASB. Lantas ia menimbulkan banyak persoalan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini dikesan melalui beberapa pertanyaan yang sering diajukan sama ada dalam sesi konsultasi, di seminar kewangan Islam, blog, laman sesawang, buku dan sebagainya.

Berhubung perkara ini, Othman Ishak menjelaskan bahawa antara faktor yang menyebabkan autoriti fatwa di Malaysia menjadi lemah adalah fatwa yang dikeluarkan tidak selaras. Oleh kerana Semenanjung Malaysia mengandungi beberapa buah negeri, dan tiap-tiap negeri mempunyai mufti atau jawatankuasa Syariah yang tersendiri, maka kadangkala terdapat setengah-setengah fatwa yang dikeluarkan itu berbeza antara satu dengan yang lain mengenai satu masalah yang sama. Walhal masyarakat Melayu khasnya dan semua negeri di Semenanjung Malaysia adalah berpegang teguh kepada pendapat Mazhab Shāfi‘ī pada keseluruhannya. Jadi apabila fatwa rasmi yang dikeluarkan itu didapati tidak selaras hukumnya, maka berikutnya autoriti fatwa itu dapat dipertikaikan oleh masyarakat Islam, dan dengan sendirinya autoriti fatwa itu menjadi lemah. Susulan daripada itu, maka penerimaan masyarakat Islam terhadap fatwa juga tidak secara menyeluruh⁴ sepertimana yang dapat diperhatikan pada masa kini.

Dalam perundangan Islam, ketidakselarasan fatwa dalam suatu permasalahan yang sama boleh berlaku. Melihat kepada realiti semasa di Malaysia, antara ketidakselarasan atau perbezaan fatwa yang berlaku merangkumi pelbagai bidang sama ada bidang akidah, ibadah, sosial, jenayah, ekonomi, kewangan dan sebagainya. Penelitian terhadap fatwa di Malaysia juga mendapati fatwa yang menyentuh bidang ekonomi dan kewangan semakin bertambah jumlahnya lantaran bidang tersebut semakin diberikan perhatian. Fatwa mengenai unit amanah (*unit trust*) adalah antara yang mendapat perhatian masyarakat.

⁴ Dr. Othman bin Haji Ishak, *Fatwa dalam Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1981), 186 – 187.

1.2 Permasalahan Kajian

Di Malaysia, terdapat pelbagai unit amanah yang ditawarkan. Namun antara unit amanah yang mendapat perhatian masyarakat adalah Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang ditawarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Ia merupakan syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Unit Amanah ini akan menjadi fokus dalam kajian ini.

Perbincangan mengenai hukum melabur dalam ASB bukan hanya berlegar dalam kalangan masyarakat awam sahaja, bahkan melibatkan para ilmuwan dan pakar sama ada daripada bidang pengajian Islam mahupun ekonomi dan kewangan. Para pemimpin rakyat juga tidak terkecuali dalam membincangkan perkara ini.⁵ Apa yang berlaku menunjukkan bahawa isu ini mendapat perhatian banyak pihak.

Selain itu, unit amanah ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat Malaysia. Situasi ini didorong oleh kepelbagaian pelaburan, pengurus yang profesional, pentadbiran yang mudah, kecairan dan berkemampuan untuk melabur.⁶ Namun begitu, terdapat juga dalam kalangan masyarakat yang tidak menerima unit amanah ini. Ia adalah rentetan wujudnya perbezaan pendapat dan fatwa mengenai hukum melabur dalam unit ASB.

Hal-hal yang menyentuh sejauh mana kepentingan ASB?, adakah boleh menyertai pelaburan ASB?, apakah hujah yang digunakan oleh pihak yang mengatakan boleh dan tidak boleh?, pendapat manakah yang sesuai untuk dipegang dan beberapa persoalan lain adalah antara yang berlegar dalam kalangan masyarakat bagi menentukan sikap mereka terhadap perbezaan ASB.

⁵ Dalam persidangan Dewan Rakyat 24 Oktober 2011 yang lalu, YB Dr. Siti Mariah Mahmud (Kota Raja) telah bertanya kepada Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (Menteri Di Jabatan Perdana Menteri) mengenai isu fatwa ASN dan ASB. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri itu menjawab bahawa jawapan bertulis akan diberikan.

⁶ Amanah Saham Nasional Berhad, "Faedah Melabur Dalam Unit Amanah", laman sesawang *Amanah Saham Nasional Berhad*, dicapai 5 Mac 2013, <http://www.asnb.com.my/benefits.htm>.

Sesungguhnya terdapat beberapa fatwa mengenai ASB telah dikeluarkan di Malaysia. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan merangkumi peringkat kebangsaan, wilayah persekutuan dan juga negeri. Merujuk kepada Portal Rasmi Fatwa Malaysia (e-Fatwa) dan beberapa buah laman web rasmi jabatan mufti negeri, didapati bahawa fatwa yang membolehkan pelaburan dalam Amanah Saham Nasional (ASN), ASB dan seumpamanya adalah fatwa kebangsaan,⁷ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,⁸ negeri Kelantan⁹ dan Terengganu.¹⁰

Manakala fatwa yang tidak membolehkan pula adalah fatwa negeri Pulau Pinang¹¹ Pahang¹² dan Selangor.¹³ Negeri-negeri lain pula, terdapat yang menerima pakai fatwa kebangsaan manakala sebahagian yang lain masih belum mengadakan perbincangan dan mengeluarkan kenyataan rasmi.

Jika dilihat kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan, ternyata telah berlaku perbezaan fatwa antara pihak yang mengharuskan dan yang tidak mengharuskan pelaburan dalam ASB. Perbezaan yang berlaku telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat, bahkan timbul sikap saling menyalahi antara mereka yang tidak memahami dengan jelas hakikat sebenar fatwa dan perbezaan pendapat yang boleh

⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Fatwa Kebangsaan - Pelaburan Dalam ASN, ASB Dan Seumpamanya", laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 5 Mac 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pelaburan-dalam-asn-asb-dan-seumpamanya>.

⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Fatwa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputra (ASB) dan Skim Yang Seumpamanya", laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 5 Mac 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pelaburan-dalam-amanah-saham-nasional-asn-amanah-saham-bumiputra-asb-dan-skim-yan>.

⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Fatwa Negeri Kelantan - Hukum Pelaburan Dalam Skim ASB, ASN dan Pelaburan-Pelaburan Lain Seumpamanya", laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 5 Mac 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pelaburan-dalam-skim-asb-asn-dan-pelaburan-pelaburan-lain-seumpamanya>.

¹⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Fatwa Negeri Terengganu - ASN dan ASB", laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 5 Mac 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/asn-dan-asb-0>.

¹¹ 1) Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Fatwa Negeri Pulau Pinang - Permasalahan Mengenai Wang Shubbah / Haram/ ASN", laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 5 Mac 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/permasalahan-mengenai-wang-shubbah-haram-asn>. ; 2) Pengesahan juga telah diperolehi melalui perbualan dalam telefon pada 26 September 2011 bersama dengan Ustaz Mohd Hanif Bin Omar, Setiausaha Jawatankuasa Fatwa bagi Jabatan Fatwa Negeri Pulau Pinang. Hal ini kerana dalam Portal Rasmi Fatwa Malaysia, terdapat dua fatwa negeri Pulau Pinang berhubung perkara ini yang saling bertentangan.

¹² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Fatwa Negeri Pahang - Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional dan Seumpamanya" laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 5 Mac 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pelaburan-dalam-amanah-saham-nasional-dan-seumpamanya>.

¹³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Fatwa Negeri Selangor - Penilaian Semula Hukum Pelaburan Aamanah Saham Nasional (ASN) Dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya", laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 5 Mac 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penilaian-semula-hukum-pelaburan-aamanah-saham-nasional-asn-dan-amanah-saham-bumiputera>.

berlaku dalam perundangan Islam. Berdasarkan penjelasan yang lalu, kajian ini akan meneliti perbezaan fatwa mengenai ASB berpandukan persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah metodologi fatwa menurut perundangan Islam.
2. Apakah unit ASB dan fatwa mengenainya yang telah dikeluarkan di Malaysia.
3. Apakah pendekatan berfatwa yang diguna pakai oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor ketika menentukan hukum pelaburan ASB.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif penting seperti berikut:

1. Menghuraikan metodologi fatwa menurut perundangan Islam.
2. Menjelaskan unit ASB dan fatwa mengenainya di Malaysia.
3. Mengenal pasti pendekatan berfatwa antara Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mengenai hukum pelaburan ASB.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilakukan kerana mampu memberi sumbangan seperti berikut:

1. Dapat menghuraikan metodologi fatwa menurut perundangan Islam kepada pembaca.
2. Dapat menambah pengetahuan pembaca terhadap unit ASB dan fatwa mengenainya di Malaysia.

3. Dapat membantu pembaca mengenal pasti pendekatan berfatwa yang dipakai oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam menentukan hukum pelaburan ASB.

1.5 Skop Kajian

Perkataan fatwa dalam kajian ini merujuk kepada pengertian yang dinyatakan dalam Kamus Dewan iaitu: “keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran, hadith dan sumber hukum lain, termasuk ijtihaad oleh mufti (atau mereka yang berwenang tentang keputusan hukum syarak).”¹⁴ Dengan kata lain, perkataan fatwa dalam kajian ini secara umumnya adalah pendapat hukum mengenai sesuatu perkara dan secara khususnya adalah pendapat hukum mengenai sesuatu perkara yang dikeluarkan oleh badan berautoriti dalam bidang fatwa di Malaysia.

Walaupun terdapat beberapa fatwa mengenai ASB dikeluarkan di Malaysia, namun fokus kajian hanya terarah kepada dua fatwa sahaja. Dua fatwa tersebut adalah fatwa kebangsaan pada 1-3 Februari 2008 yang mengharuskan ASB dan fatwa negeri Selangor pada 12 April 2011 yang memutuskan bahawa pelaburan ASB adalah tidak halal. Fatwa kebangsaan dipilih kerana statusnya sebagai badan penyelaras fatwa peringkat Kebangsaan. Selain itu, fatwa kebangsaan juga dipilih kerana ia sering menjadi tempat rujukan fatwa bagi masyarakat. Sementara itu, fatwa negeri Selangor pula dipilih kerana pada awalnya mereka membolehkan pelaburan dalam unit ASB sebelum mengatakannya tidak halal. Fatwa yang dikemukakan mereka juga mendapat liputan yang meluas dan mencetuskan beberapa persoalan dalam kalangan masyarakat.

¹⁴ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 408, entri “fatwa”.

Daripada kedua-dua fatwa di atas, kajian ini akan menganalisis metodologi atau pendekatan fatwa yang diambil oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam menetapkan hukum pelaburan ASB.

1.6 Kajian Lepas

Fokus sorotan kajian lepas hanya tertumpu kepada kajian-kajian yang menyentuh mengenai fatwa ASB dan disusun mengikut tahun bermula dari yang terdahulu sehingga yang terkemudian. Hasil sorotan kajian lepas mendapati bahawa kajian-kajian yang menyentuh mengenai fatwa ASB dapat dibahagikan kepada dua kumpulan utama. Pertama: kajian yang menganalisis metodologi atau pendekatan berfatwa secara khusus seperti meneliti pemakaian sesuatu sumber hukum dan hujah yang digunakan dalam berfatwa. Kedua: kajian yang menganalisis metodologi berfatwa secara umum.

Menyentuh mengenai pemakaian sesuatu sumber hukum dalam berfatwa, **Saipul Anuar Bin Haji Mohd. Yusop**¹⁵ telah melakukan analisis sejauh mana pemakaian doktrin *sadd al-dharā'i'* sebagai sumber fatwa dalam fatwa-fatwa yang dikeluarkan di negeri Selangor. Beliau telah memilih skop kajian mengenai fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh mufti negeri Selangor melalui mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) negeri Selangor, bermula dari tahun 1986 sehingga 1995. Beliau telah mengemukakan masalah dan keputusan, seterusnya menganalisis sejauh mana doktrin *sadd al-dharā'i'* dipakai. Antara masalah yang dikemukakan beliau adalah hukum wang dividen dan bonus ASB.¹⁶

¹⁵ Saipul Anuar Bin Haji Mohd. Yusop, "*Sadd al-Dharā'i'* Sebagai Sumber Fatwa: Satu Kajian Tentang Pemakaiannya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Selangor" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 1999).

¹⁶ *Ibid.*, 131.

Hasil kajian beliau merumuskan bahawa sebahagian besar daripada fatwa-fatwa yang telah diwartakan boleh dikaitkan dengan pemakaian doktrin *sadd al-dharā'i'*. Rumusan beliau juga menunjukkan bahawa pentingnya pemakaian doktrin *sadd al-dharā'i'* untuk menjaga kepentingan masyarakat umum. Walaupun Saipul Anuar Bin Haji Mohd. Yusop telah membincangkan persoalan mengenai ASB dan metodologi fatwa yang digunakan, namun fatwa mengenai ASB yang menjadi skop kajian beliau adalah keputusan fatwa bagi hukum wang dividen dan bonus ASB yang dikeluarkan pada 16 Februari 1993. Sedangkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini menyentuh mengenai fatwa ASB yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada tahun 2011.

Alias Bin Azhar¹⁷ dalam kajian beliau pula telah membincangkan secara terperinci berkenaan metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. Dalam usaha untuk mencapai objektif kajian, beliau telah melakukan penganalisan statik terhadap teks-teks fatwa terdahulu yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dalam tempoh 11 tahun (semenjak 1985 – 1995). Antara teks fatwa yang dianalisis termasuk persoalan mengenai hukum dividen ASN dan ASB. Selain itu, kajian perbandingan turut dilakukan bagi melihat keselarasan atau perbezaan yang wujud dalam aspek perkembangan dan metodologi hukum menurut sejarah perundangan Islam dan negeri Kedah. Kajian ini juga turut meninjau berkenaan persoalan sejauh manakah keterikatan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dengan mazhab tertentu dan pengaruh *taqlīd* dalam perkembangan fatwa di negeri Kedah.

¹⁷ Alias Bin Azhar, "Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian Dari Tahun 1985-1995" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2001).

Hasil kajian beliau secara keseluruhan merumuskan bahawa ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah tidak membentuk kaedah tersendiri untuk mengeluarkan fatwa, sebaliknya berpegang kepada prinsip-prinsip *fiqh* yang telah disediakan oleh mazhab Syafii dan Hanafi untuk mengeluarkan hukum baru bagi permasalahan semasa terutamanya bidang ibadah dan muamalat yang banyak merujuk kepada *fiqh* mazhab Hanafi. Dengan kata lain, ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah tidak mempunyai metodologi pengeluaran hukum yang tersendiri, khususnya dalam membentuk kaedah ijtihad, sebaliknya banyak mengaplikasikan kaedah *talfiq* dalam mengeluarkan fatwa.¹⁸ Mengenai ASN dan ASB pula, beliau merumuskan bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berbeza dengan kajian yang dilakukan. Kesilapan ini menyebabkan masyarakat berpegang kepada perkara bertentangan dengan Islam seperti fatwa mengenai keharusan ASN dan ASB. Hal ini kerana kajian susulan mendapati bahawa ia masih terlibat dalam sektor kewangan yang mengamalkan riba, tetapi hukum yang dikeluarkan tetap menghalalkannya.¹⁹

Walaupun Alias Bin Azhar telah membincangkan secara terperinci berkenaan metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dan menyentuh mengenai hukum dividen ASN dan ASB, namun fokus kajian beliau adalah fatwa yang dikeluarkan pada 3 April 1991. Sedangkan fokus kajian ini adalah pendapat hukum mengenai ASB yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 dan keputusan fatwa ASB oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 12 April 2011.

¹⁸ *Ibid.*, 123

¹⁹ *Ibid.*, 126-127.

Seterusnya **Ahmad Hidayat Buang**²⁰ dalam artikel beliau telah menganalisis beberapa fatwa dalam bentuk warta dan minit mesyuarat yang pada pandangan beliau mempunyai kaitan dengan kepentingan sosial, ekonomi dan kehidupan umat Islam di Malaysia. Tajuk-tajuk yang dipilih meliputi aspek-aspek ibadat, sosial, ekonomi dan amalan harian kehidupan umat Islam. Dalam tajuk ekonomi, beliau telah menyentuh secara ringkas mengenai persoalan keharusan jual beli saham ASN dan ASB. Menurut beliau, persoalan mengenai ASN dan ASB telah dijawab dengan positif oleh jawatankuasa fatwa negeri-negeri. Beliau memberikan contoh fatwa negeri Kedah yang berpendapat jual beli saham ASN dan ASB adalah sah sungguhpun terdapat bantahan daripada pihak tertentu bahawa terdapat beberapa unsur yang haram di dalam urusan saham-saham tersebut. Fokus fatwa negeri Kedah yang beliau sentuh adalah fatwa Kedah pada 15 Ogos 1992 dan 9 Jan 1993.²¹

Hasil analisis keseluruhan yang dilakukan menyimpulkan bahawa fatwa-fatwa di Malaysia setakat yang dikumpulkan bersifat progresif dan sentiasa memberi perhatian kepada kehendak-kehendak dan tuntutan perubahan masa dan keadaan. Menurut beliau lagi, aspek yang kurang jika pun terdapat adalah kaedah dan metodologi dalam mengemukakan hujah dan rujukan kepada sumber-sumber yang lebih muktabar di dalam mazhab, terutama mazhab-mazhab lain selain Syafi'i.²² Susulan daripada itu, kajian yang penulis jalankan ini akan menganalisis pendekatan fatwa mengenai ASB yang diambil oleh Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

Hasnan Kasan dalam buku tulisan beliau pula telah melakukan beberapa kritikan terhadap institusi fatwa di Malaysia. Sebelum melakukan kritikan, beliau telah meneliti beberapa fatwa berkenaan isu semasa. Antara isu semasa yang disentuh adalah amanah saham. Dalam isu amanah saham, beliau hanya menyentuh fatwa mengenai Amanah

²⁰ Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah Di Malaysia", *Jurnal Syariah* 10, bil. 1 (2002), 39-52.

²¹ *Ibid.*, 49.

²² *Ibid.*, 50.

Saham Selangor (ASAS) yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Selangor pada tahun 1997 dan fatwa mengenai ASN yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada tahun 1985.²³

Hasil analisis beliau telah menyenaraikan beberapa kritikan terhadap institusi fatwa di Malaysia. Pertama; penerimaan terhadap institusi fatwa berbeza di mana sebahagian menerima secara total fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa, manakala sebahagian yang lain hanya menerima sebahagian sahaja dan menolak sebahagian yang lain. Kedua; fatwa tidak selaras yang mana ia boleh menimbulkan kesan yang tidak baik kepada orang ramai dan juga institusi fatwa sendiri. Ketiga; fatwa yang dikeluarkan tidak didokumentasikan dengan baik. Keempat; keahlian ahli jawatankuasa syariah kurang memuaskan. Kelima; prosedur mengeluarkan fatwa kurang sesuai. Keenam; institusi fatwa tidak mempunyai autoriti penuh. Akhir sekali ketujuh; penjelasan fatwa tidak lengkap.²⁴

Walaupun fokus penulisan beliau berbeza dengan kajian ini, namun hasil kritikan beliau terhadap institusi fatwa di Malaysia memberi input yang berharga kepada pengkaji khususnya pada kritikan yang pertama dan kedua iaitu penerimaan terhadap institusi fatwa berbeza dan fatwa tidak selaras. Melihat kepada persoalan mengenai ASB, fatwa yang dikeluarkan tidak selaras di mana ada pihak yang membolehkan dan ada yang tidak membolehkan. Hal ini sekaligus menyebabkan penerimaan terhadap institusi fatwa berbeza. Justeru itu, kajian ini akan menganalisis perbezaan fatwa mengenai ASB di Malaysia dengan memberikan fokus dan tumpuan kepada pendekatan berfatwa yang diambil oleh pihak yang membolehkan iaitu Jawatankuasa Fatwa MKI dan pihak yang tidak membolehkan iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

²³ Hasnan Kasan, *Institusi Fatwa di Malaysia* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), 106-108.

²⁴ *Ibid.*, 128-148.

Perubahan fatwa khususnya di Malaysia merupakan satu perkara yang biasa berlaku. Ia juga selari dengan prinsip hukum dalam Islam di mana satu hukum boleh berubah dengan sebab perubahan masa dan tempat. Sehubungan dengan itu, **Irwan Bin Mohd Subri**²⁵ telah melakukan kajian mengenai perubahan fatwa di Malaysia. Fokus kajian beliau tidak terarah kepada aspek teori sahaja, bahkan meliputi aspek praktikal dengan meneliti beberapa isu yang mengalami perubahan fatwa di Malaysia.

Antara fatwa yang dibincangkan adalah pelaburan dalam ASN dan ASB. Perbincangan beliau banyak berkisar mengenai perubahan fatwa kebangsaan yang pada mulanya mengharamkan pelaburan dalam ASN dan ASB sebelum mengatakannya harus. Beliau merumuskan bahawa perubahan fatwa kebangsaan mengenai isu ASN dan ASB berlaku disebabkan oleh hujah *maṣlahah* iaitu untuk menguatkan ekonomi orang Islam khususnya masyarakat bumiputera Islam di Malaysia. Seterusnya beliau memilih pendapat yang tidak membolehkan pelaburan ASN atau ASB kerana aspek darurat yang tidak jelas.

Dalam analisis yang dijalankan, beliau hanya menyentuh fatwa ASN dan ASB yang dikeluarkan pada peringkat kebangsaan tanpa melakukan pertimbangan dan perbandingan yang terperinci dengan fatwa-fatwa yang lain. Analisis yang beliau jalankan juga hanya memberi fokus kepada hujah fatwa tersebut khususnya dari aspek *maṣlahah* tanpa melakukan penelitian yang mendalam terhadap pendekatan fatwa yang digunakan sepertimana fokus kajian ini. Sungguhpun begitu, kajian beliau telah memberi maklumat awal mengenai metodologi berfatwa yang menjadi asas kepada pengeluaran fatwa harus ASN dan ASB di peringkat kebangsaan.

²⁵ Irwan Bin Mohd Subri, “al-Fatāwā al-Shar‘iyyah wa Ishkālīyyah al-Thabāt wa al-Taghayyur: Dirāsah Taṭbīqīyyah fī al-Wāqī‘ al-Mālīzī” (tesis kedoktoran, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011).

Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail dalam kertas kerja seminar mereka yang bertajuk Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad²⁶ pula berusaha untuk menganalisis semula jenis akad yang berlaku dalam pelaburan ASB berasaskan kepada penyelidikan perpustakaan dan sorotan kritis terhadap pandangan para sarjana dan fatwa tempatan.

Sebelum itu, kertas kerja di atas mendapati bahawa antara punca berlaku perselisihan pendapat mengenai hukum melabur dalam ASB adalah pertama; ketidakpastian kategori sebenar akad yang berlaku, kedua; aspek jaminan pulangan modal dan ketiga; aspek tiada pernyataan secara jelas terhadap cara pembahagian untung yang berlaku dalam ASB.

Hasil analisis kertas kerja menyimpulkan bahawa kontrak dalam ASB mendekati akad dalam kategori mudarabah secara kolektif dalam sesuatu institusi kewangan (*al-mudārabah al-mushtarakah fi al-mu'assasāt al-māliyyah*). Kajian juga menegaskan tidak berlaku sebarang akad mudarabah antara pelabur, ASNB dan PNB. Sebaliknya akad mudarabah jika berlaku sekalipun hanyalah antara pihak ASNB yang diwakili oleh pengurus dana dengan portfolio pelaburan. Sementara penetapan keuntungan pula berlaku antara pelabur dan ASNB berdasarkan apa yang terkandung dalam surat ikatan amanah. Justeru itu, isu tiada penetapan kadar keuntungan tidak timbul.²⁷ Adapun mengenai persoalan jaminan pulangan modal, kertas kerja menyatakan bahawa masalah mencanggahi pendapat yang disepakati ulama dalam persoalan hukum modal pelabur yang dijamin tidak timbul kerana ia hanya pendapat kebanyakan ulama. Bahkan pendapat yang tidak masyhur boleh sahaja dipegang oleh pihak pemerintah berdasarkan konsep siasah politik syariah apabila ia lebih mendekati kepentingan masyarakat dan negara.²⁸

²⁶ Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail, "Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad" (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa VII (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011).

²⁷ *Ibid.*, 13.

²⁸ *Ibid.*, 9.

Kertas kerja di atas hanya menganalisis semula hujah pihak yang memfatwakan ASB sebagai tidak halal. Ia tidak menjelaskan apakah pendekatan berfatwa yang menjadi pegangan pihak tersebut. Namun begitu, hasil analisis kertas kerja tersebut dapat membantu pengkaji membuat kesimpulan mengenai metodologi dan pendekatan berfatwa yang diambil oleh pihak yang mengharuskan ASB khususnya dari aspek penghujahan.

Hasil sorotan daripada kesemua kajian lepas, jelas masih terdapat ruang yang boleh diteliti. Ruang yang dimaksudkan itu adalah perbezaan fatwa mengenai unit ASB di Malaysia iaitu melakukan perbandingan antara fatwa peringkat kebangsaan dan negeri Selangor. Kajian yang dijalankan akan mengenal pasti metodologi dan pendekatan fatwa yang diambil oleh Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor ketika menentukan hukum pelaburan ASB.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ialah perkara paling penting dalam sesebuah kajian. Secara empirikalnya, metodologi kajian yang dilaksanakan sepanjang kajian ini terbahagi kepada dua iaitu pertama: kaedah pengumpulan data dan kedua: kaedah penganalisan data.

1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah ini dijalankan bagi mendapatkan data mengenai metodologi fatwa dalam perundangan Islam, unit amanah, fatwa ASB dan perbincangan lain yang berkaitan. Ia meliputi Bab 2, Bab 3, dan Bab 4. Data yang dikumpul diperolehi daripada buku, makalah yang autentik, jurnal dan dokumen. Pengumpulan data daripada kesemua sumber ini banyak tertumpu di:

- a) Perpustakaan Utama, Universiti Malaya Kuala Lumpur
- b) Perpustakaan Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur
- c) Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya
- d) Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- e) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Gombak
- f) Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah

Selain itu, beberapa buah laman sesawang rasmi turut dirujuk. Antara laman sesawang yang dirujuk adalah seperti berikut:

- a) Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB),
<http://www.asnb.com.my/index.htm>
- b) Federation of Investment Managers Malaysia, <http://www.fimm.com.my/>
- c) Permodalan Nasional Berhad, <http://www.pnb.com.my/>
- d) Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my>
- e) Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, <http://www.sc.com.my>
- f) “Maybank Islamic”, <http://maybankislamic.com.my/about.html>
- g) Laman-laman sesawang bagi jabatan-jabatan mufti negeri lain
- h) dan laman-laman sesawang berautoriti yang mempunyai kaitan dengan fokus kajian.

Sesuai dengan perkembangan teknologi semasa, penggunaan beberapa perisian (software) yang diakui juga dilakukan, antaranya adalah:

- a) *al-Maktabah al-Raqmiyyah* (Digital Library)
- b) *al-Maktabah al-Shāmilah*
- c) *al-Jāmi‘ al-Kabīr*

Bagi mendapatkan data yang lebih seimbang, temu bual tematik²⁹ dijalankan terhadap beberapa orang responden yang mempunyai kaitan dengan kajian dan kepakaran dalam bidang fatwa dan kewangan semasa.

Dalam bidang fatwa, responden yang ditemu bual adalah Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Dr. Abdul Shukor Bin Hj. Husin.³⁰ Beliau adalah pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan ke-5 dan telah berkhidmat dari tahun 2005 sehingga sekarang. Temu bual dengan beliau dijalankan bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai fatwa harus melabur dalam ASB dan kaitannya dengan pendekatan berfatwa yang diambil, status ekonomi masyarakat Bumiputera di Malaysia dan pertimbangan *maṣlahah* atau darurat dalam persekitaran ekonomi semasa.

Selain itu, temu bual juga telah dijalankan dengan Y. Bhg. Prof. Madya Dato’ Haji Mohd Mokhtar Bin Haji Shafii,³¹ mewakili YBhg. S.S. Dato’ Setia Haji Mohd. Tamyas Bin Abd. Wahid, mufti negeri Selangor. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sesi 2009-kini.

²⁹ 1) Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 71 ; 2) Temu bual tematik juga dikenali dengan temu bual tanpa struktur. Maksudnya pelaksanaan temu bual ini adalah berasaskan tema yang telah dirancang lebih awal. Selain itu, temu bual ini juga berfungsi lebih kepada untuk melengkapkan dan mengesahkan maklumat yang sedia ada.

³⁰ Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Dr. Abdul Shukor Bin Husin (pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan ke-5 dari tahun 2005 sehingga sekarang), dalam temu bual dengan penulis, 10 Mei 2013.

³¹ Y. Bhg. Prof. Madya Dato’ Haji Mohd Mokhtar Bin Haji Shafii (Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sesi 2009-2011), dalam temu bual dengan penulis, 24 Mei 2012.

Temu bual dengan beliau dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai fatwa tidak halal ASB yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan kaitannya dengan metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan.

Di samping itu, responden daripada kalangan panel penasihat syariah PNB juga dipilih iaitu Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Bin Ab. Majid³² dan YBhg. Tan Sri Dato' Seri (DR) Hj. Harussani Bin Zakaria³³ Pemilihan mereka sebagai responden temu bual dilakukan bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan seperti mengapa harus melabur dalam ASB, kepentingan (*maṣlahah*) ASB kepada ekonomi masyarakat Bumiputera Islam di Malaysia dan bagaimana pertimbangan maslahat dilakukan serta sejauh mana proses Islamisasi ASB telah, sedang dan akan dilakukan oleh PNB.

Temu bual turut dijalankan dengan salah seorang ahli Majlis Penasihat Syariah (MPS) SC sesi 1 Julai 2012 – 31 Julai 2014 iaitu Dr. Aznan Hasan.³⁴ Pemilihan responden dalam kalangan ahli MPS SC dilakukan kerana antara fungsi SC adalah mengawal selia semua perkara yang berkaitan dengan skim unit amanah.³⁵ Justeru itu, temu bual dengan Aznan Hasan dijalankan bagi menjawab persoalan mengapa ASB masih tidak mendapat pengiktirafan patuh syariah daripada MPS SC dan bagaimana pula penilaian dilakukan.

Manakala responden yang dipilih daripada kalangan mereka yang aktif dalam bidang kewangan semasa pula adalah saudara Suzardi Bin Maulan atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Di.³⁶ Temu bual bersama beliau dijalankan bagi mendapatkan

³² Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Bin Ab. Majid (panel penasihat syariah Permodalan Nasional Berhad (PNB)), dalam temu bual dengan penulis, 26 April 2013.

³³ YBhg. Tan Sri Dato' Seri (DR) Hj. Harussani Bin Zakaria (panel penasihat syariah Permodalan Nasional Berhad (PNB)), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

³⁴ Dr. Aznan Hasan (Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 5 April 2013.

³⁵ Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, "Yang Kami Lakukan", laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia*, dicapai 20 April 2013, <http://www.sc.com.my/main.asp?pageid=492&menuid=430&newsid=&linkid=&type=>.

³⁶ 1) Suzardi Bin Maulan (konsultan prinsipal AFIQ Training & Advisory), dalam temu bual dengan penulis, 13 Jun 2012 ; 2) Suzardi Maulan {Pakdi} merupakan konsultan prinsipal AFIQ Training & Advisory. Firma perunding latihan bebas dalam bidang pengurusan kewangan peribadi secara Islami. Beliau merupakan seorang Islamic Financial Planner (IFP), trainer CashFlow & pelaburan saham indeks. Beliau telah menghasilkan sebuah buku bertajuk Rancang Wang Dari Sekarang dan juga sebuah ebook; Panduan CashFlow. Beliau juga aktif menulis blog www.Pakdi.net yang fokus mengenai isu pengurusan kewangan semasa, pelaburan & bisnes. Selain itu beliau juga menulis secara berkala untuk subjek pengurusan kewangan peribadi dan pelaburan untuk MajalahNiaga.com. Mula terlibat dalam dunia pengurusan kewangan sejak tahun 2004. Berkelulusan LLB dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Mempunyai sijil profesional Islamic Financial Planner (IFP) {Challenge Status} dari Financial Planning Association of Malaysia

penjelasan dan pandangan mengenai realiti ASB perbezaan fatwa mengenainya daripada kaca mata pakar kewangan semasa. Selain itu, beliau turut berkongsi alternatif atau solusi yang sesuai bagi ASB.

1.7.2 Kaedah Penganalisan Data

Kajian yang dijalankan ini bersifat kualitatif. Proses analisis data kualitatif biasa dikenali dengan kaedah umum iaitu induktif dan deduktif.³⁷ Dalam kajian ini, kaedah induktif telah dipilih. Kaedah khusus yang digunakan untuk menganalisis data pula adalah membuat perbandingan, mencari hubungan dan membuat rumusan.³⁸

a) Induktif

Kaedah induktif ialah proses pemahaman masalah kajian atau mencari penyelesaiannya berlaku secara generatif atau berterusan di mana maklumat dikumpul dan terus dikumpul sehingga terjawab masalah itu atau dirumuskan penyelesaiannya.³⁹ Kaedah ini dilaksanakan dalam keseluruhan kajian bermula daripada Bab 2, Bab 3 dan Bab 4 sehinggalah objektif kajian dicapai.

(FPAM) dan Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM). Lihat Suzardi Maulan {Pakdi}, "Bio", laman sesawang *Suzardi Maulan*, dicapai 13 Mac 2013, <http://www.suzardimaulan.com/163/>.

³⁷ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, 101.

³⁸ *Ibid.*, 102.

³⁹ *Ibid.*, 101.

b) Membuat Perbandingan

Membuat perbandingan adalah untuk menentukan sumber yang boleh dipertanggungjawabkan, memperbandingkan fakta untuk menentukan fakta yang sahih atau lebih sahih, memperbandingkan kaedah untuk mencari kaedah yang paling tepat, memperbandingkan teori untuk menentukan teori yang paling sesuai dan juga memperbandingkan pendapat untuk mencari pendapat yang paling berasas.⁴⁰

Kaedah membuat perbandingan digunakan ketika menghurai metodologi berfatwa menurut perundangan Islam. Kaedah ini juga digunakan ketika mengenal pasti metodologi dan pendekatan berfatwa yang diambil oleh Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam usaha mencari penyelesaian hukum mengenai persoalan ASB.

c) Mencari Hubungan

Sesuatu maklumat tentu sekali tidak wujud secara bersendirian kerana pasti ada hubungan antara satu maklumat dengan yang lain. Hubungan ini sama ada satu hala, dua hala atau hubungan yang kompleks.⁴¹ Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti hubungan yang wujud antara metodologi berfatwa menurut perundangan Islam dan pendekatan berfatwa yang diguna pakai oleh Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam menentukan hukum pelaburan ASB.

⁴⁰ *Ibid.*, 102.

⁴¹ *Ibid.*, 105.

d) Membuat Rumusan

Perumusan dihasilkan oleh perbincangan dan pengolahan data atau maklumat yang telah dilakukan, iaitu, untuk menyimpulkan atau mencari natijah dari perbincangan berkenaan.⁴² Secara umumnya, kaedah membuat rumusan diguna pakai pada setiap bab bagi merumuskan hasil daripada perbincangan yang telah dijalankan.

⁴² *Ibid.*

BAB 2

METODOLOGI HUKUM DALAM PERUNDANGAN ISLAM

BAB 2

METODOLOGI HUKUM DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Pendahuluan

Perbincangan dalam bab ini bermula dengan menjelaskan konsep fatwa iaitu definisi dari segi bahasa dan istilah. Sesuai dengan kajian ini yang memberi fokus kepada metodologi fatwa mengenai ASB, maka perbincangan mengenai metodologi hukum dalam perundangan Islam juga dimuatkan. Perbincangan meliputi metodologi mengeluarkan hukum pada zaman Rasulullah SAW, zaman para sahabat, zaman para *al-tābi 'īn*, zaman kewujudan mazhab, zaman *taqlīd* dan zaman kebangkitan sehingga zaman kini.

Antara fokus lain kajian ini adalah perbezaan fatwa mengenai ASB. Justeru itu, perbincangan mengenai perbezaan fatwa dalam perundangan Islam turut menjadi perhatian. Perbezaan fatwa dalam perundangan Islam berlaku kerana beberapa faktor. Sebahagian faktor berpunca daripada pihak yang memberi fatwa. Sebahagian yang lain berpunca daripada alasan dan penghujahan yang digunakan oleh pihak yang berfatwa. Sebahagian yang lain pula berasaskan kepada keadaan semasa yang menjadi latar belakang kepada keputusan fatwa. Ada antara faktor tersebut dapat dikaitkan secara langsung dengan perbezaan fatwa yang berlaku di Malaysia. Sehubungan dengan itu, bab ini akan membentangkan faktor yang memungkinkan berlaku perbezaan fatwa dengan merujuk kepada situasi semasa di Malaysia.

2.1 Konsep Fatwa

Fatwa merupakan satu elemen penting dalam syariat Islam. Fatwa dikeluarkan bagi menerangkan kepada manusia mengenai hukum-hakam Islam yang menyentuh kehidupan dan menjamin kelangsungan umat meliputi soal kehambaan (ibadah) dan kemasyarakatan (muamalat). Fatwa dalam erti kata yang tepat ialah suatu pendapat hukum yang dikeluarkan berdasarkan kepada hujah dan dalil syarak. Sebaliknya fatwa yang berasaskan kepada hawa nafsu, maka ia bukan fatwa dalam erti kata yang sebenar.

Terdapat pelbagai definisi telah diberikan bagi menjelaskan maksud fatwa. Pemberian definisi fatwa dapat dibahagikan kepada dua iaitu dari segi bahasa dan istilah.

Fatwa berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *al-fatwā* (الفتوى). Dari segi bahasa, *al-fatwā* atau *al-futyā* (الفتيا) diambil daripada *fatā* (فتى) dan *fatawa* (فتو) yang bermaksud penerangan. Fatwa juga bermaksud jawapan bagi sebarang kemusykilan hukum.⁴³

Ibn Manẓūr dalam *Lisān al-‘Arab* menjelaskan bahawa fatwa ialah memberi fatwa pada sesuatu perkara iaitu menerangkan fatwa mengenai perkara tersebut. Sebagai contoh: seorang lelaki memberi fatwa mengenai satu permasalahan, aku meminta fatwa daripada dia mengenai satu masalah dan dia memberi fatwa kepada aku mengenainya.⁴⁴

⁴³ ‘Āmir Sa‘īd al-Zībārī, *Mabāḥiṭh fī Ahkām al-Fatwā* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1995), 31.

⁴⁴ *Lisān al-‘Arab*, (Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, 1119) 5:3348, entri “فتوى”.

Perkataan fatwa juga berasal daripada *al-fatā* (الفتى) yang bermaksud pemuda yang masih belia dan kuat. Ambilan ini merujuk kepada peranan seorang mufti yang akan menguatkan sebarang keraguan yang timbul dengan cara memberi penerangan dan jawapan sehingga keraguan tersebut menjadi jelas dan kuat sepertimana kuatnya seorang pemuda.⁴⁵

Seorang yang mengeluarkan fatwa dikenali sebagai mufti. Sementara orang yang meminta fatwa pula disebut sebagai *mustafti*.

Dari segi istilah pula, terdapat beberapa definisi fatwa telah diberikan. al-Ḥarrānī dalam buku beliau menjelaskan bahawa fatwa dari segi istilah ialah satu bentuk jawapan daripada mufti atau suatu hukum syarak yang diberitahu oleh mufti melalui pemberian fatwanya.⁴⁶

Dalam Ensiklopedia Fiqah yang diterbitkan oleh Kementerian Hal Ehwal Agama Islam (Wazārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah) bagi negara Kuwait, fatwa didefinisikan sebagai penjelasan hukum syarak bersandarkan dalil bagi sesiapa yang bertanya.⁴⁷ Daripada definisi ini, terdapat beberapa isi penting yang boleh dibahagikan kepada tiga iaitu, penjelasan hukum syarak, bersandarkan dalil dan orang yang bertanya. Fatwa diberikan apabila ada permintaan iaitu pertanyaan. Selain itu, fatwa yang diberikan adalah yang berkaitan dengan hukum syarak berdasarkan dalil-dalil yang ada dan didahului dengan pertanyaan.

⁴⁵ *Ibid.* dan 'Āmir Sa'īd al-Zībārī, *Mabāḥiṭh fī Ahkām al-Fatwā*.

⁴⁶ Aḥmad Ibn Ḥamdān al-Ḥarrānī, *Sifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustaftī* (Beirut: Maktab al-Islāmī, 1984), 4.

⁴⁷ *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, (Kuwait: Wazārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1983) 32:20, entri "فتوى".

Yūsuf al-Qaraḍāwī turut memberikan definisi fatwa yang hampir sama iaitu “memberikan penjelasan hukum syarak bagi sesuatu masalah sebagai jawapan bagi sesiapa yang bertanya, sama ada soalan yang ditanya jelas ataupun samar dan juga sama ada yang bertanya individu ataupun ramai.”⁴⁸

Quṭb Muṣṭafā Sānū pula menerangkan maksud fatwa dengan penjelasan yang panjang lebar iaitu “suatu hukum syarak yang diterangkan oleh seorang faqih yang layak berfatwa kepada orang yang bertanya, ia tidak mengikat orang yang bertanya untuk berpegang kepada apa yang telah difatwakan oleh mufti itu, dia juga mempunyai hak untuk meminta fatwa daripada mufti lain dan mempunyai hak untuk berpegang kepada fatwa mufti lain, bercanggahan dengan mufti pertama sebentar tadi, selama mana mufti kedua itu merupakan seorang yang berilmu, mempunyai kelayakan dalam berijtihad dan memenuhi syarat-syarat dan cara-cara berfatwa.”⁴⁹

Kamus Dewan pula mendefinisikan fatwa sebagai “keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran, hadith dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti (atau mereka yang berwenang tentang keputusan hukum syarak).”⁵⁰

Kesimpulannya, fatwa merupakan satu penjelasan hukum yang dikeluarkan oleh seorang mufti yang mempunyai kelayakan dan berkuasa mengeluarkan fatwa serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Fatwa yang dikeluarkan merupakan satu tindak balas maklumat atau respon kepada persoalan yang dikemukakan. Dengan kata lain, apabila ada soalan dan kemusykilan, akan ada fatwa sebagai jawapan.⁵¹

⁴⁸ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Fatwā bayna al-Indībāt wa al-Tasayyub*, ed. ke-2 (Kaherah: Dār al-Ṣaḥwah, 1994), 11.

⁴⁹ Quṭb Muṣṭafā Sānū, *Mu‘jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, ed. Muḥammad Rawwās Qal‘ajī (Dimashq: Dār al-Fikr, 2000), 312.

⁵⁰ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 408, entri “fatwa”.

⁵¹ Noor Naemah Abdul Rahman, “Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an hingga 1990an: Satu Analisis” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2003), 45.

Fatwa yang dikeluarkan juga tidak mengikat. Masyarakat awam bebas untuk berpegang kepada mana-mana fatwa yang dikehendaki sekiranya terdapat banyak fatwa dalam satu permasalahan yang sama.

Selain itu daripada kesemua pengertian fatwa di atas, dapat juga difahami bahawa proses mengeluarkan hukum dalam amalan berfatwa akan melibatkan dua pihak iaitu pihak yang mengemukakan persoalan (*al-mustaftī*) dan pihak yang memberikan jawapan bagi persoalan yang ditanya (mufti). Proses mengeluarkan hukum disebut sebagai proses pemberian fatwa (*al-iftā'*) dan hukum yang diberikan hasil daripada proses tersebut dikenali sebagai fatwa. Namun begitu, amalan di Malaysia sedikit berbeza dengan apa yang disebutkan. Pengeluaran fatwa di Malaysia boleh berlaku disebabkan ada yang meminta. Selain itu, ia juga boleh berlaku tanpa didahului dengan sebarang persoalan iaitu atas kehendak para mufti sendiri apabila dirasakan perlu. Kenyataan ini berdasarkan peruntukan berikut:

(1) Mufti hendaklah, atas perintah Yang di-Pertuan Agong, dan bolehlah, atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada Mufti, membuat dan menyiarkan dalam Warta suatu fatwa atau pendapat atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubungan dengan Hukum Syarak.⁵²

Jelas bahawa pengeluaran fatwa dibuat apabila ada permintaan. Ia boleh berlaku sama ada disebabkan perintah daripada Yang di-Pertuan Agong atau permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada mufti. Pengeluaran fatwa juga boleh dibuat tanpa didahului dengan permintaan iaitu apabila seorang mufti membuat sesuatu fatwa atas kehendaknya sendiri.

⁵² Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505, 1993).

2.2 Sejarah Perkembangan Metodologi Hukum dalam Perundangan Islam

Berdasarkan catatan sejarah Islam, metodologi mengeluarkan hukum yang berlaku mengalami perkembangan daripada satu zaman ke zaman yang lain. Bermula pada zaman Rasulullah SAW, perkembangan metodologi mengeluarkan hukum terus berlaku sehingga kini di mana prosesnya telah melalui perjalanan tempoh selama lebih 1400 tahun.

Metodologi hukum yang digunakan juga berlainan antara satu zaman dengan yang lain. Perbezaan ini dipengaruhi oleh permasalahan yang timbul mengikut tempat, masa dan keadaan. Metodologi hukum pada zaman Rasulullah SAW berbeza dengan zaman para sahabat. Metodologi hukum pada zaman para sahabat tidak sama dengan zaman para *al-tābi'in*. Metodologi hukum pada zaman imam-imam mujtahid berlainan dengan zaman *taqlīd* dan begitu juga dengan metodologi hukum pada zaman kebangkitan sehingga kini. Walaupun berlainan, namun kesemua metodologi yang digunakan akan berbalik kepada usaha untuk mencari penyelesaian hukum sepertimana yang dikehendaki oleh syariat.

Pada zaman Rasulullah SAW, metodologi hukum yang digunakan adalah dengan merujuk kepada wahyu al-Quran. Apabila baginda menghadapi sebarang permasalahan atau persoalan daripada para sahabat, nescaya baginda akan memberi jawapan berpandukan kepada wahyu al-Quran. Kadangkala wahyu diturunkan dengan kadar segera iaitu sebaik sahaja berlakunya suatu peristiwa⁵³ dan kadangkala sebaliknya iaitu dilewatkan sedikit selepas berlakunya suatu peristiwa.⁵⁴

⁵³ Contoh wahyu yang diturunkan dengan kadar segera dapat dilihat dalam kisah *al-Mujādilah*. Kisah *al-Mujādilah* mengisahkan mengenai seorang perempuan yang telah *diḡihār* oleh suaminya. Beliau datang kepada Rasulullah SAW dan mengadu mengenai apa yang berlaku. Lalu malaikat Jibril datang membawa ayat 1 dari surah *al-Mujādilah* sebagai respons kepada aduan perempuan itu. Lihat Ahmad Ibn 'Abd Allāh Ibn Muḥammad al-Duwayhī, *ʿIlm Uṣūl al-Fiqh min al-Tadwīn ila Nihāyah al-Qurn al-Rābi' al-Hijrī* (Saudi: Jāmi'ah al-Imām Muḥammad Ibn Sa'ūd al-Islamiyyah, 1427H), 1:79 dan 'Imād al-Dīn Abū al-Fidā' Ismā'il Ibn Kathīr al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, ed. Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et. al. (Jizah: Mu'assasah Qurṭubah, 2000), 13:441-442.

⁵⁴ Contoh wahyu yang dilewatkan sedikit penurunannya adalah kisah *al-Ifk* (pendustaan). Kisah *al-Ifk* ialah mengenai fitnah yang dilakukan oleh sebilangan orang munafik yang diketuai oleh 'Abd Allāh Ibn Ubay Ibn Salūl terhadap Aishah r.a. Fitnah ini telah menjadi bualan masyarakat Islam sehingga ada dalam kalangan mereka yang menjadi pembawa mulut menyebarkan fitnah ini. Rasulullah SAW sendiri diam tidak bercakap apa-apa kerana menantikan wahyu. Hampir sebulan peristiwa ini berlanjutan sehinggalah Allah SWT menurunkan ayat 11 dari surah al-Nur bagi membebaskan Aishah r.a. daripada fitnah tersebut. Lihat Ahmad Ibn 'Abd Allāh Ibn Muḥammad al-Duwayhī, *ibid.*, 1:80 dan Ibn Kathīr, *ibid.*, 10:179.

Namun al-Quran bukan satu-satunya sumber hukum pada ketika itu, akan tetapi ia turut disertai oleh sumber lain iaitu sunah. Walaupun sunah tidak sama dengan al-Quran dari sudut kelebihan dan kedudukannya, namun kedua-duanya sama dari sudut penghujahan dan pengambilan iktibar.⁵⁵ Hal ini kerana antara tugas utama sunah adalah memberi penjelasan bagi al-Quran dan bertindak sebagai sumber hukum yang tersendiri bagi permasalahan yang tidak disebut dalam al-Quran. Contoh seperti persoalan mengenai bahagian nenek dalam warisan harta (*al-mīrāth*), zakat fitrah, sembahyang witir, menyapu dua *khuf* dan lain-lain.⁵⁶ Rasulullah SAW telah memberi isyarat jelas mengenai kepentingan berpegang kepada sunah dan kedudukannya sama seperti al-Quran dari sudut penghujahan. Sabda Rasulullah SAW:

"أَلَا إِنِّي أُوتِيتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ ... "

Terjemahan: "Ketahuilah, sesungguhnya aku diberikan kitab (al-Quran) dan yang sepertinya (al-Sunnah) bersamanya..."⁵⁷

Selain al-Quran dan sunah, ijtihad juga memainkan peranan yang signifikan dalam proses mengeluarkan hukum pada zaman Rasulullah SAW. Rasulullah SAW akan berijtihad dalam kebanyakan perkara yang tidak terdapat wahyu mengenainya. Tindakan Rasulullah SAW berijtihad adalah untuk menetapkan satu kaedah yang jelas kepada para sahabat dalam mengeluarkan hukum ketika tiada dalil daripada al-Quran dan sunah.⁵⁸ Rasulullah SAW dalam pelbagai riwayat menyatakan: "apabila seorang hakim yang hendak menghukum dan dia berijtihad, kemudian ijtihadnya betul, maka baginya dua pahala. Jika salah, maka baginya satu pahala."⁵⁹ Dalam hadith yang lain, Rasulullah SAW

⁵⁵ 'Abd al-Ghāni 'Abd al-Khāliq, *Hujjiyyah al-Sunnah* (Herndon: al-Ma'had al-'Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, 1993), 485.

⁵⁶ *Ibid.*, 515.

⁵⁷ Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitāb al-Sunnah, Bāb fī Luzūm al-Sunnah, no. hadith 4604. Lihat Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Asy'ath al-Sijistānī, Sunan Abī Dāwūd, ed. al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.), 831.

⁵⁸ 'Abd Allāh Muṣṭafā al-Marāghī, *al-Fatḥ al-Mubīn*, ed. ke-2 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1974), 1:15-16.

⁵⁹ Hadith riwayat 1) al-Bukhārī, Kitāb al-I'tisām bi al-Sunnah, Bāb Ajr al-Ḥākim izā Ijtahada fa Aṣāba aw Akḥṭa', no. hadith 7352; 2) Muslim, Kitāb al-Qadā' wa al-Shahādāt, Bāb izā Ḥakama al-Ḥākim fa Ijtahada fa Aṣāba aw Akḥṭa', no. hadith 1056; 3) Abū Dāwūd, Kitāb al-Qadā', Bāb fī al-Qāḍī Yukḥṭi', no. hadith 3574; 4) al-Tirmidhī, Kitāb al-Aḥkām, Bāb mā Jā'a fī al-Qāḍī Yuṣīb aw Yukḥṭi', no. hadith 1326; 5) al-Nasā'i, Kitāb Ādāb al-Qadāh, Bāb al-Iṣbāh fī al-Ḥukm, no. hadith 5381; 6) Ibn Mājah, Kitāb al-Aḥkām, Bāb al-Ḥākim Yajtahid fa Yuṣīb al-Ḥaq, no. hadith 2314. Lihat 1) Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā'il al-Bukhārī, al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ, ed. Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb dan Muḥammad Fu'ād al-Bāqī (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1400H), 4:372; 2) Abū al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Hujjāj al-Qushayrī al-Nisābūrī, Mukhtasar Ṣaḥīḥ Muslim, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, ed. ke-6 (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1987), 2:280; 3) Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Ash'ath al-Sijistānī, Sunan Abī Dāwūd, 641; 4) Muḥammad Ibn 'Īsa Ibn Sūrah al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, ed. al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.), 313; 5) Abū 'Abd

telah memprakui Mu‘ādh Ibn Jabal dalam berijtihad tatkala mana dia tidak menjumpai nas hukum berkaitan sama ada daripada al-Quran mahupun sunah.⁶⁰ Tindakan Rasulullah SAW jelas menunjukkan bahawa ijtihad memainkan peranan yang signifikan dalam proses mengeluarkan hukum.

Seterusnya pada zaman para sahabat, rujukan kepada al-Quran dan sunah terus menjadi pegangan dalam mengeluarkan hukum. Asas yang menjadi pegangan supaya rujukan dilakukan kepada kedua-dua sumber ini adalah suruhan Allah SWT dalam al-Quran kepada orang beriman supaya taat kepadaNya dan Rasul serta kembali kepada kedua-duanya jika berlaku perselisihan.⁶¹ Taat kepada Allah SWT ialah berpegang dengan al-Quran. Sementara taat kepada Rasul bermaksud berpegang kepada sunah Rasulullah SAW.

Namun jika penyelesaian daripada al-Quran dan sunah tiada, para sahabat akan berijtihad sebagaimana ditunjuk ajar oleh Rasulullah SAW. Asas kepada penggunaan ijtihad adalah perakuan Rasulullah SAW terhadap Mu‘ādh Ibn Jabal dalam berijtihad tatkala mana dia tidak menjumpai nas hukum berkaitan sama ada daripada al-Quran mahupun sunah.⁶²

Contoh praktikal amalan ijtihad dapat dilihat dalam permasalahan pelantikan sayidina Abū Bakr al-Ṣiddīq sebagai khalifah. Dalam permasalahan ini, telah berlaku perselisihan dalam kalangan Muhajirin dan Ansar serta dalam kalangan Muhajirin sendiri. Akhirnya ketegangan ini dileraikan oleh kata-kata sayidina ‘Umar yang menyebut: “Rasulullah SAW telah merestunya (sayidina Abū Bakr al-Ṣiddīq) dalam urusan agama kita, maka apakah kita tidak boleh merestunya dalam urusan dunia kita?”

al-Rahmān Aḥmad Ibn Shu‘ayb Ibn ‘Alī al-Nasā’i, Sunan al-Nasā’i, ed. al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 808; 6) Abū ‘Abd Allāh Ibn Yazīd al-Qazwaynī Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, ed. al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 396.

⁶⁰ Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitāb al-Qaḍā, Bāb Ijtihād al-Ra’y fī al-Qaḍā’, no. hadith 3592. Lihat Abū Dāwūd Sulaimān Ibn al-Ash‘ath al-Sijistānī, Sunan Abī Dāwūd, 644.

⁶¹ al-Nisa’ 4:59.

⁶² Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitāb al-Qaḍā, Bāb Ijtihād al-Ra’y fī al-Qaḍā’, no. hadith 3592. Lihat Abū Dāwūd Sulaimān Ibn al-Ash‘ath al-Sijistānī, Sunan Abī Dāwūd, 644.

Kata-kata sayidina ‘Umar ini merujuk kepada tindakan Rasulullah SAW yang melantik sayidina Abū Bakr al-Ṣiddīq sebagai imam dalam sembahyang ketika baginda sakit hendak wafat. Dalam hal ini, sayidina ‘Umar telah mengiaskan pelantikan sayidina Abū Bakr al-Ṣiddīq sebagai khalifah ke atas pelantikan sayidina Abū Bakr al-Ṣiddīq sebagai imam dalam sembahyang. Dengan demikian, maka pintu ijtihad telah terbuka dan permasalahan ini merupakan permasalahan ijtihad pertama yang berlaku di zaman pemerintahan khalifah *al-rāshidīn*.⁶³

Sementara pada zaman para *al-tābi‘īn*, metodologi menghukum dan berfatwa tidak jauh berbeza dengan zaman para sahabat. Dalil yang menjadi rujukan para *al-tābi‘īn* adalah dalil yang menjadi rujukan para sahabat juga⁶⁴ iaitu al-Quran, sunah dan ijtihad para sahabat. Kecuali pada zaman ini, para *al-tābi‘īn* akan mencari dahulu pendapat para sahabat sebelum melakukan ijtihad sendiri. ‘Umar Sulaymān al-Ashqār menyimpulkan metodologi menghukum dan berfatwa para *al-tābi‘īn* dengan katanya:

“para *al-tābi‘īn* telah mengikut metodologi para sahabat ketika menjelaskan mengenai hukum-hakam, mereka akan merujuk kepada kitab dan sunah, jika mereka tidak menjumpai, mereka akan merujuk kepada ijtihad para sahabat, jika mereka tidak menjumpai, mereka akan berijtihad mengikut pandangan mereka namun tetap berpandukan kepada kaedah daripada kitab, sunah dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh para sahabat dalam ijtihad mereka.”⁶⁵

Pada zaman ini juga, pembahagian aliran kepada *al-ḥadīth* dan *al-ra’y* muncul dengan lebih ketara. Aliran *ahl al-ḥadīth* ialah aliran yang berpegang pada nas, tidak pada pandangan akal. Mereka berpendapat dengan berpegang pada nas, akan menyelamatkan mereka daripada tersalah dalam menghukum. Kebanyakan para fuqaha daripada aliran ini berada di Madinah. Sementara aliran *ahl al-ra’y* pula ialah aliran yang bukan sahaja berpegang pada nas, namun turut menggunakan akal fikiran khususnya dalam berijtihad. Mereka mencari sebab, tujuan atau objektif (*maqāṣid*) pensyariatkan sesuatu hukum dan

⁶³ ‘Abd Allāh Muṣṭafā al-Marāghī, *al-Faṭḥ al-Mubīn*, 1:18.

⁶⁴ Aḥmad Ibn ‘Abd Allāh Ibn Muḥammad al-Ḍuwayhī, *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh min al-Tadwīn ila Nihāyah al-Qurn al-Rābi‘ al-Hijrī*, 1:113.

⁶⁵ ‘Umar Sulaymān al-Ashqār, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī* (Amman: Dār al-Nafā’is, 1991), ed. 3, 81.

mengaitkannya dengan permasalahan baru. Mereka berpendapat dengan berfatwa berpandukan akal fikiran, bukan bermaksud telah menceroboh syariat Islam tanpa ilmu, tetapi ia merupakan satu tindakan yang ditunjuk oleh syariat khususnya dalam aspek mencari justifikasi bagi setiap hukum. Tambahan pula, pada masa ini banyak berlaku penyebaran hadith palsu yang akhirnya mendorong mereka untuk bertindak demikian. Kebanyakan fuqaha daripada aliran ini berada di Kufa iaitu di Iraq.⁶⁶

Selepas zaman para *al-tābi'īn*, muncul pula zaman imam mujtahid. Pada zaman para imam mujtahid, fiqah mengalami perkembangan yang amat memberangsangkan. Zaman ini merupakan zaman keemasan dalam perkembangan fiqah Islam di mana kelahiran mazhab-mazhab berlaku seperti mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali. Setiap mazhab mempunyai metodologi tersendiri dalam berijtihad dan berfatwa. Secara umumnya, sumber pensyariaan pada zaman ini terbahagi kepada empat iaitu al-Quran, sunah, ijmak dan berijtihad dengan *qiyās* atau cara lain daripada beberapa cara istinbat. Seorang mufti akan berpegang al-Quran dan sunah apabila mendapati solusi hukum daripada keduanya. Jika tidak ada, dia akan melihat sama ada mujtahid terdahulu telah bersepakat mengenainya dan berpegang dengannya jika ada. Jika tiada juga, dia akan berijtihad dengan *qiyās* atau cara lain daripada beberapa cara istinbat.⁶⁷

Sebagai contoh imam Syafii yang menjadi pengasas kepada mazhab Syafii membentuk fiqahnya berpandukan kepada lima sumber. Beliau menyatakan dalam kitabnya yang masyhur iaitu *al-Umm* sebagaimana berikut:

⁶⁶ 'Abd al-Karīm Zaydān, *al-Madkhal li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Damsyik: Mu'assasah al-Risālah Nāshirun, 2011), 130.

⁶⁷ 'Abd al-Wahhāb Khalāf, *'Ilm Uṣūl al-Fiqh wa Khulāṣah Tārīkh al-Tashrī' al-Islāmī* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1956), 304.

“ilmu mempunyai tingkat yang pelbagai. Tingkat yang pertama adalah kitab dan sunah. Kemudian yang kedua adalah ijmak pada perkara-perkara yang tidak ada penjelasan nas mengenainya. Ketiga adalah pendapat beberapa orang sahabat mengenai sesuatu perkara dan tiada percanggahan terhadap pendapat tersebut. Keempat adalah perselisihan para sahabat dalam sesuatu perkara. Akhir sekali tingkat yang kelima adalah *qiyās* yang mana ia tidak terjadi melainkan daripada dua sumber iaitu al-Quran dan sunah. Sesungguhnya pengambilan ilmu bermula daripada tingkat yang paling atas.”⁶⁸

Selepas berakhirnya zaman imam-imam mujtahid dan kelahiran mazhab-mazhab, fiqh mengalami kemunduran sedikit demi sedikit sehingga akhirnya membawa kepada kemunculan zaman *taqlīd*. Zaman *taqlīd* boleh dijelaskan sebagai zaman di mana penambahan dan penilaian semula hukum-hukum yang diwarisi daripada zaman sebelumnya tidak lagi berlaku. Pada waktu itu, ijthad dikira seolah-olah sudah mati dan fatwa tidak lagi berdasarkan kepada ijthad, tetapi berasaskan pandangan-pandangan lama yang diwarisi dari generasi sebelum itu.⁶⁹

Ulama pada zaman ini berpendapat bahawa mereka tidak cukup layak untuk memberi pandangan dan mengeluarkan hukum berpandukan kitab dan sunah. Mereka memilih untuk mengikut (*taqlīd*) fiqh imam-imam yang telah ada seperti fiqh imam Abu Hanifah, Malik, Syafii dan Ahmad bin Hanbal. Mereka hanya berpegang pada asas-asas menghukum yang menjadi pegangan setiap mazhab yang diikuti. Bahkan mereka juga berusaha bersungguh-sungguh memberi penerangan dan pemahaman mengenai mazhab ikutan mereka secara jelas dan terperinci.⁷⁰

Situasi yang berlaku menyebabkan timbulnya satu garis pemisah antara umat dan nas di mana syariah Islam seolah-olah adalah pendapat para fuqaha dan bukannya nas itu sendiri. Para fuqaha pada zaman ini bersungguh-sungguh mendalami pendapat imam mereka. Mereka mencuba untuk melupakan kepentingan berijtihad sehingga memutuskan untuk menutup pintu ijthad. Hasilnya pada zaman ini, tiada seorang pun yang bergelar

⁶⁸ Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1990), 7:280.

⁶⁹ Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid, “Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 12: 2 (2004), 84.

⁷⁰ Muḥammad Yūsuf Mūsa, *al-Madkhal li Dirāsah al-Fiqh al-Islāmī* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, 1961), 6-61.

mujtahid mustaqil. Peranan ulama pada zaman ini hanya tertumpu kepada tiga iaitu mencari justifikasi bagi suatu hukum (تعليق الأحكام), memilih pendapat yang lebih kuat (الانتصار للمذهب) dan menyebarkan mazhab yang dipegang (الترجيح).⁷¹

Selepas zaman *taqlīd*, bermulalah era zaman kebangkitan ilmu Islam. Pada zaman ini, muncul semangat baru untuk mengembalikan fiqah Islam menjadi sepertimana zaman kegemilangannya. Beberapa langkah telah diambil bagi membebaskan fiqah Islam daripada unsur-unsur kebakuan antaranya seperti berusaha untuk keluar daripada kepompong kekakuan yang telah menutup keindahan fiqah Islam daripada pandangan manusia sejak beberapa abad yang lalu. Era taasub mazhab juga dilihat telah berakhir. Fiqah yang dipelajari tidak lagi hanya terhad kepada mazhab tertentu sahaja, sebaliknya ia dipelajari secara perbandingan antara satu mazhab dengan mazhab yang lain. Sebagai contoh, beberapa buah universiti di Mesir mengajar fiqah secara perbandingan iaitu dengan mencari pendapat yang terpilih berdasarkan kekuatan dalil. Kadangkala, perbandingan juga dibuat antara fiqah Islam dengan perundangan ciptaan lain. Para fuqaha juga memainkan peranan yang signifikan iaitu dengan meninggalkan taasub mazhab dan mencari satu jalan penyelesaian terbaik, praktikal dan lebih dekat dengan kehidupan masyarakat.⁷²

2.3 Metodologi Fatwa pada Zaman Mutakhir

Pada zaman mutakhir, ijtihad yang telah ditutup pintunya sejak sekian lama seakan-akan telah diberi nafas baru. Para ulama melihat usaha untuk kembali berijtihad merupakan satu perkara yang sangat penting.

⁷¹ ‘Ādil Muḥammad ‘Abd al-Azīz al-Ghīryānī, *Mabāhiṭh fī Tārīkh al-Tashrī‘ al-Islāmī*, 2002), 220 dan Muḥammad al-Khuḍarī Bek, *Tārīkh al-Tashrī‘ al-Islāmī* (Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1965), 331-334.

⁷² ‘Abd al-‘Azīm Sharf al-Dīn, *Tārīkh al-Tashrī‘ al-Islāmī*, ed. ke-3 (t.tp.: al-‘Arabī, 1985), 244.

Yusuf al-Qaraḍāwī menyebut syarat utama dan penting yang mesti dilakukan bagi memastikan pelaksanaan syariah berjalan dengan baik terutama sekali pada zaman semasa ini adalah dengan membuka sekali lagi pintu berijtihad bagi mereka yang layak, merujuk kembali pendapat-pendapat terdahulu dan membebaskan diri daripada taasub mazhab khususnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat secara keseluruhan. Beliau juga menegaskan bahawa Nabi Muhammad SAW telah membuka pintu ijtihad, maka tidak layak bagi seseorang menutupnya.⁷³

Ijtihad menurut Yusuf al-Qaraḍāwī bukan bermaksud mengabaikan fiqh klasik atau tidak memandang nilai dan faedahnya. Sebenarnya apa yang dimaksudkan dengan ijtihad meliputi tiga perkara. Pertama; meneliti kembali khazanah fiqh klasik yang terdiri daripada pelbagai aliran, mazhab dan pendapat bagi memilih mana yang lebih kuat dan menepati kehendak objektif syariah khususnya pada masa sekarang. Kedua; kembali kepada sumber asli iaitu nas yang terdiri daripada al-Quran dan sunah serta memahaminya berpandukan objektif umum syariah. Ketiga; berijtihad mencari solusi hukum bagi permasalahan baru yang belum diputuskan lagi oleh fuqaha terdahulu, berpandukan dalil-dalil syarak.⁷⁴

Kesimpulannya menurut Yusuf al-Qaraḍāwī, ada tiga cara ijthad yang perlu dilakukan pada zaman kini. Cara pertama adalah *al-ijtihād al-intiqā'ī* (ijtihad komparatif selektif), iaitu meneliti kembali hasil ijtihad ulama terdahulu berserta dalilnya lalu melakukan perbandingan bagi memilih mana yang lebih kuat (*rājiḥ*). Cara kedua pula adalah *al-ijtihād al-inshā'ī* (ijthad konstruktif inovatif), iaitu menetapkan hukum bagi permasalahan baru yang belum dikenal pasti oleh ulama terdahulu atau menetapkan hukum baru bagi permasalahan yang sama. Sementara cara yang ketiga adalah gabungan antara *al-ijtihād al-intiqā'ī* (ijtihad komparatif selektif) dan *al-ijtihād al-inshā'ī* (ijthad

⁷³ Yusuf al-Qaraḍāwī, *Madkhal li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1993), 240.

⁷⁴ *Ibid.*, 242-243.

konstruktif inovatif). Ijtihad gabungan ini dilakukan dengan memilih hasil ijtihad ulama terdahulu yang masih relevan dengan keadaan sekarang, kemudian ditambah dengan unsur-unsur ijtihad baru yang timbul kesan daripada kemajuan ilmu dan teknologi.⁷⁵

Dari segi metodologi berijtihad untuk memutuskan hukum dan fatwa pada permasalahan semasa pula, terdapat tiga bentuk pendekatan yang dapat digariskan. Pertama adalah pendekatan yang ketat iaitu yang tidak meraikan aspek mencapai objektif (*maqāṣid*) syariah. Pendekatan seperti ini tidak selari dengan kehendak Allah SWT yang mahu memberi kemudahan kepada para hambaNya.⁷⁶ Sebab terbentuknya pendekatan ini adalah berasa kagum dengan pendapat sendiri dan terlalu mengambil sikap berhati-hati. Kedua adalah pendekatan yang terlalu longgar. Pendekatan seperti ini juga tidak selari dengan kehendak Allah SWT kerana ia seolah-olah bermudah-mudah dan bermain-main dengan agama. Sebab terbentuknya pendekatan ini pula adalah hendak mengajak manusia dekat dengan agama, tamak mengikut hawa nafsu, diri diancam dan lemah jati diri. Sementara pendekatan yang ketiga adalah pendekatan pertengahan dan sederhana. Pendekatan pertengahan ialah yang melihat kepada kehendak suatu hukum, pertimbangan antara kebaikan (*maṣlaḥah*) dan keburukan (*mafsadah*), pertimbangan antara kewajipan dan keringanan serta menghubungkan antara fatwa dengan realiti kehidupan semasa.⁷⁷

Sesungguhnya pendekatan yang ketiga iaitu pertengahan dan sederhana adalah pendekatan yang sesuai diikuti ketika berijtihad dan mengeluarkan fatwa dalam konteks semasa. Pendekatan ini juga selari dengan metodologi berfatwa pada zaman ini yang dikemukakan oleh Yusuf al-Qaradāwī. Beliau menyarankan beberapa metodologi berfatwa yang selari dengan syariat Islam. Metodologi berfatwa yang beliau sarankan juga bersifat sederhana dan sesuai dilaksanakan pada masa kini. Metodologi berfatwa

⁷⁵ Muchlis Bahar, "Metode Ijtihad Yusuf al-Qaradawi dalam Masalah-Masalah Kontemporer" (tesis kedoktoran, IAIN Syarif Hidayatullah, 2001), 110-123.

⁷⁶ al-Nisa' 4: 28 dan al-Ma'idah 5: 6.

⁷⁷ Tawfik Abdul Rahman Qasem, "Ijtihad in the Contemporary Financial Transactions: Principles and Guidelines" (Tesis Ph.D, Universiti Malaya, 2012), 35-40.

yang dimaksudkan adalah yang pertama: menjauhi sikap taasub mazhab serta *taqlīd* membabi buta. Proses pengumpulan pendapat-pendapat dalam satu permasalahan yang sama perlu dilakukan sebelum melakukan penilaian pendapat mana yang lebih kuat. Kedua: memudahkan dan tidak menyusahkan selama mana tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Ketiga: berfatwa dengan bahasa semasa iaitu yang mudah difahami, terang dan jelas. Keempat: berfatwa pada permasalahan yang bermanfaat sahaja dan menghindari daripada pertanyaan yang yang tidak memberikan kebaikan. Kelima: *tawassuʿ* (pertengahan atau sederhana), iaitu tidak terlalu keras dan tidak terlalu lembut. Terakhir iaitu keenam: setiap fatwa yang dikeluarkan mesti dijelaskan dengan hujah supaya lebih memberi kefahaman kepada penanya.⁷⁸

Di samping itu, pendekatan lain yang penting dalam berfatwa adalah pendekatan yang dilakukan berasaskan *al-fiqh al-maqāṣidī* dan *al-fiqh al-shaklī*. Kedua-dua pendekatan tersebut merupakan dua perkara penting khususnya ketika hendak berfatwa mengenai permasalahan semasa. Kedua-duanya juga berada di atas landasan yang berbeza. *al-Fiqh al-maqāṣidī* adalah aliran yang lebih cenderung dan banyak melihat kepada objektif di sebalik setiap hukum yang diputuskan. Sementara *al-fiqh al-shaklī* pula adalah aliran yang banyak melihat kepada format dan bentuk sesuatu hukum.⁷⁹ Daripada keterangan di atas, pendekatan yang berlainan menghasilkan pendapat yang berlainan, sekaligus pendapat yang menggunakan satu pendekatan yang tertentu akan berbeza dengan pendapat yang menggunakan pendekatan yang lain. Apakah faktor lain yang menyebabkan berlakunya perbezaan fatwa?

⁷⁸ Yusuf al-Qaraḍāwī, *Min Hudā al-Islām: Fatāwā Mu'āṣirah*, ed. ke-11 (Kuwait: Dār al-Qalam, 2005), 1:10-25 dan Yusuf al-Qaraḍāwī, *al-Ijtihād al-Mu'āṣir bayna al-Indibāṭ wa al-Infirāṭ* (Kaherah: Dār al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islāmiyyah, 1994), 91-115.

⁷⁹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Monograf al-Iftā' Siri 1* (Putrajaya: JAKIM, 2010), 29.

2.4 Perbezaan Fatwa dan Faktornya

Perbezaan pendapat dalam kalangan ilmuwan bagi satu permasalahan yang sama merupakan satu fitrah. Ia merupakan satu perkara yang lazim terjadi. Perkataan “perbezaan” disebut dalam bahasa Arab sebagai *ikhtilāf* (اختلاف). Di samping itu, terdapat juga penggunaan perkataan *khilāf* (خلاف) bagi menerangkan tentang perbezaan.

Ikhtilāf bermaksud tidak sependapat dalam sesuatu perkara. Dengan erti kata lain, setiap orang mengambil jalan yang berbeza sama ada dalam perkataan mahupun pendapat.⁸⁰ Sementara perkataan *khilāf* pula bermaksud pertentangan (*muḍāddah / مضادة*).⁸¹ Ia membawa maksud yang lebih umum daripada *ikhtilāf* kerana dalam *ikhtilāf*, tidak semua perbezaan pendapat saling bertentangan. Apa yang berlaku hanyalah perselisihan pendapat sahaja. Namun begitu, perselisihan pendapat kadangkala menyebabkan berlaku pertelingkahan sesama manusia. Oleh sebab itu dalam al-Quran, perkataan *ikhtilāf* telah diguna pakai untuk menerangkan tentang pertelingkahan dan perdebatan⁸². Firman Allah SWT dalam empat tempat dalam al-Quran:

1. فَأَخْتَلَفَ الْأَحْزَابُ مِنْ بَيْنِهِمْ ...

Maryam 19:37

Terjemahan: Maka kaumnya itu berselisihan sesama sendiri...

2. ... وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ

Hūd 11:118

Terjemahan: ... dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.

3. إِنَّكُمْ لَفِي قَوْلٍ مُخْتَلِفٍ

al-Dhāriyāt 51:8

⁸⁰ Ṭaha Jābir al-‘Alwānī, *Adab al-Ikhtilāf fī al-Islām* (USA, The International Institute of Islamic Thought, 1992), 21.

⁸¹ *Lisan al-‘Arab*, 1239, entri “خلاف”

⁸² Ṭaha Jābir al-‘Alwānī, *Adab al-Ikhtilāf fī al-Islām*, 21.

Terjemahan: Sesungguhnya kamu berada dalam keadaan berlain-lain pendapat mengenai agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

4. ... إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِي بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٣﴾

Yūnus 10: 93

Terjemahan: ...Sesungguhnya tuhanmu akan menghukum di antara mereka pada hari Kiamat tentang apa yang mereka perselisihkan itu.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa yang dikehendaki dengan *ikhtilāf* dan *khilāf* adalah perbezaan yang secara umumnya melibatkan perselisihan pendapat, pandangan, keadaan, cara dan pendirian.⁸³ Kedua-duanya mempunyai maksud yang serupa iaitu perbezaan pendapat para ulama dalam sesuatu perkara.

Perbezaan pendapat dalam satu persoalan yang sama merupakan suatu perkara yang lazim berlaku. Namun begitu, sejauh manakah perbezaan pendapat diizinkan?

Menjawab persoalan di atas, Yūsuf al-Qaraḍāwī mengatakan: hakikatnya, perbezaan pendapat tidak merbahaya khususnya dalam perbincangan mengenai perkara-perkara cabang (*furū'*) dan beberapa perkara asas dalam agama. Perbezaan pendapat boleh menjadi bahaya apabila ia membawa kepada perpecahan dan permusuhan yang ditegah oleh Allah SWT dan Rasul-Nya.⁸⁴ Antara contoh perbezaan pendapat yang dibolehkan adalah persoalan tentang hukum bersuci menggunakan kolonia dan superto, membaca *basmalah*, membayar zakat buah-buahan dan sayur-sayuran, penetapan masuk bulan Ramadan dan hari raya aidilfitri, mendengar nyanyian yang menggunakan alatan muzik ataupun tidak, mengambil makanan ahli kitab, penetapan harga barangan, insurans, kedudukan mereka yang tidak melaksanakan undang-undang dengan hukum Allah dan lain-lain.⁸⁵ Kesemua contoh yang dinyatakan merupakan antara lapangan perbezaan pendapat yang dibenarkan, dengan syarat etika-etika berbeza pendapat dipatuhi.

⁸³ *Ibid.*, 21-22.

⁸⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Ṣahwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Mashrū' Wa al-Tafarruq al-Madhmūm* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2001), 6.

⁸⁵ *Ibid.*, 15-18.

Akhir sekali, dapat dirumuskan bahawa perbezaan fatwa diizinkan selama mana ia berlaku dalam lapangan dan ruang lingkup yang dibenarkan iaitu dalam perkara yang dibolehkan berijtihad di samping mengambil berat adab-adab berbeza pendapat. Dengan kata lain, perbezaan pendapat yang dibenarkan adalah yang berlaku kerana sebab intelektual sepertimana akan dihuraikan. Hal ini penting demi menghindar para ilmuwan dan golongan masyarakat daripada perpecahan yang ditegah.

2.3.1 Faktor Penyebab Berlaku Perbezaan

Dari segi bahasa, sebab bermaksud tali. Kemudian perkataan sebab digunakan dalam setiap perkara yang mengakibatkan tercapai suatu perkara yang lain.⁸⁶ Begitu juga dalam perbezaan pendapat yang mana ia berlaku kerana beberapa sebab dan faktor. Yūsuf al-Qarāḍāwī telah membahagikan faktor penyebab berlaku perbezaan kepada sebab kelakuan dan sebab intelektual.⁸⁷ Sebab kelakuan ialah sebab yang berkaitan dengan akhlak seperti bangga dengan pendapat sendiri, bersangka buruk kepada orang lain, fanatik terhadap mazhab, tokoh ataupun kumpulan tertentu dan seumpamanya. Perbezaan pendapat yang terhasil daripada sebab ini merupakan perbuatan yang dikeji serta tergolong dalam kategori perbezaan pendapat yang tercela.

Perbezaan pendapat kerana sebab intelektual pula berlaku apabila wujud kelainan dalam sudut pandangan terhadap sesuatu perkara sama ada yang bersifat teori atau amali. Contoh perkara yang bersifat teori adalah pertikaian dalam beberapa perkara cabang (*furū'*) syariah seperti hukum bagi sesuatu perkara sama ada harus atau dilarang dan permasalahan tentang akidah yang tidak mempunyai asas ambilan yang kukuh. Pertikaian dalam perkara yang bersifat amali pula seperti permasalahan tentang pemilihan tampuk

⁸⁶ *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 24:145, entri “مبب”.

⁸⁷ Yūsuf al-Qarāḍāwī, *al-Ṣahwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Mashrū' Wa al-Tafarruq al-Madhmūm*, 12.

pimpinan, pelaksanaan dasar negara, polisi kerjasama kerajaan dengan negara yang tidak mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya dan sebagainya.⁸⁸ Perbezaan pendapat sebegini diterima dengan syarat segala etika dan adabnya diamalkan. Selain itu, antara beberapa sebab berlaku perbezaan pendapat dapat dijelaskan lagi seperti berikut:

2.3.1 (a) Perbezaan kaedah pengeluaran hukum

Al-Quran dan hadith merupakan dua sumber induk hukum dalam Islam. Selain itu, ijmak dan *qiyās* juga diterima oleh majoriti ulama sebagai sumber hukum Islam. Keempat-empat sumber hukum di atas dikenali sebagai sumber-sumber hukum yang disepakati dan wajib menjadi pegangan dalam proses mengeluarkan hukum. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ... ﴿٥٩﴾

al-Nisa' 4: 59

Terjemahan: Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan Rasul dan kepada Ulil-Amri dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan RasulNya jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari Akhirat...

Suruhan mentaati Allah dan Rasul adalah suruhan supaya mengikuti al-Quran dan hadith. Sementara suruhan mentaati *ulī al-amr* (أولى الأمر) iaitu para pemimpin daripada kalangan kamu dalam urusan berkaitan ilmu dan hukum syarak adalah suruhan supaya berpegang kepada apa yang disepakati oleh para mujtahid dalam sesuatu hukum (ijmak). Akhir sekali suruhan mengembalikan segala perselisihan dengan merujuk kepada Allah dan Rasul-Nya pula adalah suruhan supaya berpegang kepada *qiyās* bagi beberapa permasalahan yang tiada dalil secara jelas daripada al-Quran, hadith mahupun ijmak.⁸⁹

⁸⁸ *Ibid.*, 13.

⁸⁹ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1999), 21-22.

Selain itu, terdapat juga sumber hukum lain yang dikenali sebagai sumber atau dalil yang menimbulkan pertikaian (*muktalaf fīh*). Sumber atau dalil ini bermaksud sumber atau dalil yang tidak mendapat kata sepakat para ulama daripada pelbagai aliran tentang fungsinya sebagai sumber atau dalil hukum. Perbezaan pendapat dalam kalangan mereka iaitu antara yang menerima dan yang menolak adalah sangat kuat. Sumber-sumber tersebut adalah istihsan, masalih mursalah, sadd al-zari'ah, 'urf, istishab, shar'u man qablana, pendapat atau mazhab sahabi dan 'amal ahlul Madinah.⁹⁰

Sebagai contoh, pendapat ulama yang mementingkan *maṣlaḥah mursalah* akan berbeza dengan mereka yang tidak melihatnya sebagai keutamaan walaupun dalam syaria Islam sendiri ada konsep memperoleh kebaikan dan menghindar diri daripada keburukan.

Maṣlaḥah mursalah adalah hasil gabungan dua perkataan iaitu *maṣlaḥah* dan *mursalah*. *Maṣlaḥah* adalah setiap perkara yang mempunyai kebaikan dan manfaat untuk semua sama ada yang berkaitan dengan urusan dunia atau agama, individu atau masyarakat, bersifat kebendaan atau moral, berlaku sekarang atau akan datang. Para ulama memberi definisi yang pelbagai mengenai *maṣlaḥah*. Imam al-Rāzī mendefinisikan *maṣlaḥah* sebagai manfaat yang Allah maha bijaksana kehendaki kepada para hambaNya, merangkumi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mengikut susunan yang tertentu antara kesemuanya.⁹¹ Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī dalam penulisan beliau; *Ḍawabiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* juga telah menukil pengertian *maṣlaḥah* yang diberikan oleh al-Rāzī ini.⁹²

⁹⁰ Mat Saad Abd. Rahman, "Istinbat: Asas dan Metedeologi", dalam *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1998), 26.

⁹¹ Fakhr al-Dīn Muḥammad Ibn 'Umar Ibn al-Ḥusayn al-Rāzī, *al-Maḥṣūl* (Kaherah: t.p., 1930), 2: 434.

⁹² Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Ḍawabiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, ed. ke-2 (t.tp.: Mu'assasah al-Risālah, t.t.), 23.

Dalam nada yang serupa, imam al-Ghazālī menjelaskan bahawa *maṣlahah* bermaksud menjaga tujuan dan matlamat syarak. Tujuan dan matlamat syarak ada lima iaitu; menjaga agama, menjaga diri, menjaga akal fikiran, menjaga keturunan dan menjaga harta benda. Setiap perkara yang mengandungi penjagaan lima perkara ini dinamakan sebagai *maṣlahah*. Manakala setiap perkara yang merosakkan lima perkara ini digelar sebagai *mafsadah*⁹³ dan usaha untuk mengelak daripada terjebak ke dalam kerosakan juga merupakan satu bentuk *maṣlahah*.

Jalan untuk menjaga lima tujuan syarak di atas merangkumi tiga peringkat mengikut tahap keutamaan. Para ulama *uṣūl* menamakan tiga peringkat itu dengan *al-darūriyyāt*, *al-hājiyyāt* dan *al-taḥsīniyyāt*.

Peringkat pertama adalah *al-darūriyyāt*. *al-Darūriyyāt* adalah satu bentuk penjagaan yang termasuk dalam kategori ‘kemestian’. Kategori ini merupakan keperluan asas bagi setiap individu yang dia perlukan bagi meneruskan hidup dan membina kehidupan. Jika keperluan pada peringkat ini tidak dipenuhi, mustahil dia mampu meneruskan hidup dan membina kehidupan dengan sempurna. Malah, pelbagai kesusahan dan kerosakan akan timbul dalam hidupnya. Sementara di akhirat pula, dia tidak dapat mengecapi kejayaan yang hakiki, sebaliknya menanggung azab. Sebagai contoh, Allah SWT mewajibkan sembahyang demi untuk menjaga agama dan menegakkan syiar Islam di muka bumi. Allah SWT juga mewajibkan sembahyang bertujuan untuk memberi kejayaan kepada para hambaNya di akhirat kelak. Allah SWT mengharamkan arak kerana ia boleh merosakkan akal fikiran. Bahkan mabuk juga boleh membawa kepada berlakunya kejahatan yang lain seperti membunuh dan berzina yang diharamkan.⁹⁴

⁹³ Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. Ḥamzah Ibn Zuhayr Ḥāfiẓ (al-Madīnah al-Munawwarah, Sharikah al-Madīnah al-Munawwarah li al-Ṭibā‘ah, 1413H), 2:482.

⁹⁴ al-Būṭī, *Dawabiṭ al-Maṣlahah fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, 119.

Peringkat kedua adalah *al-ḥājiyāt*. *al-Ḥājiyāt* adalah satu bentuk penjagaan yang termasuk dalam kategori ‘keperluan tambahan’. Kategori penjagaan ini berada di tahap ‘perlu’ sahaja dan bukan ‘mesti’ yang mana ia memberi kesenangan dan menghilangkan kesusahan daripada setiap individu. Sebagai contoh, Allah SWT membolehkan seorang yang bermusafir untuk menghimpun (*jamaʿ*) dan memendekkan (*qasar*) sembahyang demi untuk memberi kemudahan kepadanya untuk mendirikan sembahyang. Allah SWT juga menetapkan supaya diadakan saksi dan perjanjian bertulis dalam sesuatu akad demi untuk mengelak daripada berlaku persengketaan dalam kalangan orang yang berakad. Hal ini sekaligus dapat memberi kebaikan kepada mereka.⁹⁵

Peringkat ketiga dan terakhir adalah *al-taḥsīniyyāt*. *al-Taḥsīniyyāt* adalah satu bentuk penjagaan yang tidak mencapai tahap kedua-dua peringkat yang telah disebutkan sebelum ini. Apabila peringkat ini ditinggalkan, ia tidak mendatangkan kesusahan. Apabila dilakukan, ia akan memberi lebih kesempurnaan kepada pelakunya. Sebagai contoh bersuci dan menghilangkan kotoran sebelum melakukan ibadah. Beradab sopan dalam soal makan minum juga termasuk dalam kategori penjagaan yang terakhir ini.⁹⁶

Sesungguhnya syariat Islam mengiktiraf *maṣlahah*. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang menunjukkan hubung kait antara syariat Islam dan *maṣlahah*. Sebagai contoh firman Allah SWT:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَأْتُوايَ الْأَلْبَبُ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٧٩﴾

Al-Baqarah 2:179

Terjemahan: Dan di dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa.

⁹⁵ Ibid., 120

⁹⁶ Ibid.

Allah SWT menegaskan dalam ayat di atas bahawa hukuman qisas itu mempunyai jaminan hidup. Hal ini kerana pelaksanaan hukuman qisas dapat menjamin kepentingan (*maṣlahah*) manusia terhadap ancaman nyawa dan keselamatan awam. Selain itu, ganjaran juga diberikan bagi mereka yang melaksanakan hukuman qisas serta dalam masa yang dapat menghindarkan diri mereka daripada seksaan di hari akhirat kelak.⁹⁷

Sementara bukti daripada hadis yang menunjukkan hubung kait antara syariat Islam dan *maṣlahah* pula adalah sabda Nabi Muhammad SAW:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Terjemahan: “Tidak boleh membuat bahaya dan membalas bahaya.”⁹⁸

Hadis di atas mengandungi satu kaedah yang penting bagi mengelak daripada berlakunya bahaya dan kerosakan dalam kalangan orang Islam. Kaedah itu adalah tidak boleh melakukan bahaya kepada diri sendiri atau orang lain dan tidak boleh membalas bahaya dengan bahaya. Kaedah ini juga mengisyaratkan bahawa syariat Islam mahukan para umatnya menjauhi kerosakan sekaligus mendapat kebaikan (*maṣlahah*) di dunia dan akhirat. al-‘Izz ‘Ibn Abd al-Salām telah menyebut dalam satu karyanya yang terkenal *Qawā‘id al-Aḥkām fi Maṣāliḥ al-Anām*: “sesungguhnya syariat Islam kesemuanya adalah berbentuk *maṣlahah*, sama ada dengan menolak keburukan atau menghasilkan kebaikan”.⁹⁹ Oleh itu apabila Allah SWT melarang para hambaNya daripada melakukan sesuatu, ia bertujuan untuk menghindarkan diri mereka daripada kebinasaan. Begitu juga apabila Allah SWT menyuruh para hambaNya melakukan sesuatu, ia adalah demi kebaikan diri mereka di dunia dan akhirat kerana hakikatnya Allah SWT maha suci daripada segala kekurangan.

⁹⁷ ‘Alī Ibn Muḥammad al-Āmidī, *al-Iḥkām fi Uṣūl al-Aḥkām* (Kaherah: t.tp., 1987), 3: 236.

⁹⁸ Hadith riwayat Ibn Majah, *Kitāb al-Aḥkām*, Bāb Man Banā fi Ḥaqqihi Mā Yaḍurru bi Jārihi, no. hadith 2340. Lihat Abū ‘Abd Allāh Ibn Yazīd al-Qazwaynī Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 400.

⁹⁹ al-‘Izz ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd al-Salām, *Qawā‘id al-Aḥkām fi Maṣāliḥ al-Anām*, ed. ‘Abd al-Laṭīf ‘Abd al-Raḥmān (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 1:11.

Dalam perundangan Islam, terdapat garis panduan yang mesti diikuti apabila hendak berhujah dengan *maṣlahah*. Hal ini bagi memastikan amalan *maṣlahah* mendekati kehendak sebenar syariat Islam. al-Būṭī melalui kajian yang beliau jalankan telah menggariskan lima peraturan penting untuk beramal dengan *maṣlahah* dalam syariat Islam. Lima peraturan itu adalah pertama; *maṣlahah* mesti selari dengan kehendak syariat Islam, kedua; *maṣlahah* tidak bertentangan dengan al-Quran, ketiga; *maṣlahah* tidak bertentangan dengan sunah, keempat; *maṣlahah* tidak bertentangan dengan *qiyās* dan kelima; *maṣlahah* tidak menghapuskan *maṣlahah* lain yang lebih penting.¹⁰⁰ Ertinya, *maṣlahah* yang tidak selari dengan peruntukan syarak, bertentangan dengan al-Quran, sunah dan *qiyās* serta mengatasi *maṣlahah* lain yang lebih utama, maka ia tidak boleh dipegang.

Daripada penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa *maṣlahah* adalah kebaikan yang Allah SWT kehendaki kepada para hambanya, sama ada di dunia atau akhirat. Kebaikan itu meliputi penjagaan lima perkara utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kesemua lima penjagaan ini terhasil melalui tiga keutamaan bermula dengan *al-darūriyyāt*, *al-ḥājjiyyāt* dan *al-taḥsīniyyāt*. Selain itu, mencapai kebaikan menurut pertimbangan syarak diutamakan daripada kebaikan menurut pandangan manusia.

Di samping itu, *maṣlahah* dari sudut sama ada syarak mengakuinya atau tidak terbahagi kepada tiga iaitu pertama; apa yang syarak akui (*al-maṣlahah al-mu'tabarah*), kedua; apa yang syarak tidak akui (*al-maṣlahah al-mulghāh*) dan ketiga; apa yang syarak diam mengenainya iaitu syarak tidak menunjukkan sama ada ia dibolehkan atau tidak.¹⁰¹ Contoh apa yang syarak akui adalah seperti pengharaman arak. Arak diharamkan demi menjaga akal daripada rosak (mabuk). Hal ini kerana apa yang memabukkan sama ada makanan atau minuman, maka ia adalah haram. Contoh apa yang syarak yang tidak akui

¹⁰⁰ al-Būṭī, *Qawābiṭ al-Maṣlahah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, 119-248.

¹⁰¹ al-'Izz 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Salām, *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*, 478.

pula adalah seperti faedah bank. Faedah bank dilihat memberi kebaikan kepada penerima. Namun begitu, faedah bank yang terhasil daripada pinjaman hakikatnya adalah satu daripada bentuk riba yang diharamkan.

Sementara *maṣlaḥah* yang syarak diam mengenainya pula seringkali merujuk kepada ungkapan *al-maṣlaḥah al-mursalah*. *al-Maṣlaḥah al-mursalah* dapat dijelaskan sebagai setiap manfaat yang termasuk dalam tujuan syarak, yang tidak ada dalil khusus dan tertentu yang menjelaskan sama ia syarak mengakuinya atau tidak. Disebut sebagai *al-mursalah* yang bermaksud mutlak kerana ia tidak terikat dengan sebarang dalil sama ada dibolehkan atau tidak.¹⁰² Contoh yang dapat diberikan adalah seperti apa yang telah para sahabat terdahulu lakukan seperti menghimpunkan al-Quran dalam satu salinan, membiarkan tanah pertanian di tempat yang mereka buka untuk menyebarkan agama Islam dalam tangan pemiliknya di samping mengenakan bayaran cukai dan pelbagai lagi contoh bentuk tindakan yang menjurus ke arah untuk mendapat kebaikan dan menolak keburukan serta tidak ada dalil yang khusus mengenainya.

Para ulama berbeza pendapat mengenai persoalan sama ada bolehkah berhujah dengan *al-maṣlaḥah al-mursalah* atau tidak. Jumhur ulama mengatakan bahawa boleh berhujah dengan *al-maṣlaḥah al-mursalah* kerana urusan yang berkaitan dengan kepentingan manusia sering bertambah dan berubah, mengikut peredaran masa dan perubahan tempat. Jika sekiranya hukum-hukum syariat ditentukan hanya berdasarkan apa syarak akui sahaja melalui dalil-dalilnya yang khusus, nescaya pelbagai urusan yang berkaitan dengan kepentingan hidup manusia boleh terhenti dan gagal berfungsi. Hal ini tidak bertepatan dengan kehendak syariat yang mahukan kebaikan dalam kalangan umatnya.¹⁰³

¹⁰² 1) Ibid., 481; 2) al-Būṭī, *Ḍawabiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, 330; dan 3) 'Abd al-Wahhāb Khallāf, *'Ilm Uṣūl al-Fiqh*, ed. ke-8 (t.p.: Maktabah al-Da'wah al-Islāmiyyah, t.t.), 84.

¹⁰³ 'Abd al-Wahhāb Khallāf, *'Ilm Uṣūl al-Fiqh*, 85.

Bahkan apabila disingkap kembali sejarah Islam, didapati para sahabat, tabiin dan ulama terdahulu juga telah banyak menetapkan hukum demi untuk mencapai kebaikan tanpa ada dalil yang khusus mengenainya. Sebagai contoh tindakan Abu Bakar al-Ṣiddīq yang telah mengambil keputusan untuk memerangi golongan yang enggan membayar zakat, Umar al-Khaṭṭāb yang telah menangguh pelaksanaan hukuman mencuri pada masa kemarau, Uthman Ibn ‘Affān yang telah menghimpun al-Quran dalam satu salinan (*muṣḥaf*) dan Ali Ibn Abi Ṭālib yang telah membakar golongan pelampau Syiah Rafidah.

Namun begitu, jumhur ulama yang mengatakan bahawa boleh berhujah dengan *al-maṣlaḥah al-mursalah* telah menetapkan beberapa syarat. Pertama; *maṣlaḥah* mestilah *maṣlaḥah* yang sebenar dan bukan samar-samar (*wahmiyyah*). Kedua; *maṣlaḥah* mestilah *maṣlaḥah* yang bersifat umum dan bukan perseorangan. Akhir sekali yang ketiga; *maṣlaḥah* mestilah tidak bertentangan dengan prinsip dan hukum syariat yang telah tetap melalui nas dan ijmak.¹⁰⁴

Sebahagian ulama pula berpendapat bahawa tidak boleh berhujah dengan *al-maṣlaḥah al-mursalah* kerana syariat Islam sendiri memang menginginkan kebaikan untuk manusia. Apa-apa kebaikan tidak akan dibiarkan tanpa sebarang petunjuk atau dalil. Justeru itu jika sesuatu *maṣlaḥah* tidak ada dalil yang menunjukkan sama ada ia diakui atau tidak, maka ia sebenarnya adalah bukan *maṣlaḥah* yang hakiki sebaliknya *maṣlaḥah* yang samar-samar (*wahmiyyah*). Selain itu, proses pensyariatan yang dibina semata-mata atas asas *maṣlaḥah* akan membuka kepada pintu penyelewengan dalam kalangan pemimpin dan golongan yang menetapkan hukum. Apabila hawa nafsu, apa yang hakikatnya adalah tidak baik (*mafsadah*) akan dilihat sebagai baik (*maṣlaḥah*). Oleh itu, membiarkan proses pensyariatan dibina atas asas *maṣlaḥah* hanya akan membuka lagi pintu kejahatan.¹⁰⁵

¹⁰⁴ Ibid., 86.

¹⁰⁵ Ibid., 87-88.

Berbalik kepada situasi yang berlaku di Malaysia seperti persoalan hukum melabur dalam ASB di mana telah berlaku perbezaan pendapat antara yang mengatakan tidak halal dan harus. Secara umumnya, perbezaan pendapat berlaku kerana perbezaan dari sudut kaedah pengeluaran hukum yang diguna pakai.¹⁰⁶ Dalam hal ini, pendapat pertama dilihat lebih berhati-hati dan mementingkan perbincangan hukum iaitu apakah hukum melabur dalam pelaburan yang bercampur antara halal dan haram. Mereka tidak menolak penggunaan *maṣlahah*, sebaliknya lebih mementingkan *maṣlahah* di akhirat. Sementara pendapat kedua pula di samping melihat perbincangan hukum, turut meneliti dari sudut lain iaitu apakah kesannya kelak kepada para pelabur dan masyarakat dalam aspek memperoleh kebaikan dan menghindar diri daripada keburukan dalam urusan hidup mereka seharian.

2.3.1 (b) Perbezaan dalam memahami dalil

Sumber hukum Islam dari segi kekuatan dalilnya terbahagi kepada dua iaitu pertama: dalil yang bersifat muktamad atau definitif (أدلة قطعية) dan kedua: dalil yang bersifat *ẓann* (أدلة ظنية). Dalil yang bersifat muktamad bermaksud pemahaman kandungannya dapat dicapai secara pasti. Dalam kata lain, dalil tentang sesuatu tuntutan sama ada suruhan atau larangan tidak mengandungi banyak maksud. Contohnya seperti suruhan Allah SWT dalam beberapa ayat tentang kewajipan mendirikan sembahyang (أقيموا الصلاة) dan juga larangan menghampiri dan melakukan zina (ولا تقربوا الزنى). Sementara dalil yang bersifat *ẓann* pula boleh dikatakan dalil yang mengandungi banyak pemahaman tentang sesuatu perkara ataupun dalil yang berbeza tahap penerimaannya seperti *khavar aḥad*.

¹⁰⁶ Akan dinyatakan dalam Bab 3.

Pemahaman dalil yang bersifat *ẓann* terdedah kepada berlakunya kefahaman yang berlainan dalam satu-satu perkara. Hal ini kerana para ulama tidak berbeza pendapat dalam memahami dalil yang bersifat pasti. Akan tetapi para ulama berselisih pendapat dalam memahami dalil yang bersifat *ẓann*.

Selain itu, terdapat juga beberapa tempat dalam al-Quran dan hadith yang mengandungi banyak erti. Proses memahaminya berbeza antara seorang ulama dengan ulama yang lain berdasarkan pandangan masing-masing. Contoh firman Allah SWT:

... وَأَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ ...

al-Ma'idah 5: 6

Terjemahan: ...dan sapulah kepalamu,...

Dalam mentafsirkan ayat di atas, telah berlaku perselisihan pendapat dalam memahami kehendak sebenar huruf Ba. Adakah huruf Ba tersebut semata-mata huruf tambah (الإلصاق) atau huruf yang memberi maksud sebahagian (التبعية)?¹⁰⁷ Perbezaan tafsiran ini telah menyebabkan berlaku perselisihan pendapat dalam menetapkan kadar kepala yang wajib disapu ketika berwuduk. Mazhab Maliki dan Hanbali mengatakan kadar yang wajib disapu adalah keseluruhan kepala. Sementara mazhab Hanafi dan Syafii pula berpendapat wajib menyapu sebahagian kepala dan sunat keseluruhan kepala.¹⁰⁸

Mazhab Maliki dan Hanbali berhujah tiada dalil dalam al-Quran yang menyebut secara jelas suruhan menyapu sebahagian kepala. Selain itu, ayat (وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ) yang bermaksud “dan sapulah kepalamu” sama seperti ayat (فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ) yang bermaksud “sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu.” Ayat pertama merujuk kepada wuduk. Sementara ayat kedua pula merujuk kepada tayamum. Dalam kedua-dua ayat tersebut, terdapat persamaan di dua titik penting iaitu pertama: perkataan (مسح) dan kedua: huruf Ba. Apabila suruhan menyapu muka ketika bertayamum yang merupakan

¹⁰⁷ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 49.

¹⁰⁸ ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, ed. ke-2 (Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 1:60.

ganti bagi wuduk tidak menunjukkan menyapu sebahagian muka, mengapa pula wuduk perlu menyapu sebahagian kepala? Sedangkan wuduk lebih tinggi kedudukannya daripada tayamum.

Sementara itu, mazhab Hanafi dan Syafii pula berhujah huruf Ba dalam ayat (وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ) adalah huruf yang membawa maksud sebahagian. Maka ayat tersebut dapat difahami seperti berikut: (وَامْسَحُوا بِبَعْضِ رُءُوسِكُمْ), ertinya: dan sapulah sebahagian kepala kamu.¹⁰⁹ Daripada penerangan ini, jelas menunjukkan bahawa perbezaan dalam memahami suatu dalil menghasilkan perbezaan dalam mengeluarkan pendapat hukum.

2.3.1 (c) Perbezaan mentaliti, keupayaan intelektual dan keilmuan¹¹⁰

Dalam melakukan ijtihad, tahap keilmuan dan intelektual pasti akan memainkan peranan. Setiap manusia mempunyai tahap keilmuan dan intelektual yang berbeza. Pengaruh tahap keilmuan dan intelektual yang dimiliki secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap cara berfikir dan memahami sesuatu perkara. Perbezaan pemahaman dan cara berfikir dapat dilihat sepertimana tafsiran para sahabat mengenai ayat pertama dalam surah al-Naṣr:

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴿١﴾ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ﴿٢﴾
فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ﴿٣﴾

al-Naṣr 110: 1-3

¹⁰⁹ Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ al-Fatāwā*, ed. ‘Āmir al-Jazzār dan Anwar al-Bāz, ed. ke-3 (Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 2005), 21:73-74.

¹¹⁰ Saadan Man, Abdul Karim Ali dan Noor Naemah Abdul Rahman, *Fiqh Ikhtilaf* (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Univerisiti Malaya, 2009), 52-53.

Terjemahan: Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Makkah) (1). Dan engkau melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai (2). Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepadaNya, sesungguhnya Ia sangat-sangat menerima taubat (3).

Sebahagian para sahabat menafsirkan ayat pertama dengan berkata: apabila diberikan kemenangan dan pembukaan, kita disuruh supaya memuji Allah SWT dan meminta keampunan kepadaNya. Sementara itu, sebahagian para sahabat yang lain pula berdiam diri dan tidak berkata apa-apa. Kemudian Ibn ‘Abbās ditanya dan beliau menjelaskan ayat tersebut adalah petanda kewafatan Baginda Rasulullah SAW. Kemudian Sayidina Umar Ibnu al-Khattab berkata: Aku tidak tahu pendapat yang lain selain daripada pendapat Ibn ‘Abbās ini.¹¹¹ Jelas berlaku perbezaan pandangan antara beberapa orang para sahabat dengan Ibn ‘Abbās.

Selain itu, perkembangan pesat ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang ekonomi dan kewangan serta sains dan teknologi dilihat semakin memberi cabaran khususnya ketika menetapkan sesuatu hukum. Banyak pertimbangan dan penelitian yang mesti dilakukan bagi menjamin suatu ketetapan hukum menepati kehendak syariat. Sudah pasti proses penetapan akan sentiasa dipengaruhi oleh tahap mentaliti, keupayaan intelektual dan keilmuan, tidak terkecuali adat persekitaran.

2.3.1 (d) Adat dan persekitaran

Adat memberi kesan dalam pembinaan hukum Islam. Ia merangkumi soal berkaitan dengan politik, perundangan, ekonomi, sosial masyarakat dan sebagainya. Adat menjadi salah satu faktor yang akan dipertimbangkan oleh para ulama dalam mengeluarkan hukum. Para ulama telah mengagaskan satu kaedah fiqah iaitu العادة محكمة yang boleh

¹¹¹ Hadith Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Tafsīr, Bāb Qawlihi (فسيح بحمد ربك واستغفره إنه كان توابا), no. hadith 4970. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ, 3:332.

diterjemahkan sebagai “adat boleh menjadi penentu hukum.” Kebanyakan penulisan mengenai kaedah fiqah pasti akan menyentuh kaedah ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ia membuktikan adat persekitaran diberi perhatian dalam pembinaan hukum Islam.

Dengan sebab itu, sesuatu hukum boleh berubah dengan sebab berbezanya keadaan persekitaran dan masa. Kenyataan ini dapat disokong dengan kewujudan dua pandangan Imam Syafii. Pertama *al-qawl al-qadīm* dan kedua *al-qawl al-jadīd*. *al-Qawl al-qadīm* adalah pandangan beliau ketika berada di Iraq. Setelah berhijrah ke Mesir dan mendapati keadaan di sana berbeza, beliau telah mengubah beberapa pandangannya sebelum itu. Pandangan beliau di Mesir disebut sebagai *al-qawl al-jadīd*.

Daripada senario di atas jelas memperlihatkan bahawa sesuatu hukum berbeza dengan sebab berbezanya keadaan tempat dan masa. Perlu ditekankan bahawa perbezaan yang berlaku hanya melibatkan permasalahan yang dibenarkan berijtihad sahaja. Sedangkan prinsip asas Syariah, ia kekal dan sesuai untuk semua tempat dan masa.

Penutup

Fatwa merupakan satu penjelasan hukum yang dikeluarkan oleh seorang mufti yang mempunyai kelayakan dan berkuasa mengeluarkan fatwa serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Fatwa yang dikeluarkan merupakan satu tindak balas maklumat atau respon kepada persoalan yang dikemukakan.

Dalam mengeluarkan fatwa, terdapat beberapa metodologi atau pendekatan yang digunakan. Pada zaman Rasulullah SAW, metodologi yang digunakan adalah dengan merujuk kepada wahyu al-Quran. Selain itu, Rasulullah SAW juga bertindak sebagai sumber rujukan hukum. Rujukan kepada al-Quran dan sunah terus menjadi pegangan pada zaman para sahabat. Namun jika penyelesaian daripada al-Quran dan sunah tiada, para sahabat akan berijtihad. Zaman para *al-tābi'īn* tidak banyak berbeza dengan zaman para sahabat kecuali pada zaman ini, para *al-tābi'īn* akan mencari dahulu pendapat para sahabat sebelum melakukan ijtihad sendiri. Pada zaman ini juga, pembahagian aliran kepada *al-ḥadīth* dan *al-ra'y* muncul dengan lebih ketara. Pada zaman para imam mujtahid pula, fiqah mengalami perkembangan yang amat memberangsangkan. Zaman ini merupakan zaman keemasan dalam perkembangan fiqah Islam di mana kelahiran mazhab-mazhab berlaku. Setiap mazhab mempunyai metodologi tersendiri dalam berijtihad dan berfatwa. Selepas zaman keemasan, fiqah mengalami kemunduran dan ia berlanjutan selama beberapa abad sebelum tiba zaman kebangkitan. Pada zaman kebangkitan, semangat baru untuk mengembalikan fiqah Islam menjadi sepertimana zaman kegemilangannya dilaungkan. Beberapa langkah telah dilakukan seperti memperkenalkan fiqah perbandingan antara mazhab-mazhab dan menyarankan supaya pintu ijtihad dibuka. Sehingga pada zaman sekarang, ijtihad mengalami beberapa perubahan sesuai dengan perkembangan semasa.

Suatu fatwa yang dikeluarkan juga boleh mengalami perbezaan. Antara beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan fatwa adalah perbezaan kaedah pengeluaran hukum, perbezaan dalam memahami dalil, perbezaan mentaliti, keupayaan intelektual dan ilmuan serta pengaruh adat dan persekitaran.

BAB 3

UNIT AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) DAN FATWA BERKAITANNYA

BAB 3

UNIT AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) DAN FATWA BERKAITANNYA

Pendahuluan

Perbincangan dalam bab ini akan menjelaskan tentang unit amanah. Ia akan menyentuh pengenalan unit amanah dan strukturnya yang merangkumi syarikat pengurus dana, pelabur dan pemegang amanah. Perkembangan unit amanah, kepentingannya kepada masyarakat dan pelaburannya turut disentuh dengan memberi penekanan kepada unit ASB.

Selain itu, bab ini akan turut memberi penekanan kepada perbincangan mengenai fatwa ASB di Malaysia. Dalam perbincangan ini, tumpuan hanya akan diberikan kepada fatwa peringkat kebangsaan dan negeri Selangor beserta dengan alasan hukum yang diguna pakai. Hal ini sesuai dengan fokus kajian yang hanya akan menganalisis kedua-dua fatwa tersebut.

3.1 Unit Amanah

Unit amanah biasa disebut dalam bahasa Inggeris dengan *unit trust*. Ungkapan *unit trust* mempunyai pelbagai terjemahan seperti amanah saham, saham amanah, unit amanah dan sebagainya. Walaupun begitu, kesemuanya menjurus ke kehendak yang serupa. Dalam kajian ini, penggunaan terjemahan ‘unit amanah’ dipilih kerana ia sinonim dengan perkataan inggerisnya iaitu *unit trust*. Pemilihan ini juga berdasarkan saranan pakar yang memberi pandangan supaya semua perbincangan yang berkaitan dengan Amanah Saham menggunakan perkataan yang selaras dan sinonim dengan *unit trust* iaitu Unit Amanah.¹¹²

Menurut Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia atau lebih dikenali dengan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM), unit amanah ialah satu bentuk pelaburan kolektif yang membolehkan para pelabur dengan objektif pelaburan yang sama, menghimpun dana mereka untuk dilaburkan dalam portfolio sekuriti atau aset lain. Himpunan dana tersebut akan diurus oleh pengurus dana profesional bagi tujuan pelaburan dalam portfolio yang mungkin termasuk dalamnya kelas aset tunai, bon, deposit, saham, hartanah dan komoditi.¹¹³

Dalam penjelasan lain yang serupa, buku bertajuk Panduan Pelaburan Unit Amanah¹¹⁴ oleh Razali Rahman¹¹⁵ menyatakan bahawa unit amanah merupakan skim pelaburan terkumpul yang menggabungkan dana pelabur yang mempunyai matlamat yang sama, dalam sebuah ‘amanah’ yang diuruskan oleh pengurus dana profesional.

¹¹² Azizi Abu Bakar, “Amanah Saham Kedah (ASK): Satu Penilaian Dari Perspektif Hukum Muamalat” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2002), 20.

¹¹³ Federation of Investment Managers Malaysia, “What Are Unit Trusts?” laman sesawang *Federation of Investment Managers Malaysia*, dicapai 6 Mac 2013, <http://www.fimm.com.my/contents.asp?id=100049&sid=100036&cid=100030&zid=100008>.


¹¹⁴ Razali Razaman, *Panduan Pelaburan Unit Amanah* (Selangor: True Wealth Sdn Bhd, 2010), 4.

¹¹⁵ Razali Razaman ialah seorang penulis dan penterjemah yang mengkhusus dalam bidang kewangan. Selain merupakan penulis buku *Panduan Bijak Melabur*, beliau juga menulis rencana untuk majalah *Dewan Ekonomi*, menjadi Editor *UM Accounting Journal* 1997 dan aktif menulis dalam blog, *Risalah Labur Niaga* (www.laburniaga.blogspot.com). Razali ialah pemilik Razz Publications, sebuah syarikat yang terlibat dalam bidang penulisan dan penterjemahan. Razali memiliki ijazah Perakaunan dari UM dan MBA dari UIA. Beliau giat melabur dalam saham, hartanah dan unit amanah serta memberikan tumpuan kepada pelaburan jangka panjang.

Wang terkumpul akan dilaburkan oleh pengurus profesional berdasarkan objektif dan kaedah peruntukan aset dana yang ditetapkan dalam prospektus. Unit amanah mengumpulkan pelaburan dengan menjual unit yang mewakili satu bahagian daripada nilai aset bersih dana.

Daripada penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa unit amanah merupakan suatu bentuk pelaburan bersama yang membolehkan para pelabur dengan objektif yang sama menghimpun wang mereka dalam suatu dana bagi tujuan dilaburkan. Dana tersebut pula diurus oleh pengurus dana profesional. Selain itu, operasi unit amanah melibatkan beberapa pihak. Pertama adalah pelabur iaitu pihak yang memberikan wang untuk dilaburkan dan kedua adalah pengurus dana iaitu pihak yang mengurus pelaburan tersebut. Namun begitu dalam struktur unit amanah, terdapat satu lagi pihak yang terlibat iaitu pemegang amanah. Rajah di bawah memaparkan struktur unit amanah:

Rajah 3.1. Struktur Unit Amanah



Sumber: Hajah Rohani Datuk Hj Mohd Shahir, *Bijak Mengurus Wang* (Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2012), 221.

Semua skim amanah saham yang berlesen serta diluluskan di Malaysia berada di bawah penguatkuasaan Suruhanjaya Sekuriti (SC), yang merupakan badan berwajib dalam industri pasaran modal yang bernaung di bawah Kementerian Kewangan.¹¹⁶ Dalam operasi unit amanah, ada tiga pihak utama yang terlibat iaitu syarikat pengurusan (syarikat pengurus dana), pemegang unit (pelabur) dan pemegang amanah.

Pihak pertama adalah syarikat pengurusan (syarikat pengurus dana). Syarikat pengurusan (syarikat pengurus dana) ialah syarikat yang mengendalikan segala urusan berkaitan dana unit amanah, termasuklah pendaftaran dana, pentadbiran dana, laporan suku dan separuh tahunan, laporan tahunan dan yang terpenting sekali menguruskan pelaburan dana.¹¹⁷

Pihak kedua pula adalah pelabur iaitu orang awam yang menyerahkan wang mereka kepada pengurus dana untuk dilaburkan. Profil pelabur umumnya terdiri daripada pelbagai pihak, termasuk pelabur kecil, pelabur besar dan juga organisasi seperti syarikat, institusi, persatuan dan koperasi. Pendek kata, sama seperti saham, sesiapa pun boleh melabur dalam unit amanah.¹¹⁸ Selain itu, pelabur unit amanah biasanya terdiri dalam kalangan mereka yang mempunyai simpanan untuk melabur, namun tidak mempunyai masa mahupun kecenderungan untuk memegang portfolio pelaburan atau saham. Sebaliknya, mereka lebih suka untuk melabur dalam pelaburan yang diyakini selamat, berpotensi dan sesuai dengan tujuan mereka.¹¹⁹

¹¹⁶ Hajah Rohani Mohd Shahir, *Bijak Mengurus Wang* (Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2012), 222.

¹¹⁷ Razali Razaman, *Panduan Pelaburan Unit Amanah*, 4.

¹¹⁸ *Ibid.*, 5.

¹¹⁹ Federation of Investment Managers Malaysia, "What Are Unit Trusts?" laman sesawang *Federation of Investment Managers Malaysia*, dicapai 6 Mac 2013, <http://www.fimm.com.my/contents.asp?id=100049&sid=100036&cid=100030&zid=100008>.

Akhir sekali, setiap dana unit amanah mempunyai syarikat pemegang amanah mereka sendiri yang bebas dan berkecuali. Pemegang amanah memegang semua aset dalam dana amanah dan merupakan entiti berbeza daripada syarikat pengurusan untuk melindungi kepentingan pelabur. Pemegang amanah juga memastikan pihak pengurusan mengurus pelaburan berasaskan ketetapan dalam surat ikatan amanah.¹²⁰

3.2 Perkembangan Unit Amanah dan Kepentinganannya


3.2.1 Sejarah Perkembangan Unit Amanah

Industri unit amanah di Malaysia bermula dalam keadaan yang sederhana apabila pada tahun 1959, syarikat pengurusan unit amanah Malaysia yang pertama iaitu Malayan Unit Trusts Limited ditubuhkan oleh sekumpulan pelabur Australia. Perkembangan unit amanah di Malaysia dapat dibahagikan secara kronologi kepada empat + satu fasa¹²¹ berpandukan kepada rajah dan penjelasan berikut:

¹²⁰ Razali Razaman, *Panduan Pelaburan Unit Amanah*, 5.

¹²¹ 1) Federation of Investment Managers Malaysia, "History of Unit Trusts", laman sesawang *Federation of Investment Managers Malaysia*, dicapai 5 Mac 2013, <http://www.fimm.com.my/contents.asp?id=100050&sid=100036&cid=100030&zid=100008> ; 2) Permodalan Nasional Berhad, *Industri Saham Amanah Malaysia* (Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad, 2001), 46-52 ; 3) Low Chia Wei, "Market Timing, Selectivity and Persistence of the Performance of Selected Malaysian Unit Trust Funds" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2008), 8-9 ; 4) Jeffrey Gan, *The Untold Million-dollar Secrets of Unit Trust Investment* (Petaling Jaya: Leeds Publications (M) Sdn. Bhd., 2007), xvi.

Rajah 3.2. Perkembangan Unit Amanah di Malaysia



a. Tahun Pembentukan: 1959 – 1979

Sejarah industri unit amanah dalam dua dekad pertama memperlihatkan pertumbuhan jualan unit yang perlahan dan minat orang awam yang kurang terhadap produk pelaburan baru. Dalam tempoh ini, hanya lima syarikat pengurusan unit amanah ditubuhkan dengan 18 dana diperkenalkan. Tahun 1970-an juga menyaksikan penyertaan kerajaan negeri dalam melancarkan unit amanah, sebagai sambutan kepada seruan kerajaan persekutuan dalam usaha untuk menggerakkan simpanan keluarga domestik.¹²²

b. Tempoh 1980 – 1990

Tahun 1980-an juga menandakan perkembangan penting dalam sejarah industri unit amanah apabila Skim ASN yang diuruskan oleh PNB dilancarkan. Pelancaran Skim ASN memberi momentum kepada pertumbuhan baru dalam industri ini. Walaupun hanya 11

¹²² Permodalan Nasional Berhad, *Industri Saham Amanah Malaysia*, 46-47.

dana sahaja yang dilancarkan dalam tempoh ini, namun jumlah unit yang dilanggan meningkat mendadak kesan daripada sambutan hangat terhadap Skim ASN. Tahun 1980-an juga menyaksikan kemunculan banyak syarikat pengurusan saham amanah yang merupakan subsidiari kepada institusi-institusi kewangan. Penyertaan syarikat pengurusan saham amanah yang disokong oleh bank menandakan perkembangan penting dalam industri ini, kerana penyertaan mereka telah memudahkan dari beberapa segi pemasaran dan pengagihan saham amanah melalui jaringan cawangan bank.¹²³

c. Tempoh 1991 – 1999

Tempoh ini menyaksikan perkembangan pesat industri unit amanah khususnya dari segi bilangan penubuhan syarikat pengurusan baru dan dana yang diuruskan. Dalam tempoh ini, SC ditubuhkan iaitu pada 1 Mac 1993 yang bertujuan untuk merealisasikan cita-cita kerajaan hendak merasional dan memperkukuhkan struktur pengawalan, dan menggalak serta meneraju perkembangan pasaran modal domestik. Tahun-tahun 1990-an juga ditandai dengan kemasukan unit amanah anjuran kerajaan negeri yang baru iaitu yang pertama adalah Amanah Saham Sarawak dalam tahun 1993. Ia diikuti pula dengan tujuh unit amanah lain anjuran kerajaan negeri menjelang 31 Oktober 1999. Lanjutan kepada Skim ASN, PNB melancarkan unit amanah yang kedua iaitu Skim ASB pada 2 Januari 1990. Meskipun industri unit amanah berkembang pesat dalam tempoh ini, ia diiringi oleh krisis ekonomi dan kewangan Asia 1997/1998 serta kekurangan profesional industri yang berkelayakan.¹²⁴

¹²³ *Ibid.*, 47-48.

¹²⁴ *Ibid.*, 48-50.

d. Tempoh 2000 – Sekarang¹²⁵

Dalam abad ke-21, industri unit amanah menjanjikan permulaan yang baik selepas pemulihan daripada krisis ekonomi dan kewangan Asia 1997/1998. Kesedaran masyarakat terhadap dana patuh syariah juga meningkat. Selepas sambutan menggalakkan terhadap dana yang berasaskan Islam iaitu Tabung Ittikal Arab-Malaysian pada tahun 1993, lebih banyak lagi unit amanah syariah dilancarkan menjelang 31 Disember 2000 iaitu 13 unit amanah syariah yang diuruskan oleh 13 syarikat pengurusan unit amanah. Selain daripada itu, banyak bank yang turut terlibat dengan syarikat pengurusan unit amanah dan menjelang akhir 2000, banyak bank utama di Malaysia menyertai industri ini. Perkara ini sekaligus menyemarakkan lagi perkembangan industri unit amanah di Malaysia.¹²⁶

e. Masa Hadapan

Peringkat ini berpandukan kepada penjelasan Low Chia Wei¹²⁷ dalam kajian beliau apabila beliau mengemukakan perkembangan unit amanah peringkat kelima iaitu peringkat masa hadapan. Menurut beliau, pada masa hadapan, para pelabur dalam unit amanah akan lebih peka dan celik pelaburan sesuai dengan perkembangan industri unit amanah yang semakin maju. Pada ketika itu, para pelabur tidak akan tertarik kepada janji pulangan dan pengagihan tunai yang tinggi, tetapi akan turut melihat kepada pulangan sebenar atau pulangan atas pelaburan (Return on Investment).¹²⁸ Beliau menyandarkan kenyataan ini kepada buku yang ditulis oleh Jeffrey Gan iaitu *The Untold Million-dollar Secrets of Unit Trust Investment*.¹²⁹

¹²⁵ Perkataan sekarang merujuk kepada tahun 2001. Hal ini berpandukan tahun buku Industri Saham Amanah Malaysia diterbitkan iaitu pada tahun 2001. Lihat: *Ibid*.

¹²⁶ Federation of Investment Managers Malaysia, "History of Unit Trusts", laman sesawang *Federation of Investment Managers Malaysia*, dicapai 5 Mac 2013, <http://www.fimm.com.my/contents.asp?id=100050&sid=100036&cid=100030&zid=100008>.

¹²⁷ Low Chia, "Wei Market Timing, Selectivity and Persistence of the Performance of Selected Malaysian Unit Trust Funds", 8-9

¹²⁸ *Ibid.*, 8-9.

¹²⁹ Jeffrey Gan, *The Untold Million-dollar Secrets of Unit Trust Investment*, xvi.

3.2.2 Kepentingan Unit Amanah


Pelancaran unit amanah bertujuan untuk membantu individu atau pihak yang mempunyai lebih wang dan berminat untuk melabur, namun menghadapi kesuntukan masa atau kekurangan ilmu pengetahuan dalam bidang pelaburan. Mereka bersedia menyerahkan sedikit wang yang dimiliki untuk dilaburkan dalam portfolio yang diyakini berpotensi dan sesuai dengan tujuan mereka. Daripada penjelasan ini, kepentingan unit amanah dapat disimpulkan seperti berikut:

- dapat membantu orang ramai yang minat melabur, namun kekurangan ilmu dan modal pelaburan
- dapat membantu menjana pendapatan sampingan bagi mereka yang mempunyai lebih wang namun kesuntukan masa untuk melabur
- dapat memupuk tabiat menyimpan dalam kalangan masyarakat
- dapat membantu mengurangkan risiko pelaburan individu kerana ia memberi peluang kepada pelabur yang ingin melabur dengan modal yang kecil
- dapat memberi peluang kepada pelabur mendapatkan khidmat pengurus profesional yang selalunya tidak dapat dinikmati oleh pelabur individu yang melabur dengan modal yang kecil
- dapat membantu pelabur menikmati faedah yang sama dengan mereka yang melabur dalam sekuriti berharga tinggi
- dapat membantu pelabur menikmati pulangan daripada portfolio pelaburan berbanding dengan jumlah sekuriti yang sedikit sekiranya mereka melabur terus dalam pasaran saham

3.3 Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Perbincangan mengenai apa itu Skim ASB akan dimulai dengan menyingkap kembali beberapa peristiwa penting mengikut kronologi. Mengetahui beberapa peristiwa penting tersebut penting bagi menjamin pemahaman persoalan yang berkait rapat dengan pelancaran Skim ASB. Terlebih dahulu, penjelasan beberapa peristiwa penting mengikut kronologi dapat digambarkan dalam rajah di bawah:

Rajah 3.3. Kronologi Pelancaran Skim ASB di Malaysia



Peristiwa bermula apabila pada tahun 1970, kerajaan memperkenalkan DEB. Objektif teras rancangan ini adalah untuk menggalakkan perpaduan negara dalam masyarakat berbilang bangsa di Malaysia dengan membasmi kemiskinan melalui penstrukturan semula aktiviti ekonomi dalam sektor korporat.¹³⁰

¹³⁰ Permodalan Nasional Berhad, "New Economic Policy", laman sesawang *Permodalan Nasional Berhad*, dicapai 6 Mac 2013, http://www.pnb.com.my/about/about_us.cfm?cat=3&subcat=1.

Di bawah pimpinan Allahyarham Tun Ismail bin Mohamed Ali, sebuah Jawatankuasa Kerja ditubuhkan pada 1977 untuk memastikan matlamat dan cita-cita yang ditetapkan oleh DEB dapat direalisasikan. Visi utamanya mempercepatkan penyertaan masyarakat Bumiputera dalam sektor korporat. Semenjak itu, visi ini telah membolehkan masyarakat Bumiputera dan rakyat Malaysia sama-sama bekerjasama dalam pendekatan baru agar usaha pemilikan secara saksama kekayaan negara sama ada domestik mahupun antarabangsa dapat dilaksanakan.¹³¹

Secara lebih tepat lagi, pada 13 Januari 1977, kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa Kerja untuk mengkaji tabung pelaburan Bumiputera. Jawatankuasa ini kemudian mencadangkan penubuhan Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB). YPB yang ditubuhkan di bawah pimpinan Jawatankuasa Kerja yang disokong oleh Kerajaan Malaysia, diperbadankan pada 9 Januari 1978 sebagai badan penyelaras bagi aktiviti pelaburan dalam sektor korporat oleh agensi Kerajaan, syarikat Bumiputera dan individu Bumiputera. Strategi dan perancangan utama YPB hanyalah untuk memastikan bahawa syer syarikat yang diperuntukkan kepada Bumiputera dikekalkan dengan jangkaan penambahan pemilikan dalam jangka waktu tertentu. Antara dasar yang dirumuskan oleh YPB adalah:

1. pembentukan dana sebagai entiti perniagaan dengan bidang kuasa untuk melabur dalam segala bentuk pelaburan.
2. menubuhkan dana saham amanah untuk mengagihkan pelaburan dalam kalangan Bumiputera¹³².

¹³¹ *Ibid.*

¹³² Permodalan Nasional Berhad, *Industri Saham Amanah Malaysia*, 58 dan Permodalan Nasional Berhad, "Yayasan Pelaburan Bumiputra", laman sesawang *Permodalan Nasional Berhad*, dicapai 6 Mac 2013, http://www.pnb.com.my/about/about_us.cfm?cat=3&subcat=2.

Hasil daripada penubuhan YPB, maka pada 17 Mac 1978, PNB telah ditubuhkan oleh YPB di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai anak syarikat milik penuh YPB. Sebagai gandar pelaburan YPB, fungsi teras PNB adalah untuk menilai, memilih dan memperoleh portfolio syer yang kukuh dalam syarikat berhad yang berpotensi tumbuh membesar. Selaku organisasi yang mengkhusus dalam bidang pelaburan, PNB secara dasarnya bertindak sebagai gudang kerana pemegangan syer dalam syarikat-syarikat berhad ini ditempatkan dalam dana saham amanah dan dijual kepada bumiputera dalam bentuk unit-unit yang lebih kecil. Semenjak ia ditubuhkan pada 17 Mac 1978, PNB telah berjaya menggiat-guna dan menghimpun lebih RM200 bilion (setakat September 2012) dalam bentuk pemegang unit dan pemilikan dana untuk pelbagai pelaburannya dalam lebih 200 syarikat subsidiari di Malaysia. Pelaburan oleh PNB pada ketika ini meliputi antara lain, pemegangan syer yang besar dalam syarikat-syarikat mantap seperti Sime Darby Berhad, Malayan Banking Berhad, UMW Holdings Berhad, I&P Group Sdn. Berhad, Chemical Company of Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, MNRB Holdings Berhad, NCB Holdings Berhad dan Prolintas.¹³³

Seterusnya pada 22 Mei 1979, ASNB pula ditubuhkan sebagai anak syarikat milik penuh PNB. ASNB ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Peranan utama ASNB adalah untuk bertindak sebagai cabang pemasaran saham amanah yang diuruskan oleh kumpulan PNB. Objektif utama ASNB pula adalah untuk menyatukan simpanan individu bumiputera melalui pemasaran dan penjualan saham amanah nasional kepada individu bumiputera. Selain itu, ASNB juga bertanggungjawab mendidik bumiputera tentang faedah melabur dalam saham amanah yang dicadangkan dan bakal dilancarkan oleh kerajaan.¹³⁴

¹³³ Permodalan Nasional Berhad, "Penubuhan Permodalan Nasional Berhad", laman sesawang *Permodalan Nasional Berhad*, dicapai 6 Mac 2013, http://www.pnb.com.my/about/about_us.cfm?cat=3&subcat=3.

¹³⁴ Permodalan Nasional Berhad, *Industri Saham Amanah Malaysia*, 58 & 85.

Selama lebih 25 tahun bertapak, ASNB terus mengekalkan kedudukannya sebagai syarikat pengurusan unit amanah utama di negara ini dengan memegang lebih 40% daripada jumlah keseluruhan unit dalam edaran. ASNB juga merupakan organisasi pelaburan ulung yang komited untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera khususnya dan menyumbang ke arah pertumbuhan dan kemakmuran negara bagi faedah rakyat Malaysia.¹³⁵

Pada masa kini, terdapat sembilan produk tabung amanah di ASNB iaitu Skim ASN, Skim Amanah Saham Nasional 2 (ASN2), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN3 Imbang), Amanah Saham Gemilang (ASG), Skim ASB, Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Didik (ASD) dan Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia). Kesemua produk yang dinyatakan terletak di bawah pengurusan PNB.

Pelancaran Skim ASB didahului oleh Skim ASN. Skim ASN mula dilancarkan pada 20 April 1981 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, iaitu YAB Dato' Hussein Bin Onn di Dewan Tunku Abdul Rahman. Skim ASN adalah sebahagian daripada rancangan tindakan akuan kerajaan untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi antara kumpulan etnik utama dalam negara di bawah Dasar Ekonomi Baru. Selain itu, Skim ASN bertujuan mempercepatkan pengumpulan dan penggemblengan simpanan Bumiputera untuk pelaburan dalam stok syarikat Malaysia bagi mencapai sasaran DEB 30% pemilikan ekuiti Bumiputera menjelang 1990. Skim ASN juga dilancarkan bagi menggalak dan memupuk tabiat menyimpan yang baik dalam kalangan Bumiputera untuk membolehkan mereka memaksimumkan simpanan mereka dalam jangka panjang.¹³⁶

¹³⁵ Amanah Saham Nasional Berhad, "Kenali Kami", laman sesawang *Amanah Saham Nasional Berhad*, dicapai 6 Mac 2013, <http://www.asnb.com.my/about.htm>.

¹³⁶ Permodalan Nasional Berhad, *Industri Saham Amanah Malaysia*, 61.

Oleh kerana perkembangan Skim ASN yang memberangsangkan, maka pada 2 Januari 1990, Skim ASB pula dilancarkan. Skim ASB dilancarkan untuk membolehkan pelabur Bumiputra terus melabur dalam saham amanah yang mempunyai ciri yang sama dengan Skim ASN yang ditukar kepada saham amanah harga berubah setelah kematangannya pada 31 Disember 1990. Dirasakan bahawa pelancaran Skim ASB adalah sesuai berdasarkan kejayaan Skim ASN dari segi menggalakkan Bumiputra menyimpan. Di samping itu, kerajaan merasakan pada ketika itu bahawa mekanisma harga berubah mungkin tidak sesuai kepada semua pelabur Bumiputra memandangkan latar belakang sosioekonomi mereka.¹³⁷ Jadual berikut memaparkan maklumat lanjut mengenai tabung Skim ASB:

Jadual 3.1. Maklumat Tabung Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB)



SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

MAKLUMAT TABUNG

Nama Tabung	SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)
Jenis	Pendapatan
Kategori	Ekuiti
Tarikh Pelancaran	2 Januari 1990
Objektif	Untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.
Pelabur Sasaran	Pelabur yang memahami risiko dan pulangan pelaburan serta menjangkakan manfaat dari pertumbuhan jangka panjang tabung hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) dan penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

¹³⁷ *Ibid.*, 86.

Jadual 3.1. sambungan

Kelayakan	Bumiputera Malaysia.
	Akaun Dewasa (18 tahun ke atas) Akaun Remaja (ibu bapa atau penjaga sah berumur tidak kurang 18 tahun yang melabur bagi kanak-kanak berumur 6 bulan hingga 18 tahun ke bawah).
Pengurus Pelaburan	Permodalan Nasional Berhad

MAKLUMAT URUSNIAGA

Harga Seunit	RM 1.00
Bentuk Pelaburan	Buku Pelaburan Sijil
Pelaburan Permulaan Minimum	Buku Pelaburan - 10 unit Sijil - 1,000 unit
Pelaburan Tambahan Minimum	Buku Pelaburan - 1 unit Sijil - Gandaan 1,000 unit
Pelaburan Maksimum	Akaun Dewasa - 200,000 unit Akaun Remaja - 10,000 unit
Saiz Tabung	Tiada had.
Caj Jualan	Tiada
Caj Jualan Balik	Tiada
Pembayaran Jualan Balik	Serta-merta
Tempoh Bertenang	Tiada
Tahun Kewangan Berakhir	31 Disember

Jadual 3.1. sambungan

PRESTASI TABUNG

Tahun Berakhir 31 Disember	2011	2012	2013
Kadar Pengagihan Pendapatan Seunit (sen)	7.65	7.75	7.70
Bonus Seunit (sen)	1.15	1.15	1.00

Sumber: Petikan dari laporan tahunan Skim Amanah Saham Bumiputera yang telah diaudit oleh juruaudit luaran yang bertauliah.

Sumber: Amanah Saham Nasional Berhad, “Skim Amanah Saham Bumiputera”, laman sesawang *Amanah Saham Nasional Berhad*, dicapai 9 Julai 2013, <http://www.asnb.com.my/asb.htm>.

Berdasarkan jadual di atas, Skim ASB mula dilancarkan pada 2 Januari 1990. Skim ASB merupakan tabung jenis ‘pendapatan’ dan terletak di bawah kategori ‘ekuiti’. Bentuk pelaburan Skim ASB pula adalah ‘buku pelaburan’ dan ‘sijil’. Selain itu, Skim ASB merupakan unit amanah berharga tetap yang diurusniaga dengan harga RM 1.00 seunit. Dengan modal serendah RM 10.00, pelaburan dalam Skim ASB telah dapat dimulakan sehingga semaksimum 200,000 unit bagi ‘akaun dewasa’ dan 10,000 unit bagi ‘akaun remaja’.

Sepertimana dapat diperhatikan dalam jadual juga, objektif pelancaran Skim ASB adalah untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal berada di tahap toleransi risiko yang minimum. Dengan sasaran pelabur iaitu mereka yang memahami risiko dan pulangan pelaburan serta menjangkakan manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang tabung hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) dan penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka, objektif yang dinyatakan dilihat bertepatan dengan jenis tabung Skim ASB iaitu ‘pendapatan’.

Selain itu, Skim ASB layak disertai oleh Bumiputera Malaysia dengan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu ‘akaun dewasa’ bagi mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan ‘akaun remaja’ bagi ibu bapa atau penjaga sah berumur tidak kurang daripada 18 tahun yang melabur bagi kanak-kanak berumur 6 bulan - 18 tahun ke bawah.

Di samping itu, menurut Laporan Tahunan ASN dan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 pada 31 Disember 2013,¹³⁸ seramai 8,262,542 individu telah menyertai ASB dengan bilangan unit yang dilanggan adalah sebanyak 127,264,970,674. Kedua-dua jumlah ini menandakan bahawa ASB mendapat sambutan yang agak baik dalam kalangan masyarakat. Daripada jumlah tersebut pula, pecahan pegangan unit 5000 ke bawah mendapat sambutan yang lebih baik daripada yang lain apabila ia telah menarik perhatian seramai 5,902,438 orang pelabur. Selain itu, jumlah pemegang unit 5000 ke bawah dengan yang lain juga menunjukkan perbezaan yang amat ketara. Perbezaan yang wujud merumuskan bahawa kekuatan ekonomi kebanyakan masyarakat khususnya yang melabur dalam ASB masih boleh dianggap berada di tahap yang agak baik. Pecahan pegangan unit ASB dapat digambarkan dalam jadual di bawah:

Jadual 3.2. Pecahan Pegangan Unit ASB

Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	%	Bilangan Unit Dilanggan	%
5,000 ke bawah	5,902,438	71.4	3,268,747,931	2.6
5,001 – 10,000	511,921	6.2	2,950,537,797	2.3
10,001 – 50,000	1,117,270	13.5	24,115,078,712	18.9
50,001 – 500,000	716,597	8.7	86,549,749,887	68.0
500,001 ke atas	14,316	0.2	10,380,856,347	8.2
Jumlah	8,262,542	100.0	127,264,970,674	100.0

Sumber: Amanah Saham Nasional Berhad, “Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013”, laman sesawang *Amanah Saham Nasional Berhad*, dicapai 9 Julai 2014, http://www.asnb.com.my/annualreport/2014_ASB-AnnualReport_140224_g.pdf.

¹³⁸ Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional Berhad, “Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2012” (Laporan Tahunan ASB 2011), 5.

Menyentuh mengenai pelaburan pula, menurut Laporan Tahunan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013 lagi, pelaburan unit ASB berlaku dalam beberapa sektor seperti perkhidmatan atau perdagangan, kewangan, barangan pengguna, barangan industri, perladangan, hartanah dan pembangunan serta lain-lain sektor. Unit ASB juga dilaburkan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, pelaburan dalam sekuriti modal bercantum dan lain-lain pelaburan. Malayan Banking Berhad (Maybank) yang merupakan salah satu bank terbesar pula menduduki tempat pertama daripada Senarai 20 Pelaburan Terbesar Pada Nilai Pasaran Berbanding Nilai Aset Bersih Tabung Pada 31 Disember 2013.¹³⁹ Penjelasan ini berdasarkan Jadual 3.3 dan Jadual 3.4 di bawah:

Jadual 3.3. Perumpukan Aset Mengikut Sektor Pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih Tabung

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	31.12.2013 %	31.12.2012 %	31.12.2011 %
Pelaburan di Pasaran Ekuti			
Perkhidmatan / Perdagangan	29.85	30.62	33.09
Kewangan	25.01	25.99	29.45
Barangan Pengguna	6.37	6.69	5.69
Hartanah & Pembangunan	5.76	3.77	4.33
Barangan Industri	2.80	2.59	1.90
Perladangan	1.86	1.90	1.79
Lain-lain sektor	0.77	0.52	0.54
Jumlah	72.42	72.08	76.79
Pelaburan di lain-lain instrumen pasaran modal			
(i) Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang disebut harga	0.05	0.02	0.04
(ii) Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	1.20	1.43	1.68
(iii) Lain-lain pelaburan dan aset bersih	26.33	26.47	21.49
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Sumber: Amanah Saham Nasional Berhad, "Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2012", laman sesawang *Amanah Saham Nasional Berhad*, dicapai 9 Julai 2014, <http://www.asnb.com.my/ASB%20n%20ASN.pdf>.

¹³⁹ *Ibid.*

Jadual 3.4. Senarai 20 Pelaburan Terbesar pada Nilai Pasaran Berbanding Nilai Aset Bersih Tabung Pada 31 Disember 2013

Bil	Syarikat	% Dari Nilai Aset Bersih Tabung
1	Malayan Banking Berhad	21.33
2	Sime Darby Berhad	12.77
3	UMW Holdings Berhad	3.81
4	Axiata Group Berhad	3.36
5	Maxis Berhad	2.74
6	Tenaga Nasional Berhad	2.70
7	Telekom Malaysia Berhad	1.65
8	I&P Group Sdn Berhad	1.60
9	Digi.Com Berhad	1.27
10	Petronas Chemicals Group Berhad	1.24
11	MMC Corporation Berhad	1.13
12	Petronas Gas Berhad	1.12
13	CIMB Group Holdings Berhad	1.04
14	MISC Berhad	0.94
15	Fraser & Neave Holdings Berhad	0.81
16	IOI Corporation Berhad	0.80
17	Malaysia Airports Holdings Berhad	0.76
18	SP Setia Berhad	0.71
19	Kuala Lumpur Kepong Berhad	0.69
20	Public Bank Berhad	0.66

Sumber: Amanah Saham Nasional Berhad, “Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013”, laman sesawang *Amanah Saham Nasional Berhad*, dicapai 9 Julai 2014, <http://www.asnb.com.my/ASB%20n%20ASN.pdf>.

Selain itu, unit ASB juga tidak dilabur dalam industri perjudian dan arak. Begitu juga dalam industri perhotelan kecuali yang mendapat status patuh syariah, menerima sijil International Organization for Standardization (ISO) dan tidak menyediakan minuman beralkohol.¹⁴⁰

¹⁴⁰ Mohd Salehin Bin Sopian (Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Jun 2012.

3.4 Fatwa Mengenai ASB di Malaysia

Unit amanah ialah salah satu instrumen pelaburan yang semakin mendapat perhatian masyarakat. Sungguhpun telah diperkenalkan pada lewat 1950 – an, industri unit amanah negara menyaksikan perkembangan yang memberangsangkan khususnya pada era ini. Banyak unit amanah telah dilancarkan. Penganjuran beberapa seminar pelaburan¹⁴¹ juga tidak ketinggalan dalam menyedarkan masyarakat tentang kepentingan melabur. Dalam kepesatan itu, kesedaran masyarakat tentang dana unit amanah patuh syariah juga timbul. Kenyataan ini dapat disokong dengan pelancaran beberapa dana unit amanah Islam¹⁴² dalam pasaran dan penglibatan para ilmuwan agama dalam membincangkan persoalan kewangan yang berbangkit.

Antara perbincangan yang timbul adalah persoalan mengenai hukum melabur dalam Skim ASB. Setakat kajian ini dilakukan, terdapat beberapa fatwa telah dikeluarkan di Malaysia merangkumi peringkat kebangsaan, negeri dan wilayah persekutuan. Sesuai dengan fokus kajian ini, tumpuan hanya akan diberikan terhadap fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa MKI pada tahun 2008 dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada tahun 2011.

3.4.1 Pengenalan tentang Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)

Merujuk kepada Portal Rasmi Fatwa Malaysia,¹⁴³ Jawatankuasa Fatwa MKI ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagaimana diperuntukan dalam Perkara 11 Peraturan MKI. Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa peringkat kebangsaan atas apa-apa

¹⁴¹ Contohnya seperti; Seminar Pelaburan 360 anjuran Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) serta Seminar Rancang Wang untuk Eksekutif Muda dan Bengkel Rancang Wang Masterclass anjuran AFIQ Training & Advisory.

¹⁴² Contohnya seperti (yang diluluskan setakat 30 November 2013); Dana Islamiah Affin, AmanahRaya Syariah Trust Fund, AmanahRaya Islamic Equity Fund dan lain-lain. Lihat: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, "List of launched funds in relation to unit trust funds as at 30 November 2013", laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*, dicapai 11 Januari 2014, <http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/resources/stats/UTF.pdf>.

¹⁴³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia", laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 6 Mac 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>.

perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Sementara MKI yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan badan penyelaras peringkat persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada Mac 1968.

Tugas Jawatankuasa Fatwa MKI mengikut Perkara 14 Peraturan MKI adalah menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada MKI yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja.

Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa MKI pula terdiri daripada empat kategori utama iaitu pertama: seorang pengerusi yang dilantik oleh MKI dalam kalangan ahlinya, kedua: mufti tiap-tiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam hal ehwal agama Islam, ketiga: sembilan orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar Muslim yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja dan keempat: seorang ahli yang beragama Islam daripada perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau daripada profession undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

Selain itu, pihak-pihak tertentu yang pakar dalam satu bidang yang dibincangkan juga akan dipanggil untuk memberikan pandangan dan penjelasan terhadap isu-isu yang tidak jelas atau memerlukan penjelasan dan taklimat terperinci. Tindakan ini bagi memastikan supaya semua ahli Jawatankuasa Fatwa MKI mendapat maklumat yang tepat untuk membuat dan memutuskan pendapat hukum.

Dalam mengeluarkan hukum, Jawatankuasa fatwa menggunakan dua kaedah iaitu pertama: melalui arahan Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan kedua: tanpa arahan Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Proses pengeluaran hukum atau pandangan syarak melalui arahan mesyuarat Majlis Raja-Raja bermula apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja menitahkan

supaya Jawatankuasa Fatwa MKI mengeluarkan hukum atau pandangan syarak tentang sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa akan diadakan dan apabila mesyuarat bersetuju mengeluarkan hukum atau pandangan syarak, maka hukum atau pandangan syarak berkenaan akan *dirafa'kan*¹⁴⁴ kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja melalui MKI. Hukum atau pandangan syarak yang telah diterima oleh Majlis Raja-Raja tersebut akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa atau Perundingan Syarak Negeri-negeri tanpa boleh dipinda dan seterusnya akan diwartakan oleh negeri berkenaan sebagai fatwa.

Sementara proses pengeluaran hukum atau pandangan syarak tanpa arahan Mesyuarat Majlis Raja-Raja pula adalah melalui permohonan daripada masyarakat Islam atau pihak-pihak tertentu. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan satu kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Panel Kajian Syariah atau Mesyuarat Panel Kajian Akidah mengikut kategori isu yang dibincangkan. Seterusnya satu kertas kerja berserta keputusan Mesyuarat Panel Kajian Syariah atau Akidah akan dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Keputusan dan pandangan yang diputuskan dalam Muzakarah ini akan dibawa ke Jawatankuasa Fatwa atau Perundingan Syarak Negeri-negeri dan negeri boleh meminda keputusan tersebut atau menerimanya tanpa pindaan. Maka seterusnya dilakukan proses pewartaan sebagai fatwa peringkat negeri-negeri.

¹⁴⁴ Terjemahan dalam Bahasa Melayu: diangkat atau dibawa.

3.4.2 Pengenalan tentang Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor

Jawatankuasa Fatwa Negeri telah ditubuhkan berdasarkan peruntukan Seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.¹⁴⁵ Jawatankuasa terdiri daripada mufti sebagai pengerusi, timbalan mufti, penasihat undang-undang negeri, dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam hukum syarak yang akan dilantik oleh Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang layak dan sesuai yang dilantik oleh Majlis dan akhir sekali seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis sebagai setiausaha.¹⁴⁶

Tatacara pengeluaran dan pewartaan fatwa Negeri Selangor secara asasnya bermula apabila sesuatu isu diterima oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMS) melalui permohonan daripada pelbagai pihak, orang perseorangan atau atas inisiatif JMS sendiri. Sesuatu isu yang dikemukakan akan disemak terlebih dahulu sama ada isu tersebut adalah kemusykilan agama, isu sedia ada yang hanya memerlukan kepada penjelasan hukum atau isu baru yang memerlukan kepada satu penyelidikan lanjut.

Sekiranya sesuatu isu itu merupakan permasalahan hukum yang telah sedia ada, maka mufti atau wakilnya akan terus memberikan jawapan. Manakala isu baru yang memerlukan kepada penetapan sesuatu hukum, maka ia akan didaftarkan sebelum diserahkan kepada Bahagian Istibat. Bahagian Istibat akan membuat perancangan untuk membuat kajian lanjut. Kaedah yang digunakan bagi menjalankan kajian adalah melalui kajian lapangan (luaran) seperti temu bual, pemerhatian, mendapatkan maklumat atau siasatan ke lokasi (jika berkaitan), mendapatkan khidmat kepakaran teknikal atau mereka yang berkemahiran dalam bidang tertentu, kerjasama dengan Institut Pengajian

¹⁴⁵ Jabatan Mufti Negeri Selangor, "Prosiding Pengeluaran & Pewartaan Fatwa Negeri Selangor" (Jabatan Mufti Negeri Selangor, t.t.), 11.

¹⁴⁶ *Ibid.*, 10.

Tinggi Tempatan serta penganalisaan berkaitan isu. Manakala bagi kajian dalaman pula adalah melalui rujukan sumber seperti al-Quran, hadith, ijmak, *qiyās* serta kitab-kitab muktabar.¹⁴⁷

Jika sekiranya suatu isu yang diterima bersifat nasional yang melibatkan kepentingan masyarakat Islam secara keseluruhannya, maka ia akan dibawa dan dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI yang diurusetikan oleh JAKIM.¹⁴⁸

3.4.3 Fatwa Skim ASB oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Beserta Justifikasi

Jawatankuasa Fatwa MKI dalam Muzakarah kali ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Pelaburan dalam ASN, ASB dan seumpamanya. Muzakarah telah memutuskan bahawa bagi menjaga kepentingan dan masalah umat Islam serta mengelakkan kemudharatan yang lebih besar, maka hukum melabur dalam skim ASN dan Skim ASB serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus. Keputusan ini diambil selepas mendengar taklimat dan penjelasan serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan iaitu:¹⁴⁹

- a. Hifz al-mal merupakan salah satu masalah daruriyah yang perlu diberi perhatian serius oleh pemerintah. Soal kekukuhan ekonomi umat adalah merupakan salah satu faktor penting kepada penerusan kemajuan umat Islam. Islam menegah umatnya menjerumuskan diri dalam kemudharatan dan kefakiran yang boleh menggugat kekuatan ummah.

¹⁴⁷ *Ibid.*, 6-7.

¹⁴⁸ *Ibid.*

¹⁴⁹ Fatwa Kebangsaan, "Pelaburan Dalam ASN, ASB Dan Seumpamanya", laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 6 Mac 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pelaburan-dalam-asn-asb-dan-seumpamanya>.

- b. Setiap hukum yang diputuskan perlu memenuhi tuntutan keadilan, masalah dan menghindar daripada kerosakan dan keruntuhan yang lebih besar. Dalam hal ini, Maybank adalah satu institusi perbankan Islam terbesar di Asia Pasifik. Sekiranya PNB melepaskan pegangan dalam Maybank, ia bukan hanya akan meruntuhkan ekonomi pemegang saham yang majoriti adalah orang Melayu Islam, bahkan ia juga akan memberi kesan besar kepada situasi ekonomi negara dan banyak organisasi berkaitan orang Islam. Begitu juga peluang pekerjaan yang melibatkan 16,531 kakitangan Bumiputera Islam juga akan turut terjejas.
- c. Dalam menentukan hujah keharusan Islam dalam pelaburan ASN dan ASB ini, adalah tidak tepat hujah bersandarkan masalah ummah ditafsirkan sebagai mengenepikan prinsip-prinsip Islam kerana masalah juga adalah prinsip Islam yang perlu dipegang dalam penentuan sesuatu hukum.
- d. Prinsip pensyarian Islam yang telah digariskan iaitu kewajipan menjaga lima (5) perkara iaitu agama, nyawa, akal, zuriat dan keturunan serta harta benda perlu dipertahankan kerana ia menjadi tunjang kehidupan seluruh umat Islam. Sekiranya terjejas salah satu daripada perkara ini, maka umat Islam akan ditimpa kehinaan yang akan menjejaskan agama dan kehidupan. Dalam hal ini, hukum ke atas pelaburan ASN dan ASB tidak boleh dilihat dari aspek tertentu sahaja, tetapi perlu mengambil kira semua kesan yang akan dihadapi oleh agama dan umat Islam.
- e. Dalam isu pelaburan yang bercampur antara halal dan haram, telah jelas bahawa PNB tidak melabur dalam sektor yang berkaitan dengan arak dan judi. Percampuran hanya berlaku dalam sektor kewangan di mana 70% pelaburan menepati syariah, hanya 30% sahaja pelaburan dalam Maybank yang dianggap masih tidak comply dengan syariah. Dalam keadaan ini, pelaburan dalam sektor yang halal lebih banyak daripada yang haram. Menurut sebahagian besar fuqaha' iaitu Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali, pendekatan untuk mengharuskan masyarakat Islam melabur dalam saham syarikat yang bercampur aktiviti halal dan haram adalah berasas. Ini kerana fuqaha' muktabar tidak mengharamkan syarikat sedemikian ketika menilai status syarikat yang dikongsi oleh orang Islam dan bukan Islam.
- f. PNB telah melaksanakan perubahan yang terbaik khususnya dalam aspek pelaburan bagi membolehkan penguasaan umat Islam. Dalam hal ini, masalah umat Islam adalah penting dan kemudharatan yang lebih besar perlu dielakkan.

3.4.4 Fatwa Skim ASB oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Beserta Justifikasi

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke 2/2011 yang bersidang pada 12 April 2011 bersamaan dengan 8 Jumadil Ula 1432H telah melakukan penilaian semula hukum pelaburan ASN, ASB dan seumpamanya. Dalam mesyuarat tersebut, Jawatankuasa Fatwa telah bersetuju memutuskan bahawa pelaburan ASN, ASB dan seumpamanya adalah tidak halal kerana masih belum menepati hukum syarak. Keputusan ini diambil setelah meneliti setiap pandangan ahli mesyuarat dan hujah-hujah yang dikemukakan. Hujah-hujah yang dikemukakan adalah seperti berikut:¹⁵⁰

- a. Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) secara jelas terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah sebahagian besarnya adalah daripada sektor kewangan konvensional. Ini berdasarkan hadis riwayat Jabir Al-Ja'fi daripada Ibnu Mas'ud:

ما اجتمع الحلال والحرام إلا غلب الحرام الحلال

Maksudnya: “Tidak bercampur antara yang halal dan yang haram, melainkan mengalahkan yang haram atas yang halal”.

- b. Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) diklasifikasikan sebagai dana unit amanah tidak patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti kerana terlibat dalam pelaburan tidak lulus syariah iaitu pelaburan dalam kaunter perbankan konvensional berteraskan faedah melalui Maybank dan pasaran wang.
- c. Sumbangan kepada tidak patuh syariah adalah terbesar yang tidak bertepatan dengan kehendak syarak serta kadar yang berubah-ubah ini menyukarkan pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen.

¹⁵⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Fatwa Selangor - Penilaian Semula Hukum Pelaburan Aamanah Saham Nasional (ASN) Dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya”, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 6 Mac 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penilaian-semula-hukum-pelaburan-aamanah-saham-nasional-asn-dan-amanah-saham-bumiputera>.

Selain itu, pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor turut berpegang kepada tiga alasan hukum tambahan lain yang dipetik daripada laman sesawang www.zaharuddin.net.¹⁵¹ Alasan hukum tambahan tersebut adalah hasil maklum balas Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMS) dalam surat bertulis yang telah dikirim. Tiga alasan hukum tersebut dapat dirumuskan seperti berikut:

d. Akad Pelaburan tidak Jelas

Akad pelaburan yang digunakan tidak jelas sama ada *qirāḍ*, *muḍārabah* atau *mushārah*. Sebagai contoh jika ia menggunakan *muḍārabah*, maka pelaburan ini disyaratkan menentukan kadar nisbah pembahagian keuntungan seperti 80 : 20 dan sebagainya di awal pelaburan. Namun hal ini tiada dinyatakan langsung dalam pelaburan ASB. Apabila sesebuah akad itu tidak sah dari sudut syarak, maka seluruh pelaburan adalah batal tanpa mengira pelaburannya diletakkan dalam industri halal atau haram.

e. Jaminan Modal atau 'Capital' Menyebabkan Akad Pelaburannya Bermasalah dari sudut Syariah

Termaktub bahawa modal (capital) pelaburan ASB dijamin oleh PNB. Hal ini bermakna syarat dalam akad pelaburan ini telah bercanggah dengan syarat pelaburan *muḍārabah* dalam Islam yang tidak membenarkan pengusaha iaitu *muḍārib* (dalam hal ini PNB) menjamin keselamatan modal para pelabur.

Malah menurut mazhab Syafii, akad pelaburan tersebut dikira batal. Modal pelaburan sememangnya tidak boleh dijamin oleh pihak yang menguruskan pelaburan. Kesatuan Ulama Fiqh Sedunia (Majma' Fiqh Islami) atau OIC Islamic Fiqh Academy

¹⁵¹ Zaharuddin.Net {Rujukan Informasi Islam}, "Perbincangan Hukum Pelaburan ASB : Kemaskini", laman sesawang *Ustaz Dr Hj Zaharuddin Hj Abd Rahman*, dicapai 6 Mac 2013, <http://www.zaharuddin.net/pelaburan-&-perniagaan/224-perbincangan-hukum-pelaburan-asb--kemarkini.html>.

dalam konvensyen mereka yang kesembilan telah memutuskan bahawa jaminan modal hanya dibenarkan apabila ia datang daripada pihak ketiga (dalam hal ASB, yang menjamin bukan datang daripada pihak ketiga). Malah apabila jaminan daripada pihak ketiga sekalipun, Majlis Fiqh Dunia bersepakat mensyaratkan ia tidak dimasukkan dalam kontrak pelaburan. Malangnya, klausa ini dimasukkan dalam akad pelaburan ASB yang diwakili oleh borangnya.

Keistimewaan jaminan modal ini tidak sah menurut seluruh ulama empat mazhab juga. Hal ini kerana dalam konsep pelaburan Islam yang dikenali sebagai mudarabah, tiada sebarang jaminan daripada pengusaha bahawa modalnya terjamin.¹⁵²

Selain itu menurut syariah, hanya dua jenis jaminan modal diizinkan dalam akad mudarabah iaitu:

1. Jaminan modal dikembalikan jika pihak pengurus pelaburan (*mudārib*) mengkhinati mana-mana isi kontrak, kecuaihan yang jelas dalam pengurusan dan yang sepertinya.
2. Jaminan daripada pihak ketiga dan bukannya pihak pengurus pelaburan (*mudārib*).¹⁵³

f. Dana Terkumpul Dilabur secara Bercampur dalam Industri Halal dan Haram

Pelaburan yang bercampur dengan yang haram melebihi 30%. ASB juga tidak pernah dibincangkan oleh MPS SC Malaysia dan oleh kerana itu, ia tidak termasuk dalam senarai kaunter yang jelas statusnya. MPS SC Malaysia yang bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan meletakkan fatwa berwibawa untuk menentukan sesebuah kaunter atau dana pelaburan itu halal disertai oleh umat Islam atau tidak, pernah meletakkan kadar 33%

¹⁵² Wahbah al-Zuhaylī, *al-Mu'āmalat al-Māliyyah al-Mu'āṣarah*, ed. 6 (Damsyik: Dār al-Fikr, 2008), 442.

¹⁵³ *Ibid.*, 442 & 443.

industri haram sebagai had larangan melabur dalam syarikat atau pengurus dan bercampur halal haram. MPS SC Malaysia juga pernah mengeluarkan keputusan garis panduan atau ukur rujuk berkenaan pelaburan dalam syarikat (secara beli sahamnya atau lainnya) yang mana perniagaannya bercampur seperti berikut (disertakan yang berkaitan sahaja):

“The SAC (Shariah Advisory Council) at its second meeting on 21st August 1996, discussed the status of companies running a mix of permissible and prohibited activities. The SAC resolved that such companies with some prohibited elements which do not exceed the benchmark determined by SAC.

..... iii. The core activities of the company have importance and maslahah (benefit in general) to the Muslim ummah and the country, and the haram element is very small and involves matters such as 'umum balwa (common plight), 'urf and the right of the non-muslim community which are accepted by Islam..

Based on the Prophet SAW word 1/3 or 33.33 % "is enough" and can be used as a guideline for the basis of formulating a benchmark. The question is whether this benchmark is suitable to be used for mixed companies, because it relates to the bequest of property and giving of alms. Even so, it cannot be denied that it can be used as a benchmark to set the upper limit of a mixture because an amount exceeding the percentage will be considered excessive".

Penutup

Unit amanah ialah satu bentuk pelaburan kolektif yang membolehkan para pelabur dengan objektif pelaburan yang sama, menghimpun dana mereka untuk dilaburkan dalam portfolio sekuriti atau aset lain. Himpunan dana tersebut akan diurus oleh pengurus dana profesional bagi tujuan pelaburan dalam portfolio yang mungkin termasuk dalamnya kelas aset tunai, bon, deposit, saham, hartanah dan komoditi.

Antara unit amanah yang dilancarkan di Malaysia adalah ASB. Skim ASB dilancarkan untuk membolehkan pelabur Bumiputera melabur dalam saham amanah. Sebelum dilancarkan, unit ASB didahului oleh beberapa perkembangan. Prosesnya bermula dengan pengenalan DEB, YPB, PNB, ASNB, Skim ASN dan akhirnya pelancaran Skim ASB.

Unit ASB juga tidak terlepas daripada persoalan mengenai hukum pelaburannya. Di Malaysia, fatwa mengenai pelaburan ASB terbahagi kepada dua kumpulan utama iaitu yang membolehkan dan tidak membolehkan. Kedua-dua kumpulan mempunyai sandaran hujah masing-masing sepertimana telah dijelaskan dalam bab ini. Fatwa peringkat kebangsaan sebagai mewakili pihak yang membolehkan mempunyai alasan hukum tersendiri. Begitu juga dengan fatwa peringkat negeri Selangor sebagai mewakili pihak yang tidak membolehkan juga mempunyai sandaran hujah tersendiri.

BAB 4

**ANALISIS METODOLOGI FATWA MUZAKARAH
JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI
HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA (MKI) DAN
JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR
MENGENAI HUKUM PELABURAN ASB**

BAB 4

ANALISIS METODOLOGI FATWA MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA (MKI) DAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR MENGENAI HUKUM PELABURAN ASB

Pendahuluan

Perbincangan utama dalam bab ini adalah menganalisis fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mengenai hukum pelaburan ASB. Fatwa dalam kajian ini merujuk kepada pendapat hukum mengenai sesuatu perkara yang dikeluarkan oleh badan berautoriti dalam bidang fatwa di Malaysia.

Apabila disoroti kembali sejarah perkembangan metodologi fatwa dalam perundangan Islam, didapati metodologi atau pendekatan berfatwa yang diambil pada setiap zaman adalah berbeza bermula daripada zaman nabi sehingga kini. Perbezaan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada fatwa yang dikeluarkan di mana fatwa yang menggunakan satu metodologi akan berbeza dengan fatwa yang menggunakan metodologi yang lain. Hal yang sama dilihat berlaku dalam ASB.

Sebagaimana telah dijelaskan, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI berpendapat hukum melabur dalam ASB adalah harus. Sebaliknya Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pula berpendapat hukum melabur dalam ASB adalah tidak halal. Justeru itu, bab ini akan meneliti kedua-dua fatwa tersebut. Penelitian yang dilakukan meliputi sumber rujukan fatwa yang digunakan dan metodologi atau pendekatan berfatwa yang diambil.

4.1 Analisis Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Mengenai Hukum Pelaburan ASB

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan hukum pelaburan ASB. Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum melabur dalam Skim ASB serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus. Keputusan ini diambil selepas mendengar taklimat dan penjelasan serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan. Secara umumnya, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI menetapkan hukum melabur dalam ASB sebagai harus adalah untuk mencapai kemaslahatan dan menolak kemudaratan dalam kalangan masyarakat. Penerangan lanjut mengenai hujah-hujah yang dikemukakan dapat dijelaskan seperti berikut:

Berdasarkan kepada hujah-hujah yang telah dinyatakan dalam Bab 3,¹⁵⁴ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI mengambil keputusan mengharuskan pelaburan dalam ASB kerana beberapa alasan hukum antaranya adalah kepentingan menjaga harta (*ḥifz al-māl*). Tegas mereka sebagaimana dalam hujah pertama; menjaga harta merupakan salah satu permasalahan penting (*ḍarūriyyah*) yang mesti diberi perhatian serius oleh pemerintah. Dalam konteks perbincangan ini, menjaga harta adalah mengenai soal kekukuhan ekonomi umat yang merupakan salah satu faktor penting kepada pembangunan dan kemajuan umat Islam.

Perbincangan dalam ilmu *maqāṣid al-sharī'ah*¹⁵⁵ telah menggariskan menjaga harta sebagai salah satu daripada lima keperluan yang mesti dijaga, di samping agama, nyawa, akal dan keturunan. Lima keperluan yang mesti dijaga ini biasa disebut sebagai *al-ḍarūriyyāt al-khams*. *al-ḍarūriyyāt* atau keperluan ialah perkara yang mesti ada dalam

¹⁵⁴ Lihat Bab 3, halaman 80-85.

¹⁵⁵ Ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* dapat diertikan sebagai “segala manfaat, keadilan dan seumpamanya, yang diambil kira oleh pembuat hukum dalam menetapkan hukum, umum dan khusus, demi untuk menjaga kepentingan para hamba.” Lihat Muḥammad Sa’ad Ibn Aḥmad Ibn Mas’ūd Alyūbī, *Maqāṣid al-Sharī'ah wa 'Alāqatuhā bi al-Adillah al-Shar'iyyah* (Kaherah: Dār Ibn Jawzī, 2008), 38.

usaha untuk menjaga kepentingan agama dan dunia, yang mana apabila kepentingan tersebut terjejas, urusan dunia tidak dapat berjalan dengan lancar, bahkan akan menjadi rosak dan kacau bilau, hidup pula akan musnah, sementara di akhirat kelak tidak mendapat nikmat kejayaan sebaliknya menanggung derita kerugian.¹⁵⁶

Namun begitu, dalam ilmu *maqāsid al-sharī'ah*, menjaga harta yang dikategorikan sebagai lima keperluan yang mesti dijaga tidak berada pada satu tahap yang sama, sebaliknya berlainan. Bahkan aspek menjaga harta telah didahului oleh penjagaan lain yang dapat disusun mengikut turutan iaitu pertama; menjaga agama (*hifz al-dīn*), kedua; menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), ketiga; menjaga akal (*hifz al-'aql*), keempat; menjaga keturunan (*hifz al-nasab*) dan kelima; menjaga harta (*hifz al-māl*).¹⁵⁷

Seorang pengkaji semasa, Alyūbī¹⁵⁸ telah menyentuh dan membincangkan perselisihan ulama yang berlaku dalam permasalahan tentang mendahulukan penjagaan agama daripada yang lain. Perselisihan tersebut terbahagi kepada dua. Secara ringkasnya, pendapat pertama mengatakan bahawa menjaga agama mesti didahulukan daripada yang lain. Sementara pendapat yang kedua pula mengatakan sebaliknya. Sungguhpun begitu, menurut beliau; pendapat yang lebih kuat adalah pertama iaitu yang berpendapat bahawa menjaga agama hendaklah didahulukan daripada empat penjagaan yang lain.

Dalam temu bual pengkaji dengan Abdul Shukor Bin Husin pula,¹⁵⁹ beliau memaklumkan bahawa keperluan menjaga lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mesti dilihat secara menyeluruh dan bukan secara bertingkat-tingkat. Beliau mengiaskan hal ini dengan rukun Islam dan iman. Menurut beliau; rukun-rukun Islam dan iman tidak boleh dilihat secara berasingan, sebaliknya mesti dilihat secara

¹⁵⁶ Abū Ishāq Ibrāhīm al-Lakhmī al-Shāḥibī al-Gharnāḥī al-Mālikī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 2:7 – 8.

¹⁵⁷ *Ibid.*, 8.

¹⁵⁸ Muḥammad Sa'ad Ibn Aḥmad Ibn Mas'ūd Alyūbī, *Maqāsid al-Sharī'ah wa 'Alāqatuhā bi al-Adillah al-Shar'iyyah*, 296-302.

¹⁵⁹ Abdul Shukor Bin Husin ialah Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ke-5, dari tahun 2005 hingga sekarang.

bersepadu kerana agama Islam itu sempurna. Sebagai contoh dalam rukun Islam, beliau menegaskan bahawa dengan mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan sembahyang, berpuasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan pergi menunaikan haji, maka Islam seseorang telah dikira sempurna. Begitu juga halnya dalam mencapai objektif syariah (*maqāṣid al-sharī'ah*). Pencapaian objektif syariah dianggap sempurna apabila kesemua lima keperluan yang dinyatakan dijaga dengan baik. Analogi mudah seperti orang yang hendak menjaga agama mestilah seorang yang pandai menjaga akal. Jika dia gagal menjaga akal, bagaimana hendak dia menjaga agama.¹⁶⁰ Justeru itu, hukum ke atas pelaburan ASB tidak boleh dilihat dari aspek tertentu sahaja, tetapi perlu mengambil kira semua kesan yang akan dihadapi oleh agama dan umat Islam amnya. Kepentingan melihat penjagaan lima keperluan secara meluas dapat diperhatikan dalam hujah keempat yang telah dikemukakan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI sepertimana berikut:

Prinsip pensyariaan Islam yang telah digariskan iaitu kewajipan menjaga lima (5) perkara iaitu agama, nyawa, akal, zuriat dan keturunan serta harta benda perlu dipertahankan kerana ia menjadi tunjang kehidupan seluruh umat Islam. Sekiranya terjejas salah satu daripada perkara ini, maka umat Islam akan ditimpa kehinaan yang akan menjejaskan agama dan kehidupan. Dalam hal ini, hukum ke atas pelaburan ASN dan ASB tidak boleh dilihat dari aspek tertentu sahaja, tetapi perlu mengambil kira semua kesan yang akan dihadapi oleh agama dan umat Islam.

Aspek seterusnya yang menjadi pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI adalah *maṣlaḥah* atau maslahat. Muzakarah menekankan bahawa setiap hukum yang diputuskan perlu memenuhi tuntutan keadilan, maslahat dan menghindar daripada kerosakan dan keruntuhan yang lebih besar. Tuntutan ini merupakan antara objektif umum syariah dan dalam konteks ini, ia mempunyai kaitan dengan ASB, Malayan Banking Berhad (Maybank) dan Maybank Islamic. Kaitan antara ketiga-tiga perkara tersebut dapat dijelaskan seperti berikut; unit ASB diurus oleh ASNB yang merupakan

¹⁶⁰ Abdul Shukor Bin Husin (Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ke-5, dari tahun 2005 hingga sekarang), dalam temu bual dengan penulis, 10 Mei 2013.

syarikat milik penuh PNB. Setakat data yang dikeluarkan pada 6 Februari 2013, PNB merupakan pemegang saham ketiga terbesar daripada senarai 30 pemegang saham paling atas dalam Maybank. Skim ASB melalui pemegang amanahnya (*trustee*) iaitu AmanahRaya Trustess Berhad pula berada di kedudukan paling atas dalam senarai itu.¹⁶¹ Sementara itu, Maybank Islamic yang merupakan anak syarikat bagi Maybank adalah pemain perbankan Islam terbesar di rantau Asia Pasifik.¹⁶²

Menurut hujah kedua oleh Muzakarah, sekiranya PNB melepaskan pegangan dalam Maybank, ia akan meruntuhkan ekonomi pemegang saham ASB yang majoritinya adalah orang Melayu Islam dan akan memberi kesan besar kepada situasi ekonomi mereka.¹⁶³ Beberapa organisasi berkaitan orang Islam akan turut terganggu sebagai contoh Maybank Islamic sendiri, MNRB Holdings Berhad yang mana salah satu syarikat subsidiarinya adalah Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (Takaful IKHLAS)¹⁶⁴ dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) yang mana fokusnya adalah menyokong pembangunan usahawan Bumiputera. Begitu juga peluang pekerjaan yang melibatkan sejumlah kakitangan Bumiputera Islam akan turut terjejas. Sehubungan dengan itu, Muzakarah telah menegaskan dalam hujah mereka yang ketiga sebagaimana berikut:

Dalam menentukan hujah keharusan Islam dalam pelaburan ASN dan ASB ini, adalah tidak tepat hujah bersandarkan *maṣlahah* ummah ditafsirkan sebagai mengenyepikan prinsip-prinsip Islam kerana *maṣlahah* juga adalah prinsip Islam yang perlu dipegang dalam penentuan sesuatu hukum.

¹⁶¹ "Top Shareholders", laman sesawang Maybank, <http://www.maybank.com/en/investor-relations/financial-information/ownership-structure/top-shareholders.page>, 11 Januari 2014.

¹⁶² "Maybank Islamic", laman sesawang Maybank Islamic, <http://maybankislamic.com.my/about.html>, 4 Januari 2013.

¹⁶³ Abdul Shukor Bin Husin (Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ke-5, dari tahun 2005 hingga sekarang), dalam temu bual dengan penulis, 10 Mei 2013.

¹⁶⁴ MNRB Holdings Berhad, "Subsidiaries & Associate", laman sesawang *MNRB Holdings Berhad*, dicapai 26 Jun 2013, http://www.mnrb.com.my/sub_associates/takafullikhlasp.asp.

Namun begitu, terdapat segelintir pihak yang berpendapat status maslahat yang ingin dicapai dalam ASB hanya berbentuk samar-samar (*maṣlaḥah mawhūmah*)¹⁶⁵ sahaja dan tidak boleh dijadikan ukuran sebenar.¹⁶⁶ Maslahat sepatutnya adalah suatu tekanan yang sukar untuk dihindari disebabkan ia bukan berada dalam bidang kuasa seperti penggunaan '*fiat money*' yang tidak disandarkan kepada emas dewasa ini. Situasi ini benar-benar dianggap maslahat kerana Malaysia sahaja tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi dunia dalam hal ini. Malah sistem ekonomi dunia sekarang ini sukar dibentuk menurut corak yang dikehendaki oleh Islam. Adapun dalam perkara yang mana pihak bertanggungjawab ada kuasa untuk mengubah dan menukarnya sendiri, maka menggunakan maslahat sebagai hujah masih boleh diperdebat dan dipertikaikan. Jangan kerana sudah terhantuk, baru ingin berselindung di sebalik hujah maslahat.¹⁶⁷

Mahmood Zuhdi dalam temu bual yang dijalankan telah memberikan jawapan maklum balas berhubung persoalan di atas.¹⁶⁸ Beliau menyatakan bahawa apabila ASB diharamkan dan dananya ditarik balik, ekonomi masyarakat Bumiputera Islam akan runtuh. Perkara ini juga ditegaskan oleh Abdul Shukor Bin Husin.¹⁶⁹ Justeru itu menurut Mahmood Zuhdi lagi, pada peringkat ini, persoalan maslahat bukan lagi berada di tingkat samar-samar, bahkan di tingkat yang jelas.

Isu seterusnya yang timbul dalam ASB adalah pelaburannya yang bercampur-campur antara halal dan haram. Berhubung isu ini, Muzakarah menegaskan bahawa telah jelas PNB tidak melabur dalam sektor yang berkaitan dengan arak dan judi. Perkara ini turut mendapat pengesahan daripada tiga orang responden yang ditemui iaitu Abdul

¹⁶⁵ Lihat perbincangan lanjut mengenai *maṣlaḥah mawhūmah* dalam Ridzwan Ahmad, "Metode Pentarjihan Maṣlaḥah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa", *Jurnal Syariah* 16, bil. 1 (2008), 107-143.

¹⁶⁶ Sebagai contoh penegasan oleh Ridzwan Bin Ahmad hasil maklum balas melalui e-mel pada 21 Disember 2012. Ridzwan Bin Ahmad merupakan seorang pensyarah kanan di Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Antara bidang kepakaran beliau adalah *maqāṣid al-sharī'ah*.

¹⁶⁷ Zaharuddin Abd Rahman, "ASB & ASN Adalah Harus - Majlis Fatwa : Ulasan UZAR", laman sesawang Zaharuddin Abd Rahman, dicapai 7 Julai 2013, <http://zaharuddin.net/pelaburan-&-perniagaan/663-asb-a-asn-adalah-harus-majlis-fatwa--ulasan-uzar.html>.

¹⁶⁸ Mahmood Zuhdi Bin Ab. Majid (panel penashiat syariah Permodalan Nasional Berhad (PNB)), dalam temu bual dengan penulis, 26 April 2013.

¹⁶⁹ Abdul Shukor Bin Husin (pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan ke-5 dari tahun 2005 sehingga sekarang), dalam temu bual dengan penulis, 10 Mei 2013.

Shukor Bin Husin,¹⁷⁰ Harussani Bin Zakaria¹⁷¹ dan Mohd Salehin Bin Sopian.¹⁷² Sebaliknya percampuran dengan yang haram hanya berlaku dalam sektor kewangan di mana hanya 21.33% daripada jumlah kutipan tabung dilaburkan di Maybank yang dianggap masih tidak menepati kehendak syariah, sementara selebihnya patuh syariah. Bukti percampuran kadar 21.33% dapat dilihat dalam laporan tahunan ASB yang terkini iaitu Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013. Mengikut laporan tersebut, sebanyak 21.33% daripada nilai aset bersih tabung telah diletakkan di Maybank sekaligus menjadikannya pelaburan yang terbesar.¹⁷³

Daripada penerangan di atas, dapat diperhatikan bahawa pelaburan dalam sektor yang halal lebih banyak daripada yang haram. Menurut Muzakarah dalam hujah mereka yang kelima, pendekatan untuk mengharuskan masyarakat Islam melabur dalam saham syarikat yang bercampur aktiviti antara halal dan haram adalah berasas. Hal ini kerana sebahagian daripada fuqaha telah mengharuskan perkongsian orang Islam dengan bukan Islam dan menghukumkannya sebagai makruh. Mereka terdiri daripada kalangan mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali.¹⁷⁴ Sebagai contoh, Abu Yusuf dari mazhab Hanbali menilai perkongsian syarikat antara Muslim dan kafir sebagai harus bersama makruh.¹⁷⁵ Sementara Imam Nawawi pula menilai perkongsian syarikat antara Muslim dan kafir sebagai makruh sama ada yang menguruskannya Muslim atau kafir.¹⁷⁶

¹⁷⁰ Ibid.

¹⁷¹ Harussani Bin Zakaria (panel penasihat syariah Permodalan Nasional Berhad (PNB)), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

¹⁷² Mohd Salehin Bin Sopian (Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Jun 2012.

¹⁷³ Amanah Saham Nasional Berhad, "Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2012", laman sesawang Amanah Saham Nasional Berhad, dicapai 3 Julai 2014, http://www.asnb.com.my/annualreport/2014_ASB-AnnualReport_140224_g.pdf. Penjelasan lanjut mengenai peratusan ini akan diuraikan sebentar lagi dalam Analisis Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Mengenai Hukum Pelaburan ASB.

¹⁷⁴ Contohnya lihat dalam Ibn Nujaim, Zain al-Dīn Ibn Ibrāhīm, *al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq* (t.tp.: Dār al-Kutub al-Islāmī, t.t.), 5:83; 'Alīsh, Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad, *Manḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* (Beirut: Dār al-Fikr, 1989), 6:251; al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn 'Alī Ibn Yūsuf, *al-Muḥadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 2:156 dan al-Mardawī, 'Alā' al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī Ibn Sulaymān Ibn Aḥmad, *al-Inṣāf fī Ma'rifa al-Rājiḥ min al-Khilāf 'alā Madhhab al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 5:367.

¹⁷⁵ al-Marghīnānī, Burhān al-Dīn Abū Ḥasan 'Alī Ibn Abī Bakr, *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubadī'* (Pakistan: Idārah al-Qur'ān wa al-'Ulūm al-Islamiyyah, 1417H), 4:397

¹⁷⁶ al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muḥy al-Dīn Yaḥyā Ibn Sharf, *al-Majmū' Sharḥ al-Muḥadhdhab* (t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.), 14:64.

Hujah terakhir yang menjadi sandaran Muzakarah adalah PNB telah melaksanakan perubahan yang terbaik khususnya dalam aspek pelaburan bagi membolehkan penguasaan umat Islam dalam bidang ekonomi. Antara usaha yang dilakukan adalah memastikan supaya jumlah peratusan pelaburan ASB dalam Maybank menepati kadar patuh syariah yang dibenarkan oleh MPS SC.¹⁷⁷ Usaha ini semestinya menuntut banyak pengorbanan khususnya dari sudut masa kerana ia perlu dilakukan secara berperingkat demi menjamin kepentingan umat Islam di Malaysia terjaga.

Selain itu, PNB juga telah melantik majlis penasihat syariah mereka sendiri yang terdiri daripada Abdul Halim bin Ismail, Harussani Bin Hj. Zakaria, Muhamad Shukri bin Muhamad, Nooh Bin Gadot, dan Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid.¹⁷⁸ PNB juga telah mendaftarkan ASB di bawah SC. Dalam laman sesawang ASNB dan risalah terkini yang diedarkan di mana-mana pejabat ASNB, dinyatakan bahawa prospektus induk (master prospectus) bagi tabung-tabung unit amanah ASNB bertarikh pada 30 Jun 2012 dan berakhir pada 29 Jun 2013 telah didaftarkan dengan SC. Pendaftaran ini bermaksud urusan berkaitan tabung unit amanah di bawah ASNB kini tertakluk kepada ketetapan SC. Antara tabung unit amanah yang termasuk dalam pendaftaran tersebut adalah Skim ASN, Skim ASB, ASW 2020, ASN 2, ASM, ASD, ASN 3 Imbang, ASG dan AS 1Malaysia.

¹⁷⁷ Aznan Hasan (Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 5 April 2013 dan Mahmood Zuhdi Bin Ab. Majid (panel penasihat syariah Permodalan Nasional Berhad (PNB)), dalam temu bual dengan penulis, 26 April 2013.

¹⁷⁸ Maklumat ini diperolehi hasil maklum balas melalui e-mel daripada pihak PNB.

4.2 Analisis Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Mengenai Hukum Pelaburan ASB

Sementara itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke 2/2011 yang bersidang pada 12 April 2011 telah melakukan penilaian semula hukum pelaburan ASB. Dalam mesyuarat tersebut, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah bersetuju memutuskan bahawa pelaburan ASB adalah tidak halal kerana masih belum menepati hukum syarak. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mengambil keputusan ini selepas meneliti setiap pandangan ahli mesyuarat dan hujah-hujah yang dikemukakan. Secara umumnya, hujah-hujah yang dikemukakan bersandarkan kepada hadith, pendapat pakar dan penilaian yang dilakukan sendiri terhadap ASB.¹⁷⁹ Penjelasan yang lebih terperinci adalah seperti berikut:

Menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, Skim ASB secara jelas terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah, di mana sebahagian besar daripada tidak patuh syariah datangnya daripada sektor kewangan konvensional iaitu Maybank. Apabila bercampur antara perkara yang halal dan haram, nescaya yang haram akan mengatasi yang halal. Mereka menyokong hujah ini dengan hadith yang diriwayatkan oleh Jābir al-Ja‘fī daripada Ibn Mas‘ūd yang berbunyi seperti berikut:¹⁸⁰

ما اجتمع الحلال والحرام إلا غلب الحرام الحلال.

Terjemahan: “Tidak bercampur antara yang halal dan yang haram, melainkan yang haram mengalahkan yang halal.”

¹⁷⁹ Lihat Bab 3, halaman 82-85.

¹⁸⁰ Hadith riwayat *Jābir al-Ja‘fī*, Ḥarf al-Mīm, no. hadith 941. Lihat Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad Ibn ‘Abd Raḥmān al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtaharah ‘alā al-Asīnah* (Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1979), 362.

Namun begitu, terdapat beberapa kritikan yang dilontarkan terhadap hadith yang dikemukakan di atas. al-Bayhaqī menyebut bahawa; hadith di atas berstatus lemah dan terputus. al-Zayn al-‘Irāqī dalam Takhrīj Minhāj al-Uṣūl pula menyebut bahawa hadith di atas tiada sumber. Sunggupun mendapat beberapa kritikan, namun al-Subkī menyebut kaedah yang dibawa oleh hadith tersebut secara sendirinya adalah betul. Kaedah yang dimaksudkan adalah:

إِذَا اجْتَمَعَ الْحَلَالُ وَالْحَرَامُ غَلَبَ الْحَرَامُ.

Terjemahan: “Apabila berhimpun halal dan haram, yang haram akan menguasai.”¹⁸¹

Antara kritikan lain terhadap hadith di atas adalah kandungan hadith di atas boleh termansuh dengan satu hadith lain yang menjelaskan bahawa perkara yang haram tidak menyebabkan yang halal menjadi haram. Perkara ini bersandarkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah¹⁸² dan al-Dāruqutnī¹⁸³ daripada Ibn Umar seperti berikut:

لا يحرم الحرام الحلال.

Terjemahan: “Perkara yang haram tidak mengubah perkara yang halal menjadi haram.”

Sunggupun begitu, menurut al-Subkī lagi; hukum sebenar yang terkandung dalam hadith yang pertama bukan bermaksud yang haram akan mengatasi yang halal, sebaliknya merupakan satu bentuk langkah berhati-hati supaya orang ramai tidak terjebak dalam perkara yang haram.¹⁸⁴

¹⁸¹ Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahhab Ibn ‘Alī Ibn ‘Abd al-Kāfī al-Subkī, *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd dan ‘Alī Muḥammad ‘Iwaḍ (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991), 1:117.

¹⁸² Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb lā Yuḥarrim al-Ḥarām al-Ḥalāl, no. hadith 2015. al-Albanī mengatakan hadith ini lemah. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwaynī Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, 348.

¹⁸³ Hadith riwayat al-Dāruqutnī, Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith: 3623, Bāb al-Mahr, no. hadith: 89. Lihat ‘Alī Ibn ‘Umar al-Dāruqutnī, Sunan al-Dāruqutnī, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd dan ‘Alī Muḥammad (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2001), 3:197.

¹⁸⁴ al-Subkī, *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*, 118.

Jelas pada peringkat ini, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah berpegang pada hujah daripada hadith kerana tindakan yang mereka ambil adalah bagi memastikan masyarakat terhindar daripada pelaburan yang haram.¹⁸⁵

Selain daripada aktiviti pelaburan ASB yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak, sumbangan kepada tidak patuh syariah yang mana sebahagian besar daripadanya datang daripada sektor kewangan konvensional juga berubah-ubah dan ia menyukarkan para pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen. Jumlah sumbangan tidak patuh syariah dan perubahan yang berlaku dalam ASB dapat dilihat dalam Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2011 dan 2012. Dalam Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2011, sebanyak 26.73% daripada nilai aset bersih tabung diletak di Maybank sekaligus meletakkan Maybank di tempat pertama dalam Senarai 20 Pelaburan Terbesar pada Nilai Pasaran Berbanding Nilai Aset Bersih Tabung Pada 31 Disember 2011. Jadual di bawah memaparkan Senarai 20 Pelaburan Terbesar pada Nilai Pasaran Berbanding Nilai Aset Bersih Tabung Pada 31 Disember 2011:

Jadual 4.1. Senarai 20 Pelaburan Terbesar pada Nilai Pasaran Berbanding Nilai Aset Bersih Tabung Pada 31 Disember 2011

Bil	Syarikat	% Dari Nilai Aset Bersih Tabung
1	Malayan Banking Berhad	26.73
2	Sime Darby Berhad	17.95
3	UMW Holdings Berhad	3.12
4	Tenaga Nasional Berhad	2.94
5	Axiata Group Berhad	2.56
6	Telekom Malaysia Berhad	1.68
7	Maxis Berhad	1.63
8	MMC Corporation Berhad	1.53
9	MISC Berhad	1.30
10	SP Setia Berhad	1.25

¹⁸⁵ Mohd Mokhtar Bin Haji Shafii (Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sesi 2009-2011), dalam temu bual dengan penulis, 24 Mei 2012.

Jadual 4.1. sambungan

11	IOI Corporation Berhad	1.09
12	Digi.Com Berhad	1.05
13	Fraser & Neave Holdings Berhad	1.02
14	Petronas Gas Berhad	1.00
15	PNB Structured Investment Fund	0.76
16	British American Tobacco (Malaysia) Berhad	0.76
17	Kuala Lumpur Kepong Berhad	0.70
18	NCB Holdings Berhad	0.69
19	Public Bank Berhad – Foreign Shares	0.67
20	Public Bank Berhad	0.67

Sumber; Amanah Saham Nasional Berhad, “Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2011”, laman sesawang *Amanah Saham Nasional Berhad*, dicapai 10 Jun 2013, <http://www.asnb.com.my/ASB%20n%20ASN.pdf>.

Sementara itu, dalam Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2012 pula, Maybank masih menduduki tempat pertama dengan pelaburan sebanyak 23.23% daripada nilai aset bersih tabung. Jadual di bawah memaparkan Senarai 20 Pelaburan Terbesar pada Nilai Pasaran Berbanding Nilai Aset Bersih Tabung Pada 31 Disember 2012:

Jadual 4.2. Senarai 20 Pelaburan Terbesar pada Nilai Pasaran Berbanding Nilai Aset Bersih Tabung Pada 31 Disember 2012

Bil	Syarikat	% Dari Nilai Aset Bersih Tabung
1	Malayan Banking Berhad	23.23
2	Sime Darby Berhad	15.60
3	UMW Holdings Berhad	4.37
4	Tenaga Nasional Berhad	2.99
5	Axiata Group Berhad	2.58
6	Maxis Berhad	2.15
7	I&P Group Sdn Berhad	1.56
8	Telekom Malaysia Berhad	1.56
9	MMC Corporation Berhad	1.21
10	Petronas Gas Berhad	1.17

Jadual 4.2. sambungan

11	Petronas Chemicals Group Berhad	1.04
12	Digi.Com Berhad	0.99
13	IOI Corporation Berhad	0.93
14	SP Setia Berhad	0.84
15	MISC Berhad	0.73
16	Fraser & Neave Holdings Berhad	0.71
17	British American Tobacco (Malaysia) Berhad	0.69
18	PNB Structured Investment Fund	0.64
19	Public Bank Berhad	0.64
20	Public Bank Berhad– Foreign Shares	0.60

Sumber; Amanah Saham Nasional Berhad, “Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2012”, laman sesawang *Amanah Saham Nasional Berhad*, dicapai 10 Jun 2013, http://www.asnb.com.my/annualreport/ASB%20n%20ASN_for%20CD_120225a.pdf.

Perkara yang sama juga boleh dilihat dalam Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013 apabila Maybank mendominasi kedudukan pertama dengan 21.33% bagi Senarai 20 Pelaburan Terbesar pada Nilai Pasaran Berbanding Nilai Aset Bersih Tabung. Jadual di bawah memaparkan Senarai 20 Pelaburan Terbesar pada Nilai Pasaran Berbanding Nilai Aset Bersih Tabung Pada 31 Disember 2013:

Jadual 4.3. Senarai 20 Pelaburan Terbesar pada Nilai Pasaran Berbanding Nilai Aset Bersih Tabung Pada 31 Disember 2013

Bil	Syarikat	% Dari Nilai Aset Bersih Tabung
1	Malayan Banking Berhad	21.33
2	Sime Darby Berhad	12.77
3	UMW Holdings Berhad	3.81
4	Axiata Group Berhad	3.36
5	Maxis Berhad	2.74
6	Tenaga Nasional Berhad	2.70
7	Telekom Malaysia Berhad	1.65
8	I&P Group Sdn Berhad	1.60
9	Digi.Com Berhad	1.27
10	Petronas Chemicals Group Berhad	1.24

Jadual 4.3. sambungan

11	MMC Corporation Berhad	1.13
12	Petronas Gas Berhad	1.24
13	CIMB Group Holdings Berhad	1.04
14	MISC Berhad	0.94
15	Fraser & Neave Holdings Berhad	0.81
16	IOI Corporation Berhad	0.80
17	Malaysia Airports Holdings Berhad	0.76
18	SP Setia Berhad	0.71
19	Kuala Lumpur Kepong Berhad	0.69
20	Public Bank Berhad	0.66

Sumber; Amanah Saham Nasional Berhad, “Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013”, laman sesawang *Amanah Saham Nasional Berhad*, dicapai 3 Julai 2014, http://www.asnb.com.my/annualreport/2014_ASB-AnnualReport_140224_g.pdf.

Dalam ketiga-tiga Laporan Tahunan ASB di atas iaitu bagi tahun kewangan berakhir Disember 2011, 2012 dan 2013 jelas memperlihatkan peratus daripada nilai aset bersih tabung yang diletak di Maybank berubah-ubah iaitu sebanyak 26.73% bagi tahun kewangan berakhir Disember 2011, 23.23% bagi tahun kewangan berakhir Disember 2012 dan 21.33% bagi tahun kewangan berakhir Disember 2013. Menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, perubahan yang berlaku menyukarkan para pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen. Kata mereka:

“sumbangan kepada tidak patuh syariah adalah terbesar yang tidak bertepatan dengan kehendak syarak serta kadar yang berubah-ubah ini menyukarkan pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen.”

Selain itu, peratusan yang menjadi fokus perbincangan di atas juga menyebabkan Skim ASB masih tidak boleh dimasukkan dalam Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh MPS SC. Dalam senarai terkini dana unit amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia setakat 31 Mei 2014, Skim ASB masih tidak diklasifikasikan sebagai dana Islamik (*Islamic fund*). Rajah berikut memaparkan sebahagian daripada senarai dana-dana unit amanah yang dilancarkan setakat 31 Mei 2014:

Rajah 4.1. Senarai Dana-Dana Unit Amanah yang Dilancarkan Setakat 30 Jun 2014 (sebahagian)¹⁸⁶

28	AMB Dana Nabeel *	AmanahRaya Trustees Bhd	
29	AMB Dana Aqel (Capital Protected) - Series 2 *	AmanahRaya Trustees Bhd	
30	Amanah Saham Kedah *	CIMB Islamic Trustees Bhd	Amanah Saham Kedah Berhad
31	Skim Amanah Saham Nasional	AmanahRaya Trustees Bhd	Amanah Saham Nasional Berhad
32	Skim Amanah Saham Bumiputera	AmanahRaya Trustees Bhd	
33	Amanah Saham Wawasan 2020	AmanahRaya Trustees Bhd	
34	Amanah Saham Nasional 2	AmanahRaya Trustees Bhd	
35	Amanah Saham Malaysia	AmanahRaya Trustees Bhd	
36	Amanah Saham Didik	AmanahRaya Trustees Bhd	
37	Amanah Saham Nasional 3 Imbang	AmanahRaya Trustees Bhd	
	<u>Amanah Saham Gemilang</u>		
38	- Amanah Saham Pendidikan	AmanahRaya Trustees Bhd	
39	- Amanah Saham Kesihatan	AmanahRaya Trustees Bhd	
40	- Amanah Saham Persaraan	AmanahRaya Trustees Bhd	
41	Amanah Saham 1Malaysia	AmanahRaya Trustees Bhd	
42	Amanah Saham Bumiputera 2	AmanahRaya Trustees Bhd	
43	Amanah Saham Sarawak	AmanahRaya Trustees Bhd	Amanah Saham Sarawak Berhad

* Islamic Fund

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, “List of launched funds in relation to unit trust funds as at 30 Jun 2014”, laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia*, dicapai pada 18 Ogos 2014, <http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/resources/stats/UTF.pdf>.

Skim ASB masih tidak diklasifikasikan sebagai dana Islamik (*Islamic fund*) kerana peratusan pelaburan dalam sektor kewangan konvensional iaitu sebanyak 21.33% (setakat Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013) telah melepasi tanda aras lima peratus (5%) yang ditetapkan oleh MPS SC bagi mengukur sumbangan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sebelum cukai sesebuah syarikat. Aktiviti-aktiviti itu seperti perbankan konvensional, insurans konvensional, pendapatan faedah daripada akaun-akaun dan instrumen-instrumen konvensional dan aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh syariah. Bagi aktiviti-aktiviti ini, sumbangan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sebelum cukai sesebuah syarikat mestilah kurang daripada lima peratus (5%).¹⁸⁷

¹⁸⁶ Nota rajah: unit amanah yang mempunyai tanda bintang (*) adalah dana Islamik (*Islamic fund*). Sementara unit yang tidak mempunyai tanda bintang (*) adalah dana yang tidak mendapat pengiktirafan syariah.

¹⁸⁷ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia* (Kuala Lumpur, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 29 November 2013), 3-4; Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, “Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia”, laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*, dicapai 25 Disember 2013, http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/icm/sas/sc_syariahcompliant_291113.pdf dan Aznan Hasan (Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 5 April 2013.

Jadual di bawah memaparkan tanda aras aktiviti perniagaan yang menjadi ukuran MPS SC untuk menentukan percampuran sumbangan yang dibolehkan daripada aktiviti yang selaras dan tidak selaras dengan syariah kepada perolehan dan keuntungan sebelum cukai sesebuah syarikat:

Jadual 4.4. Tanda Aras Aktiviti Perniagaan bagi Menentukan Sumbangan daripada Aktiviti-Aktiviti Tidak Patuh Syariah kepada Perolehan Keseluruhan dan Keuntungan Sebelum Cukai Sesebuah Syarikat

Tanda Aras	Huraian
5%	<p>Tanda aras lima peratus ini diguna pakai bagi perniagaan-perniagaan atau aktiviti-aktiviti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • perbankan konvensional; • insurans konvensional; • perjudian; • arak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya; • babi dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya; • makanan dan minuman tidak halal; • hiburan tidak patuh syariah; • pendapatan faedah daripada akaun-akaun dan instrumen-instrumen konvensional (termasuk dividen daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen tidak patuh syariah dan pendapatan faedah yang diterima berikutan daripada keputusan mahkamah atau penimbang tara); • tembakau dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya; dan • aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh syariah.

Jadual 4.4. sambungan

20%	<p>Tanda aras 20 peratus ini diguna pakai bagi perniagaan-perniagaan atau aktiviti-aktiviti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• operasi hotel dan rumah peranginan;• jual-beli saham;• pembrokeran saham;• sewaan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah; dan• aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh syariah. <p>Nota: Bagi perniagaan-perniagaan atau aktiviti-aktiviti yang disenaraikan di atas, sumbangan daripada perniagaan-perniagaan atau aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sebelum cukai sesebuah syarikat mestilah kurang daripada 5% atau 20% mengikut jenis aktiviti.</p>
-----	---

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia* (Kuala Lumpur, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 29 November 2013), 3-4 dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, “Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia”, laman sesawang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dicapai 25 Disember 2013, http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/icm/sas/sc_syariahcompliant_291113.pdf.pdf.

Pada peringkat ini, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah menyandarkan hujah mereka kepada sebuah suruhanjaya yang berautoriti dan bertanggungjawab dalam pasaran modal Islam dengan kata mereka:

“Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) diklasifikasikan sebagai dana unit amanah tidak patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti kerana terlibat dalam pelaburan tidak lulus syariah iaitu pelaburan dalam kaunter perbankan konvensional berteraskan faedah melalui Maybank dan pasaran wang.”

Di samping itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga berpegang pada tiga hujah tambahan lain yang dipetik daripada laman sesawang Zaharuddin Abd. Rahman iaitu <http://www.zaharuddin.net>.¹⁸⁸ Hujah tambahan ini juga hasil maklum balas Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui surat bertulis yang telah dikirim. Tiga hujah tersebut adalah:

¹⁸⁸ Zaharuddin.Net {Rujukan Informasi Islam}, “Perbincangan Hukum Pelaburan ASB : Kemaskini”, laman sesawang *Zaharuddin Bin Abd Rahman*, dicapai 10 Jun 2013, <http://www.zaharuddin.net/pelaburan-&-perniagaan/224-perbincangan-hukum-pelaburan-asb-kemaskini.html>.

Pertama; akad pelaburan yang digunakan tidak jelas sama ada *qirāḍ*, mudarabah atau musyarakah. Sebagai contoh jika menggunakan mudarabah, maka pelaburan ini disyaratkan menentukan kadar nisbah pembahagian keuntungan seperti 80:20 dan sebagainya di awal pelaburan.¹⁸⁹ Namun hal ini tidak dinyatakan langsung dalam pelaburan ASB. Apabila sesebuah akad itu tidak sah dari sudut syarak, maka seluruh pelaburan adalah batal tanpa mengira pelaburannya diletakkan dalam industri halal atau haram.

Akan tetapi menurut Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail dalam artikel mereka yang bertajuk Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad; kontrak dalam ASB mendekati akad dalam kategori mudarabah secara kolektif dalam sesuatu institusi kewangan (*al-muḍārabah al-mushtarakah fī al-mu'assasāt al-māliyyah*).¹⁹⁰ Sehubungan dengan itu, agihan keuntungan dalam mudarabah secara kolektif juga berbeza daripada mudarabah biasa kerana berbeza dari sudut operasinya dan pihak yang terlibat.¹⁹¹ Pihak yang terlibat dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah antara pengusaha dan orang tengah. Sementara bahagian kedua pula antara pelabur (pemilik modal) dan orang tengah.¹⁹² Agihan keuntungan dalam bahagian pertama dibuat sepertimana dalam mudarabah biasa iaitu ia dibuat selepas perniagaan tamat, penyerahan kembali modal

¹⁸⁹ Sebagai contoh, lihat penjelasan yang terkandung dalam definisi mudarabah yang dikemukakan oleh Ibn Rushd dalam kitab beliau: *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*:

"أن يعطي الرجل المال على أن يتجر به على جزء معلوم يأخذه العامل من ربح المال، أي جزء كان مما يتفقان عليه ثلثا أو ربعا أو نصفاً."

Maksudnya; "seseorang memberi kepada seseorang yang lain satu jumlah modal untuk diusahakan dengannya, lalu disepakati oleh kedua-duanya satu bahagian tertentu daripada keuntungan, sama ada 1/3, ¼ atau ½."

Lihat Ibn Rushd, Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, ed. ke-6 (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1982), 2:236.

¹⁹⁰ Mudarabah secara kolektif berbeza dengan mudarabah biasa. Mudarabah biasa berlaku antara dua pihak iaitu pemilik modal dan pengusaha. Sementara mudarabah secara kolektif pula berlaku antara tiga pihak iaitu pemilik modal, pengusaha dan orang tengah iaitu yang memainkan peranan menyampaikan modal daripada pemiliknya kepada pengusaha. Dalam konteks ASB, pihak pertama iaitu pemilik modal ialah orang ramai yang meletakkan wang mereka di ASNB untuk dilaburkan dalam unit ASB, pihak kedua iaitu orang tengah pula adalah ASNB yang terletak di bawah PNB dan pihak yang ketiga iaitu pengusaha pula adalah portfolio pelaburan yang terdiri daripada beberapa syarikat seperti Maybank, Sime Darby dan sebagainya. Hubungan antara ketiga-tiga pihak ini membentuk akad dalam kategori mudarabah secara kolektif. Lihat Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail, "Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad", 13; Sāmī Ḥasan Aḥmad Ḥāmūd, *Taṭwīr al-A'māl al-Maṣrifīyah bimā Yattafiqu wa al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, ed. ke-3 (Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, 1991), 393 dan Wahbah al-Zuhaylī, *al-Mu'āmalat al-Māliyyah al-Mu'āṣarah*, 447.

¹⁹¹ Sāmī Ḥasan Aḥmad Ḥāmūd, *Taṭwīr al-A'māl al-Maṣrifīyah bimā Yattafiqu wa al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, 406.

¹⁹² *Ibid.*, 410.

kepada pemiliknya dan berdasarkan kepada kadar tertentu.¹⁹³ Sementara dalam bahagian kedua pula, agihan keuntungan yang dilakukan sedikit berbeza daripada mudarabah biasa. Hal ini kerana pelaburan secara kolektif merupakan bentuk pelaburan yang melibatkan banyak aktiviti perniagaan. Maka menamatkan semua aktiviti perniagaan tersebut pada satu masa tertentu dan memulangkan modal kepada pemiliknya supaya dapat diagihkan keuntungan antara mereka mengikut garis panduan mudarabah biasa merupakan satu langkah yang tidak praktikal.¹⁹⁴ Oleh sebab operasi dalam mudarabah secara kolektif berterusan, maka ia memerlukan cara agihan keuntungan yang lebih praktikal. Justeru itu, langkah yang dilihat lebih praktikal adalah agihan keuntungan dalam mudarabah secara kolektif dibuat mengikut tempoh tertentu seperti pada akhir setiap tahun kewangan sepertimana yang diamalkan dalam syarikat saham bersama.¹⁹⁵

Agihan keuntungan dalam ASB dilihat mengguna pakai pendekatan ini. Pada setiap akhir tahun kewangan, keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen dan bonus berdasarkan jumlah pegangan unit sepertimana yang dipersetujui dalam surat ikatan amanah antara pelabur (pemilik modal), orang tengah (ASB) dan pengusaha. Justeru itu, tidak timbul isu tiada penetapan kadar keuntungan berpandukan kenyataan di bawah:

Penetapan kadar nisbah keuntungan hanyalah berlaku antara pihak ASNB yang diwakili oleh pengurus dana (PNB) dengan portfolio yang terlibat. Pelabur dalam hal ini seolah mewakili semua urusan termasuk perihal penetapan keuntungan kepada ASNB berdasarkan surat ikatan amanah. Justeru tidak timbul isu tiada penetapan kadar keuntungan.¹⁹⁶

Hujah tambahan kedua yang menyebabkan ASB bermasalah dari sudut hukum adalah modal (*capital*) pelaburannya yang dijamin oleh PNB.¹⁹⁷ Hal ini bermakna syarat dalam akad pelaburan ini telah bercanggah dengan syarat pelaburan mudarabah dalam

¹⁹³ Wahbah al-Zuhayli, *al-Mu'āmalat al-Māliyyah al-Mu'āṣarah*, 440-441,

¹⁹⁴ Sāmī Ḥasan Aḥmad Ḥāmūd, *Taṭwīr al-A'māl al-Maṣrifīyah bimā Yattaḥiq wa al-Shar'ah al-Islāmiyyah*, 410.

¹⁹⁵ *Ibid.*, 412.

¹⁹⁶ Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail, "Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad", 13.

¹⁹⁷ Pengkaji turut mendapatkan pengesahan dengan menghubungi pihak ASNB sendiri melalui telefon.

Islam yang tidak membenarkan pengusaha iaitu *muḍārib* (dalam hal ini PNB) menjamin selamatnya modal para pelabur. Malah menurut Imam Malik dan Imam Syafii, jika sekiranya pemilik modal mensyaratkan jaminan modal kepada pengusaha, maka kontrak tersebut rosak. Sementara Abu Hanifah dan para pengikutnya pula berpendapat akad tersebut harus dan syarat supaya modal dijamin dianggap rosak.¹⁹⁸

Namun demikian, Nazīh Ḥammād berpendapat bahawa walaupun pendapat yang mengatakan tidak harus berlaku jaminan pulangan modal adalah masyhur dalam kalangan mazhab empat dan para pengkaji sistem kewangan Islam semasa, namun ia bukanlah pendapat yang disepakati. Terdapat pendapat yang mengharuskannya. Beliau menganggap pendapat yang mengharuskan ini lebih tepat dan menyandarkannya kepada Qatādah, ‘Uthmān al-Battī, ‘Ubayd Allāh Ibn al-Ḥasan al-‘Anbarī, Dāwūd al-Zāhirī, salah satu riwayat daripada Aḥmad, pendapat yang tidak masyhur dalam mazhab Maliki dan tidak begitu kuat (*marjūh*) dalam mazhab Hanafi, juga pendapat yang dipilih oleh Ibn Taymiyyah dan dipegang serta didokong oleh al-Shawkānī daripada kalangan ulama yang terkemudian.¹⁹⁹ Hujah yang menjadi pegangan pendapat kedua ini adalah hadith Nabi Muhammad SAW:

الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا وَالْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا.

Terjemahan: “Perjanjian damai itu harus bagi orang Islam, kecuali perjanjian yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram. Dan orang Islam itu terikat dengan syarat-syarat yang mereka buat, kecuali syarat-syarat yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram.”²⁰⁰

¹⁹⁸ Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, 2:238.

¹⁹⁹ Nazīh Ḥammād, *Madā Ṣiḥḥah Taḍmīn Yad al-Amānah bi al-Sharṭ fī al-Fiqh al-Islāmī*, ed. ke-2 (Jeddah: al-Ma‘had al-Islāmī li al-Buḥūth wa al-Tadrīb, 2000), 45. Lihat juga Nazīh Ḥammād, *Fī Fiqh al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah wa al-Maṣrafiyyah al-Mu‘āṣirah* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2008), 261-286.

²⁰⁰ Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Aḥkām ‘an Rasūlillāh Ṣallāhu‘alayhi Wasallam, Bāb Mā Zukir ‘an Rasūlillāh Ṣallāhu‘alayhi Wasallam fī al-Ṣulḥ Bayn al-Nās, no. hadith 1352. al-Albānī menyebut hadith ini ḥasan ṣaḥīḥ. Lihat Muḥammad Ibn ‘Īsa Ibn Sūrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, ed. al-Albānī, 318-319.

Hadith di atas secara jelas menunjukkan bahawa mensyaratkan jaminan pulangan modal ke atas pengusaha (muḍārib) tidak bercanggah dengan nas syarak. Syarat sedemikian tidak menghalalkan yang haram dan tidak mengharamkan yang halal. Selain itu, persetujuan pengusaha (muḍārib) ke atas syarat ini juga menandakan bahawa dia reda dengan sebarang kesan yang akan ditanggung. Hal ini kerana persetujuan bersama atau reda adalah syarat yang mesti ada untuk membolehkan sebarang urusan berkaitan harta dilakukan sesama manusia, selama mana ia tidak menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.²⁰¹

Berasaskan penerangan di atas, artikel Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad telah menyimpulkan bahawa pendapat yang tidak masyhur boleh sahaja digunakan oleh pihak pemerintah berdasarkan konsep *siyāsah syar'iyah* apabila ia lebih mendekati kemaslahatan umum dalam bernegara.²⁰²

Hujah tambahan yang ketiga adalah dana terkumpul dilabur secara bercampur-campur dalam industri halal dan haram. Hujah ini sama seperti hujah pertama di awal tadi iaitu Skim ASB secara jelas terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah, di mana sebahagian besar daripada tidak patuh syariah datangnya daripada sektor kewangan konvensional. Sebagaimana telah dijelaskan, peratusan sumbangan kepada tidak patuh syariah yang mana sebahagian besar daripadanya datang daripada sektor kewangan konvensional telah melepasi tanda aras lima peratus (5%) yang digunakan oleh MPS SC bagi mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang jelas keharamannya (tidak selaras dengan syariah) seperti perbankan konvensional, insurans konvensional, pendapatan faedah daripada akaun-akaun dan instrumen-instrumen konvensional serta lain-lain.²⁰³

²⁰¹ Nazīh Ḥammād, *Madā Ṣiḥḥah Taḍmīn Yad al-Amānah bi al-Sharṭ fī al-Fiqh al-Islāmī*, 265-266.

²⁰² Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail, "Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad", 9.

²⁰³ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*, 3-4; Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, "Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia",

4.3 Rumusan

Secara umumnya dalam mengeluarkan fatwa harus ASB,²⁰⁴ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI telah berpegang pada hujah *maṣlaḥah* dan kewajiban menjaga lima perkara khususnya menjaga harta. Empat penjagaan yang lain adalah agama, nyawa, akal dan keturunan. Hujah *maṣlaḥah* dan kewajiban menjaga lima perkara ini terangkum dalam objektif syariah (*maqāṣid al-sharī'ah*). Kedua-dua hujah ini dilihat lebih dominan berbanding hujah-hujah yang lain. Selain itu, Muzakarah turut merujuk pendapat para fuqaha dalam isu pelaburan yang bercampur-campur antara halal dan haram. Menurut Muzakarah, terdapat kalangan fuqaha empat mazhab yang mengharuskan bersama makruh penyertaan orang Islam dalam pelaburan yang bercampur-campur antara halal dan haram. Mereka seperti Ibn Nujaim, 'Alish, al-Shīrāzī dan al-Mardawī²⁰⁵ dan lain-lain. Di samping itu, usaha pembaikan yang dilakukan oleh PNB bagi memastikan ASB selari dengan syariah juga menjadi pertimbangan Muzakarah.

Daripada keterangan hujah di atas, dapat disimpulkan bahawa pendekatan berfatwa yang diambil oleh Muzakarah ketika mengeluarkan pendapat hukum mengenai ASB adalah pendekatan yang cenderung kepada *al-fiqh al-maqāṣidī*. Pendekatan *al-fiqh al-maqāṣidī* mempunyai kesinambungan dengan *al-ijtihād al-maqāṣidī*. *al-Ijtihād al-maqāṣidī* ialah suatu bentuk ijtihad fiqah yang cenderung kepada usaha mencapai objektif syariah (*maqāṣid al-sharī'ah*) dalam setiap amalan ijtihad.²⁰⁶

laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*, dicapai 11 Januari 2013, http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/icm/sas/sc_syariahcompliant_291113.pdf dan Aznan Hasan (Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 5 April 2013.

²⁰⁴ Lihat Bab 3, halaman 80-81 untuk mengetahui kandungan lengkap hujah-hujah yang dikemukakan oleh Muzakarah.

²⁰⁵ Ibn Nujaim, *al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*; 'Alish, *Manḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*; al-Shīrāzī, *al-Muḥadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* dan al-Mardawī, *al-Inṣāf fī Ma'rifah al-Rājiḥ min al-Khilāf 'alā Madhhab al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*.

²⁰⁶ Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādīmī, *al-Ijtihād al-Maqāṣidī, Hujjiyyatuh..Ḍawābituh..Majālātuh*, 1:39.

Aspek yang penting dalam ijtihad berasaskan objektif syariah adalah objektif syariah itu sendiri. Dalam ilmu pengajian Islam, perbincangan mengenai objektif syariah biasa disebut sebagai *maqāṣid al-sharī'ah*. Ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* merupakan satu ilmu syarak yang diiktiraf dalam disiplin perundangan Islam. Ia merupakan satu ilmu yang mengambil kira segala manfaat, keadilan dan seumpamanya dalam menetapkan hukum, demi menjaga kepentingan manusia.²⁰⁷

Pendekatan berijtihad berasaskan objektif syariah atau *maqāṣid al-sharī'ah* telah mula dipraktikkan sejak dahulu lagi, bermula daripada zaman nabi, para sahabat, *tābi'īn* dan imam mazhab. Ia juga menjadi pegangan kebanyakan para imam mujtahid dan majoriti para fuqaha dan ulama *uṣūl*.²⁰⁸ Sebagai contoh, Sayidatina Aishah r.a pernah berkata:

مَا خَيْرَ رَسُولٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ أَمْرَيْنِ إِلَّا أَخَذَ أَيسَرَهُمَا مَا لَمْ يَكُنْ إِثْمًا فَإِنْ كَانَ إِثْمًا كَانَ أَبْعَدَ النَّاسِ مِنْهُ

Terjemahan: “Rasulullah SAW tidak diminta memilih antara dua perkara melainkan baginda akan memilih yang paling mudah, selama mana ia bukan perkara dosa. Jika sekiranya perkara tersebut merupakan suatu dosa, nescaya baginda adalah orang yang paling jauh menghindarkan diri daripadanya.”²⁰⁹

Aspek pencapaian objektif syariah yang terkandung dalam kata-kata Sayidatina Aishah r.a adalah keutamaan memilih yang mudah, senang dan ringan selama mana ia bukan perkara dosa. Antara contohnya adalah seperti memilih untuk mengenakan jizyah kepada orang bukan Islam kerana ia lebih mudah dan terjamin berbanding jika memilih untuk berperang.²¹⁰ Selain itu, Rasulullah SAW juga bersabda:

²⁰⁷ Alyūbī, *Maqāṣid al-Sharī'ah wa 'Alāqatuhā bi al-Adillah al-Sharī'yyah*, 38.

²⁰⁸ *Ibid.*, 42.

²⁰⁹ Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Faḍā'il, Bāb Mubā'adatuh Ṣallā Allāh 'alaihi Wasallam li al-Āthām, wa Ikhtiyāruh min al-Mubāh Ashalah, wa Intiqāmuh li Allāh 'inda Intihāk Hurmatih, no. hadith 2327. Lihat Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Nisābūrī, Ṣaḥīḥ Muslim (Riyadh: Dār Ṭayyibah, 2006), 2: 1097.

²¹⁰ al-Khādimī, *al-Ijtihād al-Maqāṣidī, Hujjiyyatuh...Ḍawābituh..Majālātuh*, 83-84.

Terjemahan: "...sesungguhnya Allah SWT suka akan kemudahan pada setiap perkara..."²¹¹

Para sahabat yang banyak mendapat didikan secara langsung daripada Nabi Muhammad SAW turut berijtihad berasaskan objektif syariah. Tindakan ini susulan daripada banyak permasalahan baru timbul lantaran daripada banyak pembukaan beberapa bandar Islam dan penghijrahan para sahabat ke bandar-bandar besar. Terdapat kata-kata peninggalan (*athār*) para sahabat yang menunjukkan keperluan untuk merai objektif syariah. Ibn Umar r.a. menyebut: "jangan kamu bertanya mengenai perkara yang tidak terjadi, kerana aku pernah mendengar Sayidina Umar al-Khaṭṭāb r.a. mencela sesiapa yang berbuat demikian."²¹² Antara contoh ijtihad berasaskan objektif syariah yang masyhur adalah proses menghimpun dan menulis al-Quran dalam satu naskhah pada zaman Sayidina Abu Bakar r.a. dan Othman r.a. Tindakan ini diambil kerana satu tujuan utama iaitu untuk memastikan al-Quran sebagai sumber perundangan Islam yang agung terpelihara.

Para *tābi'īn* yang mewarisi segala keilmuan daripada para sahabat turut melakukan perkara yang sama. Di samping berpegang kepada nas, mereka juga merujuk kepada sumber hukum lain seperti *maṣlaḥah* dan *qiyās*. Ibrāhīm al-Nakha'ī pernah menukilkan bahawa setiap hukum-hakam Allah SWT mempunyai tujuan tersendiri yang merangkumi segala hikmah dan kebaikan yang akhirnya akan berbalik kepada diri kita sendiri.²¹³

²¹¹ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, Bāb al-Rifq fī al-Amr Kullih, no. hadith 6024. Lihat al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā'īl, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2002), 1510.

²¹² Aḥmad Ibn 'Abd al-Raḥīm al-Dahlawī, *al-Inṣāf fī Bayān Asbāb Ikhtilāf al-Fuqahā'* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1404), 1:17.

²¹³ Muḥammad Ibn al-Ḥasan Ibn al-'Arabī Ibn Muḥammad al-Ḥajawī, *al-Fikr al-Sāmī fī Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 1:385.

Zaman para imam mazhab fiqah pula merupakan kesinambungan daripada zaman para sahabat dan *tābi'īn*. Pada zaman ini, ijtihad fiqah merupakan satu unsur penting dalam syariat Islam. Ijtihad fiqah yang dijalankan pada zaman ini bersumberkan kepada nas kitab dan sunah, ijmak, pendapat para sahabat dan *tābi'īn*. Ijtihad fiqah yang dilakukan juga berpandukan kepada kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip syariah yang diiktiraf sama ada berasaskan nas atau maksud yang tersirat di sebalik nas itu. Terdapat banyak contoh permasalahan yang memperlihatkan bagaimana para imam mazhab melakukan ijtihad sama ada dengan merujuk kepada nas, *āthār*, kaedah atau objektif syariah. Antara contoh yang dapat dinyatakan adalah seperti mensyaratkan wali dalam akad pernikahan yang bertujuan untuk menjaga kemuliaan rumah tangga dan memelihara keharmonian daripada cercaan, keaiban dan lain-lain.²¹⁴

Pada zaman para fuqaha dan ulama *uṣūl* pula, ijtihad berasaskan objektif syariah terus menjadi pegangan. Para fuqaha dan ulama *uṣūl* menganggap unsur objektif atau tujuan di sebalik suatu hukum sebagai satu perkara yang diterima oleh syarak dalam amalan ijtihad fiqah. Hal ini dapat dilihat dalam kata-kata Ibn Qayyīm al-Jawziyyah sepertimana berikut:

“Sesungguhnya syariat Islam itu binaan dan asasnya adalah atas segala hikmah dan kebaikan untuk manusia di dunia dan akhirat. Syariat Islam itu segalanya keadilan, kebaikan dan hikmah. Maka setiap perkara yang terkeluar daripada keadilan kepada kezaliman, daripada rahmat kepada yang berlawanan dengannya, daripada kebaikan kepada kerosakan, daripada hikmah kepada sia-sia maka ianya bukan syariat Islam sekalipun diberikan tafsiran (takwilan) untuknya.”²¹⁵

Selain itu, antara aspek yang dianggap penting dalam pendekatan berijtihad berasaskan objektif syariah adalah aplikasinya tidak berdiri dengan sendiri. Dengan kata lain, pendekatan ini bukan merupakan satu dalil yang terasing, tetapi ia sentiasa dihubungkan dengan dalil, prinsip umum dan garis panduan syariah. Kenyataan ini

²¹⁴ al-Khādimī, *al-Ijtihād al-Maqāṣidī, Hujjiyyatuh...Ḍawābituh...Majālatuh*, 122.

²¹⁵ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Abū Bakr Ibn Ayyūb Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, *I‘lām al-Muwaqqi‘īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*, ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr Ibn Ḥasan Āli Salmān (Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 1423H), 4:337.

juga tidak bermaksud keupayaan akal manusia dipinggirkan kerana tujuan hubungkait antara dalil dan akal adalah supaya penggunaan akal sentiasa dipandu oleh wahyu dan maksud di sebalik pensyariatkan suatu hukum tercapai. ‘Allāl al-Fāsī menyebut:

“Objektif syariah (*maqāṣid al-sharī‘ah*) bukanlah satu sumber syariat yang asing ... objektif syariah ialah salah satu sumber hukum yang diakui dalam syariat Islam. Sebarang hukum yang dikeluarkan sama ada melalui *maṣlaḥah*, istihsan atau sumber-sumber yang lain dianggap sebagai hukum syarak iaitu arahan-arahan (*khiṭāb*) daripada Allah SWT yang berkait dengan perbuatan mukalaf.”²¹⁶

Sementara itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pula telah berbeza fatwa dengan Muzakarah. Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan bahawa hukum pelaburan ASB tidak halal kerana masih belum menepati hukum syarak. Sepertimana telah dijelaskan dahulu,²¹⁷ secara umumnya mereka berpegang pada tiga hujah. Pertama, mereka berpegang pada hujah daripada hadith iaitu hadith yang menyatakan apabila bercampur antara halal dan haram, nescaya yang haram akan mengatasi yang halal. Seterusnya, mereka merujuk pendapat pihak yang berautoriti dalam bidang pasaran modal Islam iaitu SC menerusi MPS mereka. Menurut MPS SC dalam senarai unit amanah yang dikeluarkan setakat 30 Jun 2014²¹⁸ ASB masih belum diiktiraf sebagai unit amanah Islamik.

Selain itu, mereka juga merujuk pendapat individu yang diakui kepakarannya dalam bidang kewangan Islam iaitu Zaharuddin Abd Rahman.²¹⁹ Zaharuddin Abd Rahman bersependapat dengan Jawatankuasa Fatwa mengenai hukum ASB berpandukan kepada tiga hujah lain iaitu pertama: akad pelaburan tidak jelas, kedua: ada jaminan modal dan ketiga: dana terkumpul dilabur secara bercampur-campur dalam industri halal dan haram. Jawatankuasa Fatwa juga telah mengemukakan pendapat sendiri dengan

²¹⁶ ‘Allāl al-Fāsī, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā*, ed. ke-5 (t.tp.: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1993), 45.

²¹⁷ Halaman 109-120.

²¹⁸ Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, “List of launched funds in relation to unit trust funds as at 30 June 2014”, laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia*, dicapai pada 18 Ogos 2013, <http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/resources/stats/UTF.pdf>.

²¹⁹ Lihat Bab 3, halaman 82-85 untuk mengetahui kandungan lengkap hujah-hujah yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa.

menegaskan bahawa peratusan sumbangan dana ASB kepada tidak patuh syariah iaitu yang tidak bertepatan dengan kehendak syarak adalah yang terbesar serta berubah-ubah. Hal ini sekaligus menyukarkan para pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen.

Daripada penjelasan hujah di atas, dapat dinyatakan bahawa pendekatan berfatwa yang diambil oleh Jawatankuasa Fatwa cenderung kepada satu istilah yang boleh disebut sebagai *al-fiqh al-shaklī*. *al-Fiqh al-shaklī* boleh dijelaskan sebagai fiqh yang terhasil daripada ijtihad atau penyelidikan²²⁰ yang banyak melihat kepada format atau bentuk hukum. Berbeza dengan aliran *maqāṣidī* yang lebih cenderung dan banyak melihat kepada objektif.

Walaupun perbincangan mengenai *al-fiqh al-shaklī* sebagai satu nama dan ilmu yang khas tidak dinyatakan secara khusus, namun kefahaman mengenainya telah menjadi satu perkara yang maklum dalam kalangan ilmuwan. Memahami *al-fiqh al-shaklī* bermula dengan memahami perkataan *al-fiqh* dan *al-shaklī*. Dari segi bahasa, *fiqh* bermaksud tahu dan faham akan sesuatu. Sementara *al-shaklī* pula bermaksud bentuk atau sesuatu yang bersifat formal. Dari segi istilah, *fiqh* ialah mengetahui hukum-hukum syarak yang bersifat amali berpandukan kepada dalil-dalilnya yang terperinci.²²¹ Dalil-dalil yang terperinci ialah dalil-dalil syarak yang menjelaskan suatu hukum yang khusus. Dalil dari segi istilah ulama *uṣūl* bermaksud: apa-apa perkara (dalil) yang apabila difahami dengan cara yang betul, (seseorang) akan dapat sampai kepada maksud yang hendak disampaikan (hukum syarak).²²² Sebagai contoh firman Allah SWT yang menjelaskan hukum haram berkahwin dengan ibu kandung:

²²⁰ Dalam konteks dunia akademik sekarang, secara mudahnya ijtihad itu boleh disama ertikan dengan penyelidikan. Lihat Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Paizah Ismail, *Pengantar Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., 2010), 119.

²²¹ Nāṣir al-Dīn ‘Abd Allāh Ibn ‘Umar al-Baiḍāwī, *Minhaj al-Wuṣūl ila ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. Sha‘bān Muḥammad Ismā‘il (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2008), 51.

²²² *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, entri “دليل”.

Terjemahan: Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu,...

al-Nisa' 4: 23

Selain itu, dalil-dalil apabila dilihat dari aspek sama ada ia boleh menjadi sumber hukum atau tidak terbahagi kepada tiga. Pertama: dalil yang disepakati oleh semua ulama. Kedua: dalil yang disepakati oleh kebanyakan ulama. Ketiga: dalil yang tidak disepakati oleh para ulama. Dalil-dalil yang disepakati oleh semua ulama ada dua iaitu al-Quran dan sunah. Sementara dalil-dalil yang disepakati oleh kebanyakan ulama juga ada dua iaitu ijmak dan *qiyās*. Dalil-dalil yang tidak disepakati oleh para ulama pula terdiri daripada '*urf*, *istiṣhāb*, istihsan, *al-maṣāliḥ al-mursalah*, syariat mereka yang sebelum kita (*shar' man qablanā*) dan mazhab para sahabat (*madhhab al-ṣaḥābī*). Dalam kalangan ulama, ada yang menerima dalil-dalil yang tidak disepakati dan ada yang menolak.²²³

Tingkatan dalil seperti di atas memberi kesan kepada seseorang mujtahid apabila dia hendak mengeluarkan hukum. Dalam mengeluarkan hukum, pertama sekali seorang mujtahid mesti merujuk kepada ayat-ayat al-Quran terlebih dahulu. Kenyataan ini tepat kerana al-Quran merupakan sumber hukum yang paling utama dalam perundangan Islam. Jika sekiranya tidak ada, dia mesti merujuk kepada sunah berperanan sebagai penghurai bagi perkara umum yang terkandung dalam al-Quran. Sunah meliputi perkataan yang diucap, perbuatan yang dilakukan dan pengakuan yang ditunjuk oleh Nabi Muhammad SAW ketika hayat Baginda.

²²³ 'Abd al-Karīm Zaydān, *al-Madkhal li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, 115-117.

Apabila hukum yang dicari tidak dijumpai dalam sunah, seorang mujtahid mesti meneliti kembali kitab-kitab mazhab yang muktabar bagi mencari sama ada para ulama terdahulu telah sepakat (ijmak) terhadap sesuatu hukum atau tidak. Jika sekiranya tidak ada, dia boleh melihat pendapat para sahabat. Jika tidak ditemui pendapat para sahabat mengenai persoalan hukum yang dicari, dia boleh berijtihad melalui jalan *qiyās*.²²⁴

Jika dia tidak dapat mengeluarkan hukum melalui jalan *qiyās*, dia boleh beralih kepada dalil-dalil lain yang tidak disepakati seperti berpegang pada hujah masalah yang diiktiraf, *sadd al-dharā'i* atau *urf*. Jika dia masih belum menemui jalan penyelesaian juga, dia boleh kembali kepada asal iaitu dengan berpandukan dalil *al-istiṣhāb* atau *al-barā'ah al-aṣliyyah*. Tindakan ini adalah jalan penyelesaian yang terakhir.²²⁵ Penetapan semua tingkatan ini adalah bagi memastikan supaya sesuatu hukum yang diputuskan mencapai tujuan sebenar syariat.

Ṣalāh al-Dīn 'Abd al-Ḥalīm Sulṭān dalam blog beliau pula telah menghuraikan dengan ringkas mengenai haji *shaklī* dan haji *maqāsidī*. Menurut beliau, haji *shaklī* ialah haji yang mungkin memenuhi semua rukun syarak, hukum-hukum fiqah dan perkara sunat, akan tetapi ia seperti sembahyang tanpa khusyuk, puasa tanpa takwa dan jasad tanpa ruh. Sementara haji *maqāsidī* pula ialah haji yang bukan sahaja tidak meninggalkan segala rukun, perkara wajib dan sunat, malah turut memastikan tujuan pelaksanaan ibadah haji tercapai iaitu ikatan pertalian antara hamba dan Tuhannya dengan cara sentiasa mengingatiNya (berzikir) serta meninggalkan semua perkara yang melalaikan.²²⁶ Allah SWT berfirman:

²²⁴ Rasulullah sendiri SAW telah memperakui Mu'adh Ibn Jabal dalam berijtihad tatkala mana dia tidak menjumpai nas hukum berkaitan sama ada daripada al-Quran mahupun sunah. Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitāb al-Qaḍā, Bāb Ijtihād al-Ra'y fī al-Qaḍā', no. hadith 3592. Lihat Abū Dāwūd Sulaimān Ibn al-Ash'ath al-Sijistānī, Sunan Abī Dāwūd, 644.

²²⁵ Muḥammad Sulaymān 'Abd Allah al-Ashqar, *al-Wāḍiḥ fī Uṣūl al-Fiqh* (Mesir: Dār al-Salām, 2009), 264-265.

²²⁶ Dr. Salah al-Din 'Abd al-Halim Sultan, "al-Hajj al-Shakli wa al-Maqasidi", laman sesawang Dr. Salah Sultan, dicapai 25 Januari 2014, <http://www.salahsultan.com/FeqhMkasdie/82/Default.aspx>.

... فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَاذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَيْكُمْ ... ﴿١٢٨﴾

Terjemahan: ...Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa,"talbiah" dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haraam (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagaimana ia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu;...

Selain itu, haji *shaklī* ialah haji yang ditunaikan dengan hati yang kaku. Sementara haji *maqāṣidī* pula ialah haji yang ditunaikan dengan air mata yang mengalir, hati yang khusyuk dan doa yang bersungguh-sungguh.²²⁷ Dengan kata lain, haji *shaklī* ialah haji yang longgar, lemah dan tidak memberi sebarang kesan kecuali sedikit jika ada. Sementara haji *maqāṣidī* ialah haji yang kukuh, kuat dan lebih memberi kesan kepada orang yang mengerjakannya.

Berbalik kepada hujah tidak halal ASB oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Pada peringkat pertama, mereka berpegang pada hujah daripada hadith yang secara jelas menunjukkan satu hukum yang khusus iaitu apabila berlaku percampuran antara perkara yang halal dan yang haram, nescaya yang haram akan mengatasi yang halal. Seterusnya mereka menyokong hujah mereka dengan hujah-hujah daripada pihak dan individu yang berautoriti dalam bidang pasaran modal dan kewangan Islam iaitu MPS SC dan Zaharuddin Abd Rahman.

Jawatankuasa Fatwa juga tidak memfokuskan hujah mereka pada aspek *maṣlaḥah* iaitu kepentingan menjaga harta (*ḥifẓ al-māl*). Hal ini kerana *maṣlaḥah* di akhirat lebih menjadi keutamaan berbanding di dunia. Tambahan lagi, aspek menjaga harta sepatutnya dibuat secara makro iaitu dengan cara menggembelng tenaga dan usaha daripada semua

pihak serta menitikberatkan persoalan yang paling utama iaitu unsur halal dan haram dalam urusan kewangan seharian. Kesemua pertimbangan ini penting dilakukan demi kesejahteraan umat di dunia, apatah lagi di akhirat.²²⁸

4.4 Pendapat Yang Terpilih

Titik persamaan yang menemukan antara Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor adalah niat dan usaha yang mereka ambil bagi memastikan fatwa ASB yang mereka keluarkan selari dengan kehendak syariat dan memberi kebaikan kepada semua. Walaupun fatwa ASB yang mereka keluarkan berbeza, namun mereka mempunyai kelebihan tersendiri apabila mengemukakan hujah, dalil dan huraian ketika memberi justifikasi mengapa mereka mengeluarkan fatwa sedemikian. Oleh sebab itu, fatwa yang mereka keluarkan mesti dihormati dan diterima dengan hati yang terbuka demi keharmonian dalam perundangan Islam. Tindakan ini adalah langkah yang pertama sebelum melakukan pemilihan antara dua fatwa yang berbeza.

Antara isu utama yang menjadi topik perbincangan mereka adalah pelaburan yang bercampur antara halal dan haram serta persoalan mengenai *maṣlaḥah*. Secara umumnya, perbincangan mengenai dua isu ini telah membuatkan fatwa yang mereka keluarkan berbeza antara satu sama lain.

Dana ASB telah diletakkan dalam pelaburan yang bercampur antara halal dan haram. Perkara ini jelas berdasarkan data dan fakta seperti yang telah dijelaskan dahulu. Di samping hadith yang menjadi hujah pertama, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga telah melakukan rujukan kepada MPS SC bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

²²⁸ Mohd Mokhtar Bin Haji Shafii (Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sesi 2009-2011), dalam temu bual dengan penulis, 24 Mei 2012.

Pasaran modal Islam yang merupakan satu komponen daripada keseluruhan pasaran modal di Malaysia memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Ia juga merupakan salah satu cabang sistem kewangan Islam selain daripada sistem perbankan Islam dan juga Institusi Kewangan Bukan Bank. Pasaran modal Islam dapat difahami sebagai pasaran yang menjalankan aktiviti sepertimana pasaran modal konvensional tetapi berasaskan prinsip syariah. Ia adalah pasaran yang bebas daripada aktiviti yang dilarang oleh Islam seperti riba, perjudian dan penipuan. Apabila pasaran modal semakin berkembang, produk yang diperkenalkan juga menjadi semakin kompleks. Lantas proses pemantauan yang teliti perlu diwujudkan bagi memastikan produk pasaran modal menepati piawaian syariah.

SC sebagai satu badan yang bertanggungjawab untuk mengawal selia bursa-bursa, prospektus syarikat, semua perkara yang berkaitan dengan skim unit amanah dan sekuriti di Malaysia telah melakukan beberapa langkah bagi mengawal selia pasaran modal dan melindungi para pelabur daripada sebarang bentuk penipuan. Antara langkah yang dilakukan adalah menubuhkan Jabatan Pasaran Modal Islam (JPMI), Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam (KPII) dan Majlis Penasihat Syariah (MPS).²²⁹

MPS SC merupakan badan penasihat syariah di peringkat nasional. Majlis ini telah ditubuhkan pada Mei 1996 untuk menasihati SC mengenai perkara-perkara syariah yang berkaitan dengan pasaran modal Islam.²³⁰ Mereka bertanggungjawab memastikan pelaksanaan pasaran modal Islam mengikut lunas Islam. Mereka bertanggungjawab melindungi para pelabur khususnya orang Islam dan awam daripada terjerumus ke dalam pelaburan yang tidak patuh syariah. Pelaburan tidak patuh syariah bukan sahaja melibatkan penipuan, malah turut merangkumi perbankan dan insurans konvensional,

²²⁹ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, 2008), 3-5.

²³⁰ Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, "Islamic Capital Market", laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia*, dicapai pada 6 Ogos 2014, http://www.sc.com.my/my/general_section/islamic-capital-market/.

perjudian, arak, babi, makanan dan minuman tidak halal, hiburan tidak patuh syariah, pendapatan faedah hasil pinjaman riba, tembakau dan aktiviti-aktiviti lain yang tidak patuh syariah.

Secara lebih spesifik, MPS SC bertanggungjawab terhadap mengkaji status sekuriti yang didagangkan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Mereka bertanggungjawab dalam menilai sama ada unit amanah yang tersenarai di Bursa Malaysia patuh syariah atau tidak.

Bagi tujuan penilaian unit amanah, MPS SC telah menetapkan dua tanda aras iaitu tanda aras lima peratus dan tanda aras 20 peratus. Dalam persoalan mengenai ASB, tanda aras yang diguna pakai adalah tanda aras lima peratus iaitu bagi aktiviti perniagaan yang melibatkan perbankan konvensional. Dana ASB telah diletak di Maybank yang merupakan salah satu perbankan konvensional terbesar dan kadar peratusnya telah melepasi tanda aras lima peratus. Senarai dana unit amanah yang dikeluarkan oleh SC setakat 31 Mei 2014 telah mengesahkan bahawa ASB masih belum dapat diklasifikasikan sebagai dana Islamik.²³¹

Selain itu, penetapan tanda aras lima peratus dan 20 peratus adalah hasil penyelidikan dalam kalangan MPS SC. Ahli-ahli MPS terdiri daripada individu berkeelayakan yang boleh memberikan pandangan mengenai syariah dan mempunyai pengalaman yang luas dalam aplikasi syariah, terutama dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam.²³²

²³¹ Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, "List of launched funds in relation to unit trust funds as at 31 Mei 2014", laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia*, dicapai pada 17 Julai 2014, <http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/resources/stats/UTF.pdf>.

²³² Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, "Members Of The SC's Shariah Advisory Council" dan "List Of Registered Shariah Advisers", laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia*, dicapai pada 20 Julai 2014, <http://www.sc.com.my/members-of-the-scs-shariah-advisory-council/> dan <http://www.sc.com.my/list-of-registered-shariah-advisers/>.

Dalam melakukan penyelidikan tentang pasaran modal, MPS telah memutuskan untuk menerima semua sumber metodologi hukum fuqaha. Sumber tersebut meliputi sumber utama dan sokongan yang diterima pakai dalam perundangan Islam sebagai sumber penyelidikan. Sumber utama yang menjadi rujukan dalam penyelidikan adalah al-Quran dan sunah. Hal ini kerana Allah SWT menyuruh umat Islam supaya merujuk kepada kedua-dua sumber tersebut bagi menyelesaikan masalah yang timbul dalam urusan seharian.²³³ Sementara sumber sokongan yang menjadi rujukan dalam penyelidikan pula terdiri daripada ijmak, *qiyās*, *maṣlahah*, *istiḥsān*, *istiṣḥāb*, *sadd dhari'ah*, *'urf*, *maqāṣid shari'ah*, *siyāsah shar'iyah*, *ta'wil*, *istiqrā'*, *talfīq* dan lain-lain yang telah diterima pakai dalam perundangan Islam.²³⁴ Semua sumber sokongan ini termasuk dalam bab ijtiḥad sebagaimana dalam hadith mengenai Mu'adh Ibn Jabal.²³⁵

Walaupun hasil penyelidikan yang dijalankan oleh MPS SC boleh berubah,²³⁶ namun ia patut menjadi rujukan khusus berhubung persoalan-persoalan yang berkaitan dengan pasaran modal Islam. Hal ini kerana MPS SC adalah pusat rujukan kepada persoalan mengenai pasaran modal Islam, syariah dan lain-lain yang berkaitan.

Berdasarkan autoriti SC dan kredibiliti MPS SC, hasil keputusan mereka wajar diberikan keutamaan, dijadikan panduan dan rujukan khusus dalam pasaran modal Islam. Tuntutan ini selari dengan saranan umum yang terkandung dalam firman Allah SWT:

.... فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١﴾

al-Anbiyā' 21: 7

Terjemahan: ... maka bertanyalah kamu kepada "AhluzZikri" (orang yang berilmu) jika kamu tidak mengetahui.

²³³ Surah al-Nisa' 4:59.

²³⁴ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, 8-9.

²³⁵ Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitāb al-Qaḍā, Bāb Ijtihād al-Ra'y fī al-Qaḍā', no. hadith 3592. Lihat Abū Dāwūd Sulaimān Ibn al-Ash'ath al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwūd*, 644.

²³⁶ Sebelum November 2013, ada empat tanda aras yang diguna pakai iaitu 5%, 10%, 20% dan 25%. Bermula November 2013, tanda aras baru telah diguna pakai iaitu 5% dan 20% .

Isu kedua yang membuatkan fatwa ASB antara Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berbeza adalah persoalan mengenai *maṣlahah*. Jawatankuasa Fatwa MKI memutuskan bahawa hukum melabur dalam ASB adalah harus kerana wujudnya unsur *maṣlahah*. Dengan kata lain, *maṣlahah* menjadi kebanyakan hujah mereka apabila mengharuskan ASB. Dalam konteks ini, *maṣlahah* yang dimaksudkan adalah kepentingan menjaga harta masyarakat Bumiputera Melayu Islam.

Sementara itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pula melihat dari sudut yang berbeza. Walaupun menjaga harta itu penting, namun bagi mereka menjaga agama adalah lebih penting. Pendirian ini yang membuatkan fatwa mereka berbeza dengan Jawatankuasa Fatwa MKI.

Dalam Islam, setiap perkara yang disyariatkan mengandungi *maṣlahah*. Perkara ini diterima secara sepakat oleh kebanyakan ulama dan Muslim pada setiap masa dan pegangan mazhab kecuali al-Zāhiriyyah.²³⁷ Banyak kata ulama yang menyokong kenyataan ini. Sebagai contoh, Ibn al-Qayyim menyebut:

Sesungguhnya syariat Islam itu binaan dan asasnya adalah atas segala hikmah dan kebaikan untuk manusia di dunia dan akhirat. Syariat Islam itu segalanya keadilan, rahmat dan kebaikan. Maka setiap perkara yang terkeluar daripada keadilan kepada kezaliman, daripada rahmat kepada yang berlawanan dengannya, daripada kebaikan kepada kerosakan, daripada hikmah kepada sia-sia, maka ianya bukan syariat Islam sekalipun diberikan tafsiran (takwilan) untuknya”²³⁸

Ertinya, apa yang penting dalam menegakkan syariat Islam adalah tujuan utama syariat itu sendiri iaitu kebaikan untuk manusia. Namun begitu, kebaikan untuk manusia tidak terhad hanya di dunia sahaja bahkan di akhirat juga. al-Shāṭibī telah mengesahkan bahawa kebaikan di sebalik sesuatu kewajipan akan kembali kepada mukalaf jua, di dunia dan akhirat.²³⁹

²³⁷ Ahmad al-Raisūnī, *al-Ijtihād, al-Naṣṣ, al-Maṣlahah, al-Wāqī*, ed. ke-2 (Beirut: Dār al-Fikr, 2002), 29.

²³⁸ Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, *I’lām al-Muwaqqi’īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*, 4:337.

²³⁹ al-Shāṭibī, Abū Ishāq Ibrāhīm al-Lakhmī al-Gharnāṭī al-Mālikī, *al-Muwāfaqāt* (Saudi: Dār Ibn ‘Affān, 1997), 2:294-295.

Jika sekiranya kebaikan hanya dicapai di dunia sehingga mengabaikan kebaikan di akhirat, maka ia adalah sia-sia kerana kehidupan di dunia hanya sementara dan kehidupan di akhirat jua yang kekal abadi. Allah SWT berfirman:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُ فِيهَا مَا نَشَاءُ لِمَنْ نُرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُ جَهَنَّمَ
يَصْلَاهَا مَذْمُومًا مَدْحُورًا ﴿١٨﴾ وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَأُولَٰئِكَ كَانَ سَعْيُهُمْ مَشْكُورًا ﴿١٩﴾

al-Israa' 17: 18-19

Terjemahan: Sesiapa yang menghendaki (kesenangan hidup) dunia, Kami akan segerakan kepadanya dalam dunia apa yang Kami kehendaki, bagi sesiapa yang Kami kehendaki; kemudian Kami sediakan baginya neraka jahannam (di akhirat kelak), untuk membakarnya dalam keadaan yang hina lagi tersingkir dari rahmat Allah. Dan sesiapa yang menghendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak bagiNya, sedang ia beriman, maka mereka yang demikian keadaannya, diberi pahala akan amal usahanya.

Ayat di atas menjelaskan bahawa sesiapa yang ingin mendapatkan kejayaan di akhirat, maka usaha yang dia lakukan di dunia mesti selari dengan kehendak syariat. Dengan demikian, dia layak mendapat pemberian Allah di dunia dan akhirat.²⁴⁰

Dari segi turutan kepentingan *maṣlahah* pula, menjaga agama hendaklah didahulukan daripada diri, akal, keturunan dan harta. Apabila berlaku pertembungan antara menjaga agama dan harta, nescaya menjaga agama akan didahulukan. Maksud menjaga agama di sini adalah hanya melabur dalam dana yang patuh syariah dan menjauhi dana yang tidak Islamik. Maka selama mana dana ASB dikategorikan sebagai tidak Islamik, maka jalan yang terbaik adalah tidak menyertainya.

²⁴⁰ Yusuf Hamid al-‘Ālim, *al-Maqāṣid al-‘Āmmah li al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, ed. ke-2 (Herndon: al-Ma‘had al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, 1994), 85.

al-Būṭī juga telah menegaskan bahawa *maṣlahah* yang hendak dicapai mesti menepati lima piawaian dan salah satu daripadanya adalah tidak menghapuskan *maṣlahah* lain yang lebih penting.²⁴¹ Dalam konteks ini, *maṣlahah* yang lebih penting adalah menjaga agama berbanding harta. Apabila menjaga harta boleh mengenyakan kepentingan lain yang paling utama iaitu menjaga agama, maka tatkala itu ia adalah *maṣlahah* yang masih lagi longgar dan samar-samar.

Adapun pendapat yang mengatakan menjaga diri adalah didahulukan daripada menjaga agama, maka ia tidak dapat diterima.²⁴² Allah SWT telah memberi jaminan syurga kepada para hamba yang mengorbankan jiwa dan harta benda mereka di jalanNya,²⁴³ sepertimana firman Allah SWT dalam ayat berikut:

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ هُمْ الْجَنَّةَ...

at-Tawbah 9: 111

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh Syurga...

Nabi Muhammad SAW juga menjelaskan bahawa iman mempunyai lebih daripada 60 atau 70 cabang. Cabang yang paling utama adalah mengaku bahawa tidak ada Tuhan yang disembahkan melainkan Allah dan Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah. Sementara cabang yang paling rendah adalah mengalih benda yang boleh mendatangkan bahaya kepada orang lain di jalan, dan malu itu adalah sebahagian daripada iman.²⁴⁴

²⁴¹ al-Būṭī, *Ḍawabiṭ al-Maṣlahah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, 249.

²⁴² Ibid., 250.

²⁴³ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 291.

²⁴⁴ Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Īmān, Bāb Shu'b al-Īmān, no. hadith 58. Lihat Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Nisābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1:38.

Penjelasan Nabi Muhammad SAW dalam hadith tersebut menunjukkan bahawa *maṣlaḥah* dalam agama mempunyai tingkatan yang tersendiri.²⁴⁵ Tingkatan tersebut bermula dengan yang paling utama kepada yang paling rendah. Dalam tingkatan itu juga, perkara yang paling utama iaitu mengaku bahawa tidak ada Tuhan yang disembahkan melainkan Allah dan Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah merupakan satu bentuk perbuatan yang menjaga agama. Menjaga agama penting dan tahap kepentingannya melebihi penjagaan yang lain.

Justeru itu, hasil pertimbangan yang telah dijalankan terhadap kekuatan hujah, dalil dan huraian oleh kedua-dua belah pihak, pengkaji mendapati fatwa tidak halal ASB oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor adalah fatwa yang lebih tepat menurut garis panduan syarak.

²⁴⁵ al-Būṭī, *Ḍawabiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, 255.

Penutup

Pengeluaran fatwa bagi permasalahan yang baru bukanlah satu tugas yang mudah, sebaliknya ia merupakan satu tugas yang amat berat. Pengeluaran fatwa dilakukan bagi menerangkan hukum Allah dalam setiap perkara baru yang timbul. Pihak yang mengeluarkan fatwa sentiasa melakukan yang terbaik bagi memastikan fatwa yang diputuskan mencapai kehendak syariat dan masyarakat. Hal ini kerana mereka akan dipertanggungjawabkan bukan sahaja di dunia, malah di akhirat juga.

Bagi mencapai kehendak syariat dan masyarakat, fatwa yang dikeluarkan akan melalui satu metodologi tersendiri. Metodologi yang digunakan boleh berbeza antara satu dengan yang lain. Dalam fatwa mengenai ASB, setiap pihak yang mengeluarkan fatwa mempunyai pendekatan tersendiri dan sandaran hujah masing-masing. Pihak yang berpendapat hukumnya harus dilihat cenderung kepada pendekatan berfatwa berasaskan *al-fiqh al-maqāsidī* iaitu yang banyak melihat objektif di sebalik suatu hukum. Sementara pihak yang berpendapat hukumnya tidak halal pula dilihat cenderung kepada pendekatan berfatwa *al-fiqh al-shaklī* iaitu yang banyak melihat format dalam mengeluarkan hukum.

Kedua-dua fatwa tersebut seharusnya diurus dalam suasana yang penuh harmoni. Rasulullah SAW juga telah menyebut bahawa apabila seorang hakim hendak menghukum dan dia melakukan ijithad, kemudian ijtihadnya betul, maka baginya dua pahala. Sebaliknya jika ijtihad hakim itu salah, maka baginya satu pahala. Justeru itu, perbezaan fatwa dalam satu permasalahan khususnya ASB mesti diurus dengan penuh hemah supaya ia memberi kebaikan kepada semua khususnya masyarakat Bumiputera Islam di Malaysia.

BAB 5

PENUTUP

BAB 5

PENUTUP

Pendahuluan

Bab ini akan membuat kesimpulan dan rumusan hasil daripada perbincangan yang telah dijalankan bermula daripada Bab 1 sehingga Bab 4. Kesimpulan yang dinyatakan merangkumi perbincangan konsep fatwa, sejarah perkembangan metodologi fatwa dalam perundangan Islam, metodologi fatwa pada zaman mutakhir, perbezaan fatwa dan faktornya, unit amanah, perkembangan unit amanah di Malaysia, Skim ASB, fatwa mengenai ASB di Malaysia, analisis dan cadangan. Selain itu, kesimpulan yang dilakukan dikategorikan kepada dua iaitu kesimpulan secara umum dan kesimpulan berdasarkan objektif kajian.

Seterusnya, bab ini juga akan mengemukakan beberapa cadangan yang ditujukan khas kepada empat kumpulan iaitu pertama: kerajaan, kedua: pihak yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa sama ada peringkat kebangsaan, negeri mahupun wilayah, ketiga: pihak pengurusan yang mempunyai kaitan dengan ASB dan keempat: masyarakat.

5.1 Kesimpulan

Persoalan utama yang menjadi fokus kajian ini adalah perbezaan fatwa ASB di Malaysia dengan tumpuan khusus diberikan kepada fatwa peringkat kebangsaan pada tahun 2008 dan fatwa negeri Selangor pada tahun 2011. Secara lebih terperinci, persoalan-persoalan penting yang membentuk kajian ini adalah pertama: apakah metodologi fatwa menurut perundangan Islam, kedua: apakah unit ASB dan fatwa mengenainya yang telah dikeluarkan di Malaysia dan ketiga: apakah pendekatan berfatwa yang diguna pakai oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor ketika menentukan hukum pelaburan ASB. Justeru itu, antara perbincangan yang diteliti adalah konsep fatwa, sejarah perkembangan metodologi hukum dalam perundangan Islam, perbezaan fatwa dan faktornya, unit amanah dan skim ASB, analisis fatwa ASB di peringkat kebangsaan dan negeri Selangor serta beberapa cadangan. Huraian lanjut mengenai kesemua perbincangan ini adalah seperti berikut:

5.1.1 Fatwa

Banyak pihak memberikan pengertian bagi menerangkan maksud fatwa. Antara mereka seperti al-Ḥarrānī, Yūsuf al-Qaraḍāwī, Quṭb Muṣṭafā Sānū, Wazārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, Kamus Dewan dan lain-lain. Kesemua pengertian yang mereka berikan menjurus ke arah hendak menjelaskan maksud fatwa dengan lengkap, jelas dan mudah difahami. Sungguhpun begitu, pengkaji memilih pengertian fatwa oleh Quṭb Muṣṭafā Sānū seperti berikut:

“suatu hukum syarak yang diterangkan oleh seorang faqih yang layak berfatwa kepada orang yang bertanya, ia tidak mengikat orang yang bertanya untuk berpegang kepada apa yang telah difatwakan oleh mufti itu, dia juga mempunyai hak untuk meminta fatwa daripada mufti lain dan mempunyai hak untuk berpegang kepada fatwa mufti lain, bercanggahan dengan mufti pertama sebentar tadi, selama mana mufti kedua itu merupakan seorang yang berilmu, mempunyai kelayakan dalam berijtihad dan memenuhi syarat-syarat dan cara-cara berfatwa.”²⁴⁶

Dalam konteks Malaysia, pengkaji melihat pengertian fatwa di atas sebagai pengertian yang sesuai. Perkara yang menjadi perhatian dalam pengertian di atas adalah sama ada fatwa yang dikeluarkan mengikat atau tidak. Dari sudut pentadbiran undang-undang di Malaysia, fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang, sebaliknya hanya bersifat pandangan hukum atau fatwa dalam sesuatu isu yang melibatkan kepentingan seluruh umat Islam. Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan juga tidak mengikat selagi tidak diwartakan oleh pihak berkuasa negeri. Hal ini kerana Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa perkara Agama terletak di bawah bidang kuasa negeri. Sungguhpun begitu, fatwa yang dikeluarkan di peringkat negeri juga tidak mengikat selagi mana ia tidak diwartakan.²⁴⁷

5.1.2 Sejarah Perkembangan Metodologi Hukum dalam Perundangan Islam

Setiap hukum yang dikeluarkan mempunyai metodologi tersendiri. Apabila ditinjau kembali catatan sejarah perkembangan metodologi hukum dalam perundangan Islam bermula seawal zaman Rasulullah SAW sehingga kini, didapati metodologi yang digunakan mengalami perkembangan.

²⁴⁶ Quṭb Muṣṭafā Sānū, *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, 312.

²⁴⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Apa Itu Fatwa?” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai pada 20 Julai 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/apa-itu-fatwa>.

Rujukan kepada al-Quran merupakan metodologi hukum yang utama pada zaman Rasulullah SAW. Ia berlaku melalui penurunan wahyu secara berperingkat kepada Nabi Muhammad SAW. Umum mengetahui bahawa ayat-ayat al-Quran yang diturunkan bersifat prinsip dan umum. Oleh itu, sunah yang juga merupakan sumber hukum pada zaman ini bertindak memperincikan lagi tuntutan syarak yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran. Bahkan peranan akal dalam memahami kehendak wahyu juga penting iaitu melalui metode ijtihad. Nabi Muhammad SAW sendiri pernah berijtihad dalam permasalahan yang berlaku sementara menunggu wahyu diturunkan. Tindakan Rasulullah SAW berijtihad adalah bagi memberi pengajaran dan pembelajaran kepada para sahabat mengenai cara-cara melakukan ijtihad menurut kehendak syarak.

Rujukan kepada al-Quran dan sunah terus menjadi pegangan selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Jika penyelesaian daripada al-Quran dan sunah tidak dijumpai, para sahabat akan beralih kepada metode ijtihad sebagaimana pengajaran dan pembelajaran yang mereka terima daripada Rasulullah SAW. Para sahabat melakukan ijtihad dengan penuh berhati-hati dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Mereka bersikap berwaspada bagi memastikan hasil ijtihad yang mereka putuskan selari dengan peruntukan syarak.

Warisan keilmuan yang ditinggalkan oleh para sahabat disambung oleh generasi seterusnya. Golongan sahabat memberi contoh teladan yang bernilai kepada generasi selepasnya dalam merintis jalan perundangan Islam. Mereka telah mengasas metodologi hukum yang jelas untuk generasi yang akan datang. Implikasinya, metodologi hukum yang digunakan pada zaman para *al-tābi'īn* adalah sama dengan zaman para sahabat. Ciri yang membezakan metodologi hukum pada zaman para *al-tābi'īn* adalah mereka akan mencari dahulu pendapat para sahabat sebelum melakukan ijtihad sendiri.

Selepas zaman para *al-tābi'īn*, fiqah mengalami perkembangan yang memberangsangkan. Perkembangan ini berlaku pada zaman para imam mujtahid. Pada zaman yang dikenali sebagai zaman keemasan fiqah Islam ini, banyak mazhab muncul dan kekal sehingga ke hari ini seperti mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali. Setiap mazhab mempunyai metodologi hukum tersendiri. Secara keseluruhannya, sumber hukum pada zaman ini terbahagi kepada empat iaitu al-Quran, sunah, ijmak dan ijihad sama ada dengan *qiyās* atau cara lain daripada cara-cara mengeluarkan hukum.

Apabila berakhirnya zaman keemasan, fiqah mengalami kemerosotan yang akhirnya membawa kepada kemunculan zaman *taqlīd*. Zaman *taqlīd* boleh dijelaskan sebagai zaman di mana pendapat semasa terikat ketat dengan pendapat ulama klasik sehingga membantut usaha ke arah pencambahan intelektual pembinaan hukum. Pada waktu ini, ijihad seolah-olah tidak ada. Hukum atau fatwa yang dikeluarkan hanya berasaskan pandangan lama yang diwarisi dari generasi sebelum.

Sememangnya diakui bahawa pusaka perbendaharaan fiqah yang diwarisi daripada ulama silam mempunyai nilai keilmuan yang tinggi. Namun ijihad yang merupakan sumber alternatif dalam perundangan Islam bagi menyelesaikan permasalahan manusia semasa juga mempunyai peranan yang signifikan. Oleh itu, era kebangkitan ilmu Islam kembali muncul. Pada zaman ini, timbul kesedaran untuk mengembalikan fiqah Islam menjadi sepertimana zaman keemasan. Era taasub mazhab juga dilihat kian berakhir. Fiqah yang dipelajari tidak lagi terhad kepada mazhab tertentu sahaja, sebaliknya ia dipelajari secara perbandingan antara satu pendapat dengan pendapat yang lain, bahkan dalam skop yang lebih luas iaitu antara satu mazhab dengan mazhab yang lain. Kaedah seperti ini dilakukan bagi mencari penjelasan hukum yang tepat bagi permasalahan semasa, sesuai dengan masa dan tempat.

Susulan daripada kesedaran yang timbul pada zaman kebangkitan ilmu Islam, fiqah Islam terus bersinar dan mengalami perkembangan terutama sekali pada zaman mutakhir. Ijtihad yang menjadi mekanisme hukum dan tunjang kepada perkembangan ilmu Islam terus mendapat perhatian. Pintu ijtihad yang sebelum ini seakan tertutup telah dibuka kembali. Keperluan kepada ijtihad semasa menepati kehendak syariah yang bersifat fleksibel dan sesuai mengikut masa dan tempat. Meskipun syariat terikat dengan prinsip nas yang ketat, namun terdapat keanjalan daripada segi pendekatan. Bersesuaian dengan falsafah syariah yang bersifat dinamis dalam menyelesaikan permasalahan semasa, maka doktrin ijtihad dilihat sebagai mekanisme perundangan yang penting dalam memahami dimensi syarak yang luas.

Selain itu, para ulama juga melihat usaha untuk kembali berijtihad merupakan satu tindakan yang perlu demi perkembangan fiqah Islam. Antara ulama semasa yang menyokong usaha untuk berijtihad adalah Yusuf al-Qaradāwī. Beliau menyebut antara syarat utama yang mesti dilakukan bagi memastikan pelaksanaan syariah berjalan dengan baik terutama sekali pada zaman sekarang adalah dengan membuka sekali lagi pintu berijtihad bagi mereka yang layak.²⁴⁸ Kaedah berijtihad yang dimaksudkan adalah dengan menilai kembali pandangan fuqaha klasik agar bersesuaian dengan realiti semasa, membuat perbandingan, memilih pendapat yang tepat dan sesuai seterusnya menetapkan hukum bagi permasalahan baru yang timbul berasaskan kehendak syarak. Hal ini kerana dalam dunia moden pada hari ini, pelbagai persoalan baru berbangkit dalam pelbagai bidang kehidupan manusia yang memerlukan jawapan dari sudut perundangan Islam. Justeru itu, usaha penyelidikan yang bersungguh-sungguh untuk memahami hukum syarak mesti dipergiatkan bagi memastikan perkembangan ilmu Islam terus diperkasa.

²⁴⁸ Yusuf al-Qaradāwī, *Madkhal li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, 240.

5.1.3 Perbezaan Fatwa dan Faktornya

Perselisihan pendapat yang berlaku adalah merupakan salah satu bentuk ujian Allah SWT. Perbezaan pendapat dalam kalangan ilmuwan pula adalah satu perkara yang biasa berlaku. Kewujudan ikhtilaf sebagai salah satu cabang fiqah yang telah tumbuh dengan subur dan diiktiraf mencerminkan suasana toleransi yang sihat dalam kalangan ulama dan para sarjana Islam. Selain itu, perbezaan pendapat juga adalah rahmat yang mampu memberi suatu bentuk kelonggaran kepada masyarakat umum. Dengan demikian, prinsip bahawa agama Islam itu mudah akan tercapai. Penting untuk ditekankan bahawa walaupun agama Islam mengakui konsep mudah, namun ia bukan bermakna seseorang boleh mengambil mudah. Dalam erti kata yang lain, kemudahan yang dimaksudkan adalah yang menjaga prinsip-prinsip syariat dan tidak mengabaikannya.

Banyak faktor yang menyebabkan berlaku perbezaan pendapat. Antara faktor tersebut adalah pertama: perbezaan kaedah mengeluarkan hukum. Dalam Islam, sumber hukum Islam dapat dibahagi kepada dua iaitu sumber hukum yang disepakati dan sumber hukum yang tidak disepakati. Kebanyakan ulama sepakat menerima sumber yang disepakati. Sementara sumber yang tidak disepakati, para ulama berbeza pendapat untuk menerimanya. Penggunaan metodologi hukum yang berbeza ini akan menghasilkan kesimpulan ilmu agama yang berlainan. Sebagai contoh, pemikiran yang menggunakan *qiyās* dan *maṣlaḥah* semestinya akan berbeza dengan pemikiran yang menggunakan *hadith*.

Faktor kedua pula adalah perbezaan dalam memahami dalil. Dari segi kekuatan dalil, wujud dalil yang *qat'ī* iaitu yang mempunyai satu makna atau bersifat muktamad dan yang *ẓann* iaitu dalil yang mempunyai lafaz yang boleh dimaksudkan dengan pelbagai makna. Dalil yang mempunyai satu makna bermaksud pemahaman kandungannya dapat diketahui secara terus. Adapun dalil yang bersifat *ẓann*, ia

memerlukan usaha untuk memahami kandungannya. Bahkan bagi nas yang *ḥaṣṣ* juga, ia sememangnya mempunyai lebih daripada satu tafsiran. Maka, akan wujudnya perbezaan dalam menentukan maksud sebenar sesuatu nas tersebut.

Seterusnya faktor ketiga adalah faktor manusia iaitu perbezaan mentaliti, keupayaan intelektual dan keilmuan. Bagi mendapatkan penjelasan hukum daripada nas, seorang mujtahid akan berusaha menggunakan sedalam-dalamnya ilmu dan ketajaman pemikiran mereka. Secara fitrahnya, manusia dicipta dengan kebolehan yang pelbagai dan berbeza-beza, sama ada secara fizikal atau mental. Perbezaan fizikal dapat difahami secara umum sebagai perbezaan kekuatan seseorang yang bersangkutan paut dengan anggota tubuh badan. Sementara perbezaan mental pula dapat dijelaskan sebagai perbezaan seseorang memahami sesuatu perkara. Dalam konteks ini, perbezaan mental yang dimaksudkan adalah perbezaan mental seseorang itu menafsir sesuatu dalil terutama sekali jika dalil yang mempunyai pelbagai maksud. Hasilnya, akan berlaku perbezaan dalam pendapat yang diputuskan.

Akhir sekali faktor yang keempat adalah uruf setempat dan adat kebiasaan. Uruf atau adat merupakan salah satu sumber penting untuk mengeluarkan hukum syarak walaupun ada dalam kalangan para ulama yang tidak mengiktirafkannya sebagai salah satu sumber hukum yang muktabar. Satu hukum boleh berubah dengan sebab berbezanya uruf dan adat. Begitu juga dalam berfatwa. Satu fatwa yang diputuskan pada masa tertentu akan berbeza pada masa yang lain. Perubahan ini berlaku bagi memelihara kepentingan atau *maṣlaḥah* manusia di satu-satu tempat. Para sarjana *uṣūl* telah mengungkapkan beberapa kaedah berkaitan dengan uruf dan adat yang menjadi asas kepada pembinaan hukum terutamanya hukum cabang. Satu daripada kaedah tersebut adalah adat boleh menjadi penentu hukum. Oleh itu, uruf dan adat boleh menjadi sumber hukum dan ia juga merupakan antara salah satu sebab berlaku perbezaan pendapat.

5.1.4 Unit Amanah

Selain perbezaan fatwa, fokus utama yang membentuk kajian ini adalah ASB. ASB tergolong dalam kategori unit amanah. Unit amanah adalah satu bentuk pelaburan kolektif yang membolehkan para pelabur dengan objektif pelaburan yang sama, menghimpun dana mereka untuk dilaburkan dalam portfolio sekuriti atau aset lain. Himpunan dana tersebut akan diurus oleh pengurus dana profesional bagi tujuan pelaburan dalam portfolio yang mungkin termasuk dalamnya kelas aset tunai, bon, deposit, saham, hartanah dan komoditi.²⁴⁹ Ertinya, para pelabur akan meletakkan wang mereka dalam satu tabung. Pengurus tabung yang dilantik akan mengurus wang tabung yang terkumpul dan melaburkannya dalam pelbagai portfolio bagi tujuan mendapatkan untung dan mengurangkan risiko rugi. Di Malaysia, semua aktiviti unit amanah yang diluluskan berada di bawah pengawasan SC. Sementara dalam operasi unit amanah pula, ada tiga pihak utama yang terlibat iaitu syarikat pengurusan (syarikat pengurus dana), pemegang unit (pelabur) dan pemegang amanah. Kesemua mereka terikat dalam satu surat ikatan amanah.

Perkembangan unit amanah di Malaysia dapat dibahagikan secara kronologi kepada lima fasa²⁵⁰ iaitu pertama: tahun pembentukan: 1959-1979, kedua: tempoh 1980-1990, ketiga: tempoh 1991-1999, keempat: tempoh 2000-sekarang dan kelima: masa hadapan.

Fasa pertama dan kedua memperlihatkan perbezaan yang jelas. Pada fasa pertama, pertumbuhan jualan unit amanah bergerak perlahan. Minat orang awam terhadap produk pelaburan juga tidak memberangsangkan. Sebaliknya pada fasa kedua, berlaku perubahan

²⁴⁹ Federation of Investment Managers Malaysia, "What Are Unit Trusts?" laman sesawang *Federation of Investment Managers Malaysia*, dicapai 9 Mac 2013, <http://www.fimm.com.my/contents.asp?id=100049&sid=100036&cid=100030&zid=100008>.

²⁵⁰ 1) Federation of Investment Managers Malaysia, "History of Unit Trusts", laman sesawang *Federation of Investment Managers Malaysia*, dicapai 9 Mac 2013, <http://www.fimm.com.my/contents.asp?id=100050&sid=100036&cid=100030&zid=100008> ; 2) Permodalan Nasional Berhad, *Industri Saham Amanah Malaysia*, 46-52 ; 3) Low Chia, "Wei Market Timing, Selectivity and Persistence of the Performance of Selected Malaysian Unit Trust Funds", 8-9 ; 4) Jeffrey Gan, *The Untold Million-dollar Secrets of Unit Trust Investment*, xvi.

yang ketara. Perkembangan penting dalam sejarah industri unit amanah mula tercatat apabila Skim ASN dilancarkan. Masyarakat awam mula memberi perhatian kepada unit amanah dan sekaligus industri unit amanah mula berkembang. Perkembangan pesat industri unit amanah terus berlaku pada fasa ketiga. Banyak syarikat pengurusan baru ditubuhkan yang menawarkan pelbagai dana baru untuk dilanggan. Pada fasa ini juga, PNB juga tidak ketinggalan apabila melancarkan unit amanah yang kedua iaitu Skim tASB. Pada fasa keempat, industri unit amanah terus berkembang dengan pesat. Antara perkara yang menyumbang kepada perkembangan industri unit amanah adalah ia menjanjikan permulaan yang baik selepas pulih daripada krisis ekonomi dan kewangan Asia 1997/1998. Selain itu, kesedaran masyarakat awam terhadap dana patuh syariah juga meningkat. Akhir sekali pada fasa kelima, kematangan para pelabur dalam memilih unit amanah mana yang hendak disertai terserlah. Hal ini menjanjikan persaingan yang semakin mencabar dalam industri unit amanah.

Unit amanah mempunyai banyak kebaikan. Kebaikan unit amanah dapat disimpulkan seperti berikut: membantu mereka yang mempunyai modal yang terhad, berminat untuk melabur, mendapat untung dan tidak mahu menanggung risiko yang besar, namun menghadapi kekangan masa dan ilmu pengetahuan dalam bidang pelaburan.

5.1.5 Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Skim ASB mula dilancarkan pada 2 Januari 1990. Skim ASB merupakan saham amanah berharga tetap yang boleh dilanggan pada harga hanya RM1.00 seunit. Dana ASB terbuka dan ditawarkan hanya kepada pelabur Bumiputra berusia 12 tahun ke atas. Tujuan Skim ASB dilancarkan adalah untuk membolehkan pelabur Bumiputra terus melabur dalam saham amanah yang mempunyai ciri yang sama dengan Skim ASN yang ditukar kepada saham amanah harga berubah setelah kematangannya pada 31 Disember 1990.

5.1.6 Analisis Fatwa ASB di Peringkat Kebangsaan dan Negeri Selangor

Unit amanah adalah pilihan pelaburan yang boleh dipertimbangkan bagi seorang pelabur yang mempunyai modal yang terhad. Banyak unit amanah ditawarkan di Malaysia dan salah satu daripadanya adalah unit ASB. Dengan modal pelaburan permulaan minimum sebanyak 10 unit yang bersamaan dengan RM10, seseorang sudah boleh melabur dalam ASB.

Namun begitu, keinginan untuk melabur dan mengaut keuntungan tidak seharusnya memalingkan tumpuan seseorang daripada perkara yang lebih penting iaitu persoalan mengenai hukum. Pelaburan adalah satu aspek yang penting dalam pengurusan kewangan. Sementara persoalan mengenai hukum pula adalah satu aspek lain yang lebih penting dalam pengurusan diri sebagai seorang Muslim. Justeru itu, walaupun unit ASB memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk menyertainya, namun perbincangan dan status mengenai hukum menyertainya juga seharusnya diberikan perhatian.

Perbincangan mengenai hukum melabur dalam ASB telah menghasilkan dua pendapat yang berbeza di peringkat kebangsaan dan negeri di Malaysia. Di peringkat kebangsaan, Jawatankuasa Fatwa MKI pada tahun 2008 telah memutuskan harus menyertai pelaburan ASB. Sebaliknya Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada tahun 2011 pula telah mengatakan tidak halal melabur dalam ASB.

Mengapa perbezaan fatwa dalam perkara ini boleh berlaku? Bagi mencari jawapan berhubung persoalan utama ini, penelitian terhadap fatwa, dalil dan hujah oleh kedua-dua pihak; Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah pun dijalankan.

Hasil penelitian yang dijalankan menyimpulkan bahawa perbezaan fatwa berlaku kerana perbezaan daripada segi pendekatan mengeluarkan hukum. Fatwa harus ASB yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa MKI adalah berasaskan pendekatan *al-fiqh al-maqāsidī*. Sementara fatwa tidak halal yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pula menjurus ke arah pendekatan *al-fiqh al-shaklī*.

Kajian juga menekankan bahawa perbezaan fatwa yang berlaku mesti dihormati dan diterima dengan hati yang terbuka. Balasan baik tetap menanti bagi para mujtahid yang berusaha bersungguh-sungguh mengeluarkan hukum walaupun hukum yang mereka putuskan salah. Sungguhpun begitu, kajian ini memilih fatwa negeri Selangor sebagai fatwa yang lebih tepat kerana kekuatan dalil dan hujah yang mereka kemukakan.

5.2 Cadangan

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, beberapa cadangan dapat dikemukakan supaya proses penambahbaikan yang dikehendaki mampu dilaksanakan secara bersepadu sama ada daripada pihak kerajaan, pihak yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa, pihak pengurusan yang mempunyai kaitan dengan unit ASB dan masyarakat. Antara cadangan tersebut adalah:

1. Pihak kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih proaktif demi memastikan aktiviti pelaburan khususnya yang mempunyai kaitan dengan kepentingan masyarakat Melayu Islam di Malaysia menepati prinsip asas syariah. Bukan sekadar melihat kepada keuntungan material semata-mata, bahkan keuntungan agama juga.
2. Menjadikan institusi fatwa sebagai badan berkecuali supaya fatwa dapat diputuskan dengan lancar dan diterima dalam kalangan masyarakat dengan baik.

Antara cara yang difikirkan sesuai adalah melalui jalan wakaf iaitu menjadi institusi fatwa sebagai milik ummah.

3. Pihak yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa perlu menguasai suasana sedaya termampu dan bukan dikuasai. Ketegasan ini penting supaya fatwa yang dikeluarkan tidak tergelincir daripada prinsip syariah.
4. Mengubah sistem dan operasi yang sedia ada dalam ASB supaya menepati syariah sepenuhnya berpandukan garis panduan dan piawaian yang ditetapkan oleh SC. Proses Islamisasi ini boleh dicapai dengan usaha yang lebih bersepadu antara penasihat syariah dan pihak pengurusan di ASNB mahupun PNB. Antara langkah yang dicadangkan adalah:²⁵¹
 - a. Mendapatkan jaminan terhadap modal dari pihak ketiga yang bukan PNB dan bukan kerajaan.
 - b. Menghentikan pelaburan tidak patuh syariah yang telah dibuat dan menamatkannya walaupun sebelum tempoh matang dengan menanggung sedikit kerugian demi untuk 'HIJRAH' yang besar.
 - c. Menghadkan penggunaan wang yang dilaburkan awam kepada kaunter tempatan dan antarabangsa yang disahkan patuh syariah.
 - d. ASB mengkhususkan pelaburan sekitar 30% dalam Maybank itu adalah khas untuk operasi MAYBANK ISLAMIC sahaja.
5. Menjadikan SC sebagai pusat rujukan utama khususnya apabila melibatkan persoalan dalam dunia pasaran modal Islam. Usaha ini signifikan kerana mereka merupakan satu badan yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Usaha ini juga penting demi mewujudkan penyatuan dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

²⁵¹ Cara ini berpandukan penerangan oleh Zaharuddin Bin Abd Rahman dalam blog beliau. Lihat Zaharuddin Bin Abd Rahman, "Tak Puas Hati Isu ASB – Jawapan", laman sesawang *Zaharuddin Bin Abd Rahman*, dicapai 9 Mac 2013, http://zaharuddin.net/index.php?option=com_content&task=view&id=254&Itemid=63.

6. Menggalakkan masyarakat mempelajari dengan lebih mendalam ilmu pelaburan berlandaskan prinsip syariah supaya mereka mendapat pemahaman yang bukan sahaja jelas malah tepat mengenai aplikasi pelaburan dalam Islam. Antaranya adalah dengan menghadiri bengkel, mendapat bimbingan daripada pakar, membaca buku dan sebagainya.
7. Memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai seni perbezaan pendapat (*fiqh al-ikhtilāf*) yang dibolehkan dalam perundangan Islam dan adab yang wajib dijaga apabila berinteraksi dengannya. Usaha ini penting supaya agama Islam tidak dipandang sebagai agama yang memecahbelahkan masyarakat. antara cara yang boleh dilakukan adalah melalui media massa kerana ia mempunyai pengaruh yang kuat.
8. Menggembleng tenaga daripada para ilmuwan untuk memberi faham tentang penjelasan sebenar *maqāṣid al-sharī'ah* (objektif syariah) dalam Islam. Usaha ini merupakan satu cara bagi mendidik masyarakat dan mereka yang terlibat dalam dunia kewangan tentang hakikat sebenar objektif syariah dalam kewangan Islam.
9. Mewujudkan sinergi iaitu kerjasama antara para ilmuwan Islam, kerajaan dan ahli perniagaan. Usaha ini penting supaya informasi yang bermanfaat tentang perniagaan menurut Islam dapat disalurkan dengan baik kepada masyarakat. Termasuk dalam kategori perniagaan adalah pelaburan.
10. Untuk kajian lanjut, pengkaji mencadangkan supaya dijalankan satu penyelidikan yang meneliti sejauh manakah proses Islamisasi urusan perbankan dan kewangan Islam sekarang khususnya di Malaysia. Kajian lanjut ini penting bagi mencari titik-titik kelemahan yang masih terdapat dalam industri kewangan Islam semasa seterusnya menggariskan formula-formula untuk membaikinya, demi kebaikan semua.

Penutup

Kajian ini mampu memberi gambaran menyeluruh mengenai perbezaan fatwa ASB yang berlaku di Malaysia khususnya antara fatwa peringkat kebangsaan dan negeri Selangor. Sebelum itu, fatwa dalam kajian ini merujuk kepada pendapat hukum mengenai sesuatu perkara yang dikeluarkan oleh badan berautoriti dalam bidang fatwa di Malaysia.

Kajian merumuskan bahawa fatwa ASB yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mempunyai pendekatan dan metodologi berfatwa yang tersendiri. Muzakarah dilihat berada dalam aliran fiqah *maqāṣid* (*al-fiqh al-maqāṣidi*) yang banyak melihat kepada objektif syariah di sebalik sesuatu hukum. Sementara Jawatankuasa Fatwa pula berada dalam aliran fiqah *shakli* (*al-fiqh al-shaklī*) yang banyak melihat kepada format. Kajian juga merumuskan bahawa perbezaan fatwa yang berlaku mesti diurus dengan baik supaya ia memberi kebaikan kepada umat Islam secara keseluruhan.

Akhir sekali, penulis mendoakan semoga kajian yang dilaksanakan ini menjadi satu bahan fakta yang bermanfaat untuk dirujuk. Penulis juga mendoakan juga semoga kajian ini mampu memberi satu bentuk sumbangan maklumat berbentuk ilmiah kepada pihak-pihak yang berkenaan demi kejayaan bersama.

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

Rujukan kepada al-Quran

Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, ed. Datuk Haji Muhammad Noor Bin Haji Ibrahim, ed. ke-21. Malaysia: Dar Al-Kitab, 2010.

Rujukan kepada Hadith

Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Asy'ath al-Sijistānī, Sunan Abī Dāwūd, ed. al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.).

al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā'il, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2002).

_____, al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ, ed. Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb dan Muḥammad Fu'ād al-Bāqī (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1400H).

al-Dāruquṭnī, 'Alī Ibn 'Umar, Sunan al-Dāruquṭnī (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2004).

_____, Sunan al-Dāruquṭnī, ed. 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd dan 'Alī Muḥammad (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2001).

al-Nasā'i, Abū 'Abd al-Raḥmān Aḥmad Ibn Shu'ayb Ibn 'Alī, Sunan al-Nasā'i, ed. al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.).

al-Tirmidhī, Muḥammad Ibn 'Īsa Ibn Sūrah, Sunan al-Tirmidhī, ed. al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.).

Ibn Mājah, Abū 'Abd Allāh Ibn Yazīd al-Qazwaynī, Sunan Ibn Mājah, ed. al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.).

Muslim, Abū al-Ḥusayn Ibn al-Hujjāj al-Qushayrī al-Nisābūrī, Mukhtasar Ṣaḥīḥ Muslim, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, ed. ke-6 (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1987).

_____, Ṣaḥīḥ Muslim (Riyadh: Dār Ṭayyibah, 2006).

Rujukan kepada Buku / Kitab

Bahasa Arab

Alyūbī, Muḥammad Sa‘ad Ibn Aḥmad Ibn Mas‘ūd, *Maqāṣid al-Sharī‘ah wa ‘Alāqatuhā bi al-Adillah al-Shar‘iyyah* (Kaherah: Dār Ibn Jawzī, 2008).

‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*, ed. ke-8 (t.p.: Maktabah al-Da‘wah al-Islāmiyyah, t.t.).

al-Āmidī, ‘Alī Ibn Muḥammad, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (Kaherah: t.tp., 1987).

al-Ashqar, Muḥammad Sulaymān ‘Abd Allah, *al-Wāḍih fī Uṣūl al-Fiqh* (Mesir: Dār al-Salām, 2009).

al-Ashqār, ‘Umar Sulaymān, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī* (Amman: Dār al-Nafā‘is, 1991).

al-Baiḍāwī, Nāṣir al-Dīn ‘Abd Allāh Ibn ‘Umar, *Minhāj al-Wuṣūl ila ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. Sha‘bān Muḥammad Ismā‘il (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2008).

al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān, *Ḍawabit al-Maṣlaḥah fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, ed. ke-2 (t.tp.: Mu‘assasah al-Risālah, t.t.).

al-Dahlawī, Aḥmad Ibn ‘Abd al-Raḥīm, *al-Inṣāf fī Bayān Asbāb Ikhtilāf al-Fuqahā’* (Beirut: Dār al-Nafā‘is, 1404).

al-Ḍawayhī, Aḥmad Ibn ‘Abd Allāh Ibn Muḥammad *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh min al-Tadwīn ila Nihāyah al-Qurn al-Rābi‘ al-Hijrī* (Saudi: Jāmi‘ah al-Imām Muḥammad Ibn Sa‘ūd al-Islamiyyah, 1427H).

al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad, *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. Ḥamzah Ibn Zuhayr Ḥāfiẓ (al-Madīnah al-Munawwarah, Sharikah al-Madīnah al-Munawwarah li al-Ṭibā‘ah, 1413H).

al-Ghiryānī, ‘Ādil Muḥammad ‘Abd al-Azīz, *Mabāhiṭh fī Tārīkh al-Tashrī‘ al-Islāmī*, 2002).

al-Ḥajawī, Muḥammad Ibn al-Ḥasan Ibn al-‘Arabī Ibn Muḥammad, *al-Fikr al-Sāmī fī Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995).

al-Ḥarrānī, Aḥmad Ibn Ḥamdān, *Sifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustaftī* (Beirut: Maktab al-Islāmī, 1984).

al-‘Izz ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd al-Salām, *Qawā‘id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*, ed. ‘Abd al-Laṭīf ‘Abd al-Raḥmān (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999).

- al-Jazīrī, ‘Abd al-Raḥmān, *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, ed. ke-2 (Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003).
- al-Khādimī, Nūr al-Dīn Mukhtār, *al-Ijtihād al-Maqāṣidī, Hujjiyyatuh..Dawābituh..Majālātuh* (Doha: Wazārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 1998).
- al-Khuḍarī Bek, Muḥammad, *Tārīkh al-Tashrī‘ al-Islāmī* (Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1965).
- al-Marāghī, ‘Abd Allāh, Muṣṭafā *al-Fatḥ al-Mubīn*, ed. ke-2 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1974).
- al-Mardawī, ‘Alā’ al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī Ibn Sulaymān Ibn Aḥmad, *al-Inṣāf fī Ma‘rifah al-Rājiḥ min al-Khilāf ‘alā Madhhab al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997).
- al-Marghīnānī, Burhān al-Dīn Abū Ḥasan ‘Alī Ibn Abī Bakr, *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī‘* (Pakistan: Idārah al-Qur’ān wa al-‘Ulūm al-Islamiyyah, 1417H).
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muḥy al-Dīn Yaḥyā Ibn Sharf, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab* (t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.).
- al-Qaraḍāwī, Yusuf, *Madkhal li Dirāsah al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1993).
- _____, *al-Ijtihad al-Mu‘āṣir bayna al-Inḍibāt wa al-Infirāt* (Kaherah: Dār al-Tawzī‘ wa al-Nashr al-Islāmiyyah, 1994).
- _____, *al-Fatwā bayna al-Inḍibāt wa al-Tasayyub*, ed. ke-2 (Kaherah: Dār al-Ṣaḥwah, 1994).
- _____, *al-Ṣaḥwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Mashrū‘ Wa al-Tafarruq al-Madhmūm* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2001).
- _____, *Min Hudā al-Islām: Fatāwā Mu‘āṣirah*, ed. ke-11 (Kuwait: Dār al-Qalam, 2005).
- al-Sakhāwī, Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad Ibn ‘Abd Raḥmān, *al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtaharah ‘alā al-Aṣṣināh* (Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1979).
- al-Shāfi‘ī, Muḥammad Ibn Idrīs, *al-Umm* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1990).
- al-Shāṭibī, Abū Ishāq Ibrāhīm al-Lakhmī al-Gharnāṭī al-Mālikī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991).
- al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn ‘Alī Ibn Yūsuf, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.).
- al-Subkī, Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahhab Ibn ‘Alī Ibn ‘Abd al-Kāfi, *al-Ashbāh wa al-Nazā‘ir*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd dan ‘Āli Muḥammad ‘Iwāḍ (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991).

- al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān Ibn Aḥmad, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, ed. Abū Mu'adh dan Abū al-Faḍl (Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, 1995).
- al-Zībārī, 'Āmir Sa'īd, *Mabāḥith fī Aḥkām al-Fatwā* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1995).
- al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1999).
- _____, *al-Mu'āmalat al-Māliyyah al-Mu'aṣarah*, ed. 6 (Damsyik: Dār al-Fikr, 2008).
- Ibn Kathīr, 'Imād al-Dīn Abū al-Fidā' Ismā'il al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, ed. Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et. al. (Jīzah: Mu'assasah Qurṭubah, 2000).
- Ibn Nujaim, Zain al-Dīn Ibn Ibrāhīm, *al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq* (t.tp.: Dār al-Kutub al-Islāmī, t.t.).
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Abū Bakr Ibn Ayyūb, *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, ed. Abū 'Ubaydah Mashhūr Ibn Ḥasan Āli Salmān (Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 1423H).
- Ibn Rushd, Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, ed. ke-6 (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1982).
- Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Aḥmad, *Majmū' al-Fatāwā*, ed. 'Āmir al-Jazzār dan Anwar al-Bāz, ed. ke-3 (Manṣūrah: Dār al-Wafā', 2005).
- Muḥammad Yūsuf Mūsa, *al-Madkhal li Dirāsah al-Fiqh al-Islāmī* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabi, 1961).
- Nazīh Ḥammād, *Madā Ṣiḥḥah Taḍmīn Yad al-Amānah bi al-Sharḥ fī al-Fiqh al-Islāmī*, ed. ke-2 (Jeddah: al-Ma'had al-Islāmī li al-Buḥūth wa al-Tadrīb, 2000).
- Sāmī Ḥasan Aḥmad Ḥāmūd, *Taṭwīr al-A'māl al-Maṣrifīyyah bimā Yattaḥiq wa al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, ed. ke-3 (Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, 1991).
- Ṭaha Jābir al-'Alwānī, *Adab al-Ikhtilāf fī al-Islām* (USA, The International Institute of Islamic Thought, 1992).
- 'Abd al-Ghānī 'Abd al-Khāliq, *Ḥujjiyyah al-Sunnah* (Herndon: al-Ma'had al-'Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, 1993).
- 'Abd al-Karīm Zaydān, *al-Madkhal li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Damsyik: Mu'assasah al-Risālah Nāshirun, 2011).
- 'Abd al-Wahhāb Khalāf, *Ilm Uṣūl al-Fiqh wa Khulāṣah Tārīkh al-Tashrī' al-Islāmī* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1956).
- 'Abd al-'Azīm Sharf al-Dīn, *Tārīkh al-Tashrī' al-Islāmī*, ed. ke-3 (t.tp.: al-'Arabī, 1985).

- ‘Alīsh, Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad, *Manḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* (Beirut: Dār al-Fikr, 1989).
- ‘Allāl al-Fāsī, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā*, ed. ke-5 (t.tp.: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1993).

Bahasa Melayu

- Ahmad Hidayat Buang, “Penulisan dan Kajian Fatwa”, dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004).
- Hajah Rohani Mohd Shahir, *Bijak Mengurus Wang* (Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2012).
- Hasnan Kasan, *Institusi Fatwa di Malaysia* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008).
- Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Monograf al-Ifta’ Siri 1* (Putrajaya: JAKIM, 2010).
- Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Paizah Ismail, *Pengantar Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Al_Baian Corporation Sdn. Bhd., 2010).
- Othman bin Haji Ishak, *Fatwa dalam Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1981).
- Permodalan Nasional Berhad, *Industri Saham Amanah Malaysia* (Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad, 2001).
- Razali Razaman, *Panduan Pelaburan Unit Amanah* (Selangor: True Wealth Sdn Bhd, 2010).
- Saadman Man, Abdul Karim Ali dan Noor Naemah Abdul Rahman, *Fiqh Ikhtilaf* (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Univerisiti Malaya, 2009).
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia* (Kuala Lumpur, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 29 November 2013).
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, 2008).

Bahasa Inggeris

Jeffrey Gan, *The Untold Million-dollar Secrets of Unit Trust Investment* (Petaling Jaya: Leeds Publications (M) Sdn. Bhd., 2007).

Rujukan kepada Makalah

Bahasa Arab

al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah, (Kuwait: Wazārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1983).

Lisan al- 'Arab, (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, 1119).

Quṭb Muṣṭafā Sānū, *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, ed. Muḥammad Rawwās Qal'ajī (Dimashq: Dār al-Fikr, 2000).

Bahasa Melayu

Ahmad Hidayat Buang, “Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah Di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 10, bil. 1 (2002).

Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).

Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid, “Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 12: 2 (2004).

Mat Saad Abd. Rahman, “Istinbat: Asas dan Metedeologi”, dalam *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1998).

Ridzwan Ahmad, “Metode Pentarjīhan Maṣlaḥah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa”, *Jurnal Syariah* 16, bil. 1 (2008).

Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail, “Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa VII (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011).

Bahasa Inggeris

Siti Maisarah, “Fatwa – The Extent of the Ruling, Need for Uniformity in Rulings”, dalam *Malaysian Law News* (Selangor: Central Law Book Corporation Sdn Bhd, Februari 1996).

Rujukan kepada Bahan Yang Tidak Diterbitkan

Bahasa Arab

Tawfīk Abdul Rahman Qasem, “al-Ijtihād fī al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah al-Mu‘āsarah Ususuh wa Ḍawābiṭuh” (Tesis Ph.D, Universiti Malaya, 2012).

Bahasa Melayu / Indonesia

Alias Bin Azhar, “Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian Dari Tahun 1985-1995” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2001).

Azizi Abu Bakar, “Amanah Saham Kedah (ASK): Satu Penilaian Dari Perspektif Hukum Muamalat” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2002).

Irwan Bin Mohd Subri, “al-Fatāwā al-Shar‘iyyah wa Ishkālīyyah al-Thabāt wa al-Taghayyur: Dirāsah Taṭbīqiyyah fī al-Wāqi‘ al-Mālīzī” (tesis kedoktoran, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011).

Muchlis Bahar, “Metode Ijtihad Yusuf al-Qaradhawi dalam Masalah-Masalah Kontemporer” (tesis kedoktoran, IAIN Syarif Hidayatullah, 2001).

Jabatan Mufti Negeri Selangor, “Prosiding Pengeluaran & Pewartaan Fatwa Negeri Selangor” (Jabatan Mufti Negeri Selangor, t.t.).

Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional Berhad, “Laporan Tahunan ASB Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2012” (Laporan Tahunan ASB 2011).

Noor Naemah Abdul Rahman, “Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan Tahun 1920an hingga 1990an: Satu Analisis” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2003).

Saipul Anuar Bin Haji Mohd. Yusop, “*Sadd al-Dharā’i*’ Sebagai Sumber Fatwa: Satu Kajian Tentang Pemakaiannya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Selangor” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 1999).

Bahasa Inggeris

Low Chia Wei, “Market Timing, Selectivity and Persistence of the Performance of Selected Malaysian Unit Trust Funds” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2008).

Rujukan kepada Temu Bual

Abdul Shukor Bin Husin (pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan ke-5 dari tahun 2005 sehingga sekarang), dalam temu bual dengan penulis, 10 Mei 2013.

Aznan Hasan (Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti SC Malaysia (2012/2014)), dalam temu bual dengan penulis, 5 April 2013.

Harussani Bin Zakaria (panel penasihat syariah Permodalan Nasional Berhad (PNB)), dalam temu bual dengan penulis, 28 Jun 2013.

Mahmood Zuhdi Bin Ab. Majid (panel penasihat syariah Permodalan Nasional Berhad (PNB)), dalam temu bual dengan penulis, 26 April 2013.

Mohd Mokhtar Bin Haji Shafii (Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sesi 2009-2011), dalam temu bual dengan penulis, 24 Mei 2012.

Mohd Salehin Bin Sopian (Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Jun 2012.

Suzardi Bin Maulan (konsultan prinsipal AFIQ Training & Advisory), dalam temu bual dengan penulis, 13 Jun 2012.

Rujukan kepada Laman Sesawang

Amanah Saham Nasional Berhad, laman sesawang *Amanah Saham Nasional Berhad*, <http://www.asnb.com.my/>.

Federation of Investment Managers Malaysia, laman sesawang *Federation of Investment Managers Malaysia*, <http://www.fimm.com.my/>.

MNRB Holdings Berhad, laman sesawang *MNRB Holdings Berhad*, <http://www.mnrb.com.my/>.

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, <http://www.e-fatwa.gov.my/>.

Permodalan Nasional Berhad, laman sesawang *Permodalan Nasional Berhad*,
<http://www.pnb.com.my/>.

Şalāḥ al-Dīn ‘Abd al-Ḥalīm Sulṭān, laman sesawang *Dr. Şalāḥ Sulṭān*,
<http://www.salahsoltan.com/>.

Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti
(SC) Malaysia*, <http://www.sc.com.my/>.

Suzardi Maulan {Pakdi}, “Bio”, laman sesawang *Suzardi Maulan*,
<http://www.suzardimaulan.com/>.

Zaharuddin.Net {Rujukan Informasi Islam}, laman sesawang *Ustaz Dr Hj
Zaharuddin Hj Abd Rahman*, <http://www.zaharuddin.net/>.

“Maybank Islamic”, laman sesawang Maybank Islamic,
<http://maybankislamic.com.my/about.html>.

Senarai Statut

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan),
1993, (Akta No. 505, 1993).